



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 685]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 762]

Rang Undang-undang Perikanan [Ruangan 792]

**Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan
Malaysia [Ruangan 813]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).

TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).

LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN. A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR A.M.N. (Dilantik).

TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).

TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).

TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak).

TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik).

PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).

PUAN HABSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).

PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.
(Pulau Pinang).

TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).

TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).

DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).

PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).

TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan).

TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).

DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., JP. (Pulau Pinang).

TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).

DATO K. KUMARAN. D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik).

TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).

CYK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).

DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).

TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).

TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).

DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).

TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).

TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).

TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).

TUAN MOHD. YUSOF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).

TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).

PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).

TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).

TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).

TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.J., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik),

PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

TUAN A. 'SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD.
(Dilantik).

TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

TUAN TAN' CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

TUAN TAY'CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)

TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

TUAN WONG YAU KET (Sabah).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tingkatan Khas: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N, Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita -pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 19hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANMENGINDUSTRIALISEKAN
NEGARA

1. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan penglibatan pihak swasta bagi membantu hasrat Kerajaan untuk "mengindustrialise"kan negara ini; dan berapa lamakah lagi dalam keadaan yang ada sekarang sebelum Malaysia boleh diiktirafkan sebagai sebuah negara "Industrial".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, prestasi pelaburan sektor swasta di dalam tempoh 1981 hingga 1985 adalah dianggarkan lebih rendah daripada yang dijangkakan iaitu berkembang hanya pada kadar 4.2% setahun. Bagi tahun 1981 hingga 1983 kadar pertumbuhan yang perlahan ini adalah disebabkan oleh kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia.

Sungguhpun ekonomi mula pulih di dalam bahagian terakhir tahun-tahun 1983-1984 tetapi pelaburan swasta tidak banyak bertambah. Pada keseluruhannya Kerajaan masih belum berpuashati dengan penglibatan

sektor swasta dalam proses perindustrian negara. Penyertaannya yang kurang memuaskan itu setakat ini menyebabkan sektor awam terus menyertai aktiviti-aktiviti yang sepatutnya diuruskan oleh sektor swasta sendiri. Adalah penting bahawa pelaburan swasta dalam sektor industri perlu digerak dan ditingkatkan dengan lebih pesat lagi di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima. Tujuannya ialah bagi membantu negara mencapai objektifnya untuk meluas serta mendalamkan lagi asas-asas perindustrian negara.

Dalam hubungan ini Kerajaan sedang menggubal strategi-strategi baru untuk menggalakkan penyertaan yang lebih aktif oleh sektor swasta serta menggalakkan pelaburan asing menanam modal di negara ini melalui penggubalan skim-skim yang lebih menarik dan mengemaskinkan peraturan-peraturan bersabit dengan penubuhan industri.

Sungguhpun pada akhir-akhir ini negara telah mula menubuhkan industri berat, industri pertengahan dan industri modal ini tidak bermakna bahawa Malaysia telah mencapai tahap perindustrian yang tinggi. Anggapan dan pengiktirafan sama ada Malaysia menjadi negara industri atau tidak, tidaklah begitu mustahak bagi kita. Apa yang lebih mustahak ialah pertumbuhan sektor industri hendaklah mencapai kadar yang lebih tinggi untuk menampung jumlah pekerja-pekerja dan meninggalkan lagi hasil pengeksporan kita.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sedikit tentang apakah skim-skim galakan yang bakal dibuat oleh Kerajaan bagi menggalakkan sektor swasta dan pelabur asing melaburkan ke negara kita ini.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, skim-skim galakan yang dimaksudkan dalam jawapan tadi ialah skim-skim yang mesti dikaji dari masa ke semasa oleh pihak-pihak Kerajaan dan skim-skim itu perlu mendapat syor-syor dari orang ramai supaya dapat kita pastikan bahawa ia akan berjaya.

Datuk G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada terdapat negeri-negeri luar membantu dalam menjadikan Malaysia sebuah negara industri, dan, kalau ada, manakah negeri-negeri itu?

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih diuruskan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan negara manakah yang boleh membantu kita.

RTM—IKLAN MAKANAN RINGAN

2. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa RTM begitu ghairah menyiarkan iklan makanan ringan bagi kanak-kanak yang mengandungi alat-alat permainan yang ada bahan kimia; jika sedar, nyatakan tindakan Kerajaan terhadap perkara ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, iklan makanan ringan yang ditayangkan melalui

Televisyen Malaysia disiarkan semasa penyiaran rancangan untuk kanak-kanak iaitu antara jam 5 petang hingga 6.30 petang. Bilangan siaran-siaran iklan-iklan jenis ini bergantung kepada tempahan yang dibuat oleh pelanggan. Kementerian Penerangan sentiasa mengawasi iklan-iklan seperti ini.

Mengenai hadiah-hadiah berupa alat permainan yang diberi percuma itu sukacita dimaklumkan bahawa ianya dibungkus berasingan daripada makanan tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya alat permainan tersebut didapati merbahaya kepada kanak-kanak, pihak Kementerian akan mengambil tindakan menghentikan tayangan iklan yang berkenaan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian ada membuat penapisan ataupun membuat suatu pemeriksaan tentang bahan-bahan makanan kanak-kanak ini yang mana kita nampak bahawa kebanyakannya adalah merupakan "junk food", dengan izin, iaitu makanan yang tidak mengandungi zat-zat, protin yang penting bagi membina kanak-kanak. Tidakkah pihak Kementerian menapiskan agar bahan yang diiklankan hanya merupakan bahan-bahan yang cukup zat-zat, protin, vitamin dan sebagainya yang mana akan boleh membaiki lagi taraf dan mutu makanan kepada kanak-kanak.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ada mempunyai sebuah panel yang bernama Panel Nasihat Kod Iklan dan anggota panel ini terdiri dari pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan, Bahagian Consumer Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, FOMCA iaitu Persatuan Pengguna Malaysia, Majlis Kanak-kanak, TV3 dan juga NCWO iaitu Majlis

Kebangsaan Pertubuhan Wanita-wanita Malaysia dan orang-orang perseorangan yang terkenal. Jadi, segala sesuatu yang hendak diiklan dikaji oleh mereka ini terlebih dahulu dan pada hari ini sukalah saya nyatakan bahawa pihak kami sedang menunggu laporan lengkap dari panel ini mengenai barang-barang yang diiklankan.

Puan Nen Abidah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kementerian hanya menitikberatkan kepada keuntungan sahaja dengan tidak memandang kepada akibat yang akan menimpa kepada anak-anak kita.

Saya ingin tahu bilakah pihak Kementerian akan mengurangkan iklan-iklan yang serupa ini dengan pengetahuan-pengetahuan yang boleh menarik perhatian kanak-kanak kita.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya sedar tentang masalah ini. Sebagaimana yang dinyatakan sekejap tadi apa yang kita tunggu pada hari ini ialah laporan daripada Panel Nasihat Kod Iklan itu. Apakala kita menerima laporan itu kita membuat kajian maka tindakan yang sewajarnya akan diambil.

PENERAPAN/PENSESUAIAN TEKNOLOGI

3. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa teknologi yang sedia ada di sekitar kita tidak semestinya menjamin pembangunan teknologi negara seperti Malaysia; dan nyatakan perancangan dan strategi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menghidup dan meluaskan daya penerapan dan pensesuaian teknologi sama ada melalui program pelajaran dan latihan, minat dan kepakaran kejuruteraan dalam masyarakat

Malaysia, mengembelingkan kapasiti di institusi-institusi yang sedia ada sama ada di dalam sektor awam, swasta dan di pusat-pusat pengajian tinggi.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah sedar bahawa teknologi yang sedia ada di sekitar kita tidak semestinya menjamin pembangunan teknologi negara. Apa yang perlu dipertimbangkan ialah keperluan untuk menyokong rancangan pembangunan negara kita serta keperluan pihak pekilang di sektor swasta.

Rancangan dan strategi sains dan teknologi sedang dikaji untuk merangkakan pendekatan untuk menemui keperluan-keperluan negara di dalam bidang sains dan teknologi. Pada masa kini, negara kita sedang mendapatkan bantuan teknik dari badan-badan antarabangsa dan juga melalui perjanjian dua hala dengan beberapa negara maju untuk mendapatkan kemudahan latihan bagi ahli-ahli sains, jurutera dan juruteknik negara kita.

Majlis Pendidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) di bawah Kementerian saya telah pun mengambil beberapa langkah seperti mengkaji isu-isu yang penting mengenai sains dan teknologi dan satu dasar sains dan teknologi negara sedang disediakan dan akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri tidak lama lagi. Saya percaya dengan dasar dan strategi-strategi yang dicadangkan, usaha-usaha pembangunan teknologi negara ini akan ditambahkan lagi serui mendukung cita-cita negara untuk mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi.

Usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi kebolehan institusi-institusi yang sedia ada juga

telah diambil kira. Ini adalah termasuk usaha-usaha untuk menambahkan lagi penyelidikan di pihak swasta selain daripada pihak sektor awam.

Berkenaan dengan rancangan pendidikan di dalam bidang sains dan teknologi. Timbalan Menteri Pelajaran telah memberi butir-butir di dalam jawapannya semalam di Dewan yang mulia ini dan saya tidak ada apa-apa lagi untuk ditambah.

Di dalam jawapan saya semalam di Dewan yang mulia ini, saya telah memberi penjelasan berkenaan berbagai aktiviti Kementerian saya untuk mempopularkan sains dan teknologi di negara ini dan Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada Penyata Rasmi Dewan Negara (Hansard) untuk mendapatkan butir-butir yang komprehensif.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Pada dekad 30an dan 10 tahun selepas kemudahan keretapi diperkenalkan di negeri Jepun, Jepun telah mengubahsuaikan teknologi keretapi daripada Belgium dan selepas itu tidak mengimport teknologi keretapi daripada Belgium.

Jadi, saya bertanya sejauh manakah usaha yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk membangunkan kapasiti di kalangan kita supaya berupaya untuk mengubahsuaikan sekurang-kurangnya teknologi yang ada di sekitar kita.

Soalan saya yang kedua ialah sejauh manakah usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa keupayaan yang ada di universiti itu digunakan sepenuhnya untuk menjalankan penyelidikan empirikal, dengan izin, supaya dapat digunakan oleh pihak swasta dan masyarakat keseluruhannya.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, teknologi keretapi memang satu teknologi yang

asing dan inilah kita cuba apabila perlu minta pindahan teknologi itu daripada negara-negara maju seperti Belgium atau Jepun.

Mengenai pendidikan sains di universiti-universiti. Ini terpulanglah kepada Kementerian Pelajaran yang seperti dinyatakan tadi dan telah pun dijelaskan oleh Timbalan Menteri Pelajaran semalam.

HASIL PURATA PERTANIAN

4. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah hasil purata yang boleh diperolehi dari tiap-tiap satu hektar tanah jika ditanam dengan:

- (a) Padi,
- (b) Getah.
- (c) Kelapa Sawit,
- (d) Koko dan
- (e) Tembakau,

dan sama ada Kerajaan menggalakkan petani-petani menanam tanaman yang kurang sekali mendapat hasil dari salah satu jenis tanaman yang tersebut di atas tadi.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, purata hasil yang boleh diperolehi dari setiap hektar tanah bawah pengurusan pekebun-pekebun kecil adalah seperti berikut:

- (a) Padi—3.3 tan metrik.
- (b) Getah—800 kg getah kering.
- (c) Kelapa sawit—10 tan metrik (fresh fruit bunch).
- (d) Koko—0.4 tan metrik biji kering.
- (e) Tembakau—780 kg daun kering.

Walaupun Kerajaan menggalakkan kesemua tanaman tersebut berasaskan kepada keuntungan, lain-lain faktor penting juga dipertimbangkan seperti bahan makanan utama, kesesuaian tanah, kemudahan-kemudahan infrastruktur/pengairan dan potensi-potensi pemasaran.

Datuk G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Negara kita merupakan sebuah pertanian. Adakah Kementerian apa-apa langkah bagi menggalakkan belia-belia untuk melibatkan diri masing-masing dalam usaha meningkatkan daya pengeluaran padi dan lain-lain barang makanan?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan itu ada terkeluar sedikit dari soalan asal. Walau bagaimanapun, saya akan cubalah memberi jawapan seberapa banyak yang boleh.

Sebenarnya, rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kementerian ini terbuka kepada petani-petani, nelayan-nelayan, penternak-penternak, tak kira sama ada muda atau tua. Dan kalau Ahli Yang Berhormat sebutkan tanaman padi, sebenarnya ada banyak sawah-sawah padi yang memerlukan tenaga, terutama sekali belia. Salah satu masalah yang dihadapi sekarang ialah umur purata penanam-penanam padi lebih kurang 40 atau 45 tahun. Jadi, orang muda nampaknya kurang minat menanam padi dan sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh menggalakkan Kementerian saya akan mengucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rabman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan perbezaan daripada jenis-jenis tanaman tersebut, tetapi saya ingin tahu kalau boleh Yang Berhormat memberi jawapan dengan kiraan nilai wang yang boleh

didapati setiap sehektar purata daripada jenis tanaman ini, bukan timbangan, nilai wang yang diperolehi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tetapi saya perlukan notis. Walau bagaimanapun, saya harus terangkan bahawa nilai wang itu bergantung kepada harga dan harga tanaman ini tidak stabil.

BANK SIMPANAN NASIONAL—SIMPANAN TETAP

5. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada simpanan tetap Bank Simpanan Nasional telah dapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua. untuk makluman Ahli Yang Berhormat sambutan yang diberikan oleh orang ramai terhadap Skim Simpanan Tetap dijalankan oleh Bank Simpanan Nasional setakat ini menggalakkan. Dalam tempoh 4 bulan sejak skim ini dilancarkan pada 16hb November tahun lalu jumlah simpanan yang dikumpul adalah sebanyak \$21.5 juta.

Tuan Haji Abdul Haniid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang hendak membayar faedah atas simpanan tetap sebagaimana yang dibayar kepada orang ramai oleh bank perdagangan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, jangkanya begitulah.

FAMA—MEMASARKAN HASIL PERTANIAN

6. Tuan Fadzil bin Mahmud minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa FAMA belum dapat membuktikan kebolehannya dalam memasarkan

hasil penanian penduduk luar bandar; jika sedar yatakan langkah-langkah sewajarnya yang sedang disusun oleh Kememerian beliau supaya prestasi FAMA dalam masalah ini dapat dipertingkatkan.

Dr Goh Cheng Teck: Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi Dcwan Negara ini saya pun telah beberapa kali memberi jawapan tentang FAMA. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan sedar bahawa prestasi FAMA dalam menyediakan kemudahan dan khidmat pemasaran hasil-hasil pertanian kepada penduduk-penduduk luar bandar masih boleh dipertingkatkan dan diperbaiki lagi. Beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah disusun untuk mencapai maksud ini. Antara program-program yang disusun ialah kajian mengenai maklumat pasaran untuk maksud perancangan, risikan pasaran bagi membantu pengeluaran, pemeroses, pengguna dan pengeksport menemukan aktiviti masing-masing; pengembangan dan pendidikan pasaran dan pembangunan pemasaran keseluruhannya. Program-program ini akan dapat meningkatkan penglibatan dan pencapaian FAMA dalam menyediakan khidmat pemasaran yang lebih baik dan berkesan kepada petani-petani.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat telah mengumumkan iaitu perlubuhan peladang akan mengambil alih tugas pemasaran ini daripada FAMA menjelang tahun 1990. Apakah ini bererti bahawa FAMA dalam proses untuk ditutup.

Dr Goh Cheng Teik: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. FAMA masih ada peranan yang mustahak, terutama sekali dalam segi sokongan perkhidmatan dan apa yang sedang dirancangkan oleh Kementerian memindahkan pengurusan beberapa

kegiatan perniagaan dari FAMA ke pertubuhan-pertubuhan peladang adalah selaras dengan dasar penswastan Kerajaan.

UNIVERSITI-UNIVERSITI— KELAS PETANG-MALAM

7. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih dari \$1.000 juta ringgit dibelanjakan tiap-tiap tahun untuk pelajaran anak-anak kita di seberang laut dan memandangkan kita mempunyai beberapa universiti-universiti di dalam negara yang ditutup selepas jam 6.00 petang sama ada beliau akan mengkaji kemungkinan menggunakan kemudahan universiti-universiti, khasnya perpustakaan, bilik-bilik kuliah, bilik-bilik makmal yang begitu banyak, untuk mengadakan kelas-kelas petang atau malam dengan mengambil tenaga-tenaga dari pegawai-pegawai Kerajaan dan business executive sebagai pensyarah-pensyarah sambilan; jika ya, bila jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa Universiti-universiti di dalam negara ditutup selepas pukul 6.00 petang. Perpustakaan universiti-universiti dibuka sehingga pukul 11.00 malam untuk kegunaan pelajar-pelajar. Begitu jugalah dengan bilik-bilik kuliah, bilik-bilik makmal yang memang digunakan bagi kuliah-kuliah yang dijalankan selepas pukul 6.00 petang. Tenaga pengajar sambilan yang mengajar pun ada diambil dari pegawai-pegawai Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan serta dari syarikat-syarikat swasta.

Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran belum bercadang membenarkan pihak-pihak yang

tertentu dan juga pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan mengikuti kuliah-kuliah selepas jam 6.00 petang kerana semua kemudahan-kemudahan di universiti-universiti tempatan telah digunakan sepenuhnya.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramai pelajar dari Malaysia pergi ke luar negeri untuk menuntut adakah ini menunjukkan bahawa Malaysia ini tidak dapat memberikan pelajaran yang sama kepada pelajar-pelajar ini atau ada sebab-sebab yang lain. Jika Malaysia tidak dapat memberikan pelajaran yang sama, yang hanya terdapat di luar negeri, bilakah agaknya Malaysia akan dapat berbuat demikian?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa ramai daripada pelajar-pelajar kita terpaksa pergi ke luar negeri untuk meneruskan pelajaran. Ini adalah disebabkan bahawa kita yang pasti Ahli Yang Berhormat sedia maklum ialah kekurangan tempat dan juga memerlukan anak-anak kita atau pelajar-pelajar di negara kita ini untuk pergi ke luar negeri untuk meneruskan pelajaran supaya dapat menikmati, mungkin mendapat pengalaman belajar di luar negeri.

Untuk menjawab soalan yang kedua, kita memang memandang serius terhadap kekurangan tempat di negara ini untuk pelajar-pelajar kita untuk belajar. Namun demikian, tidaklah boleh saya katakan bahawa Kerajaan akan dapat mendirikan sebuah lagi universiti untuk menempatkan pelajar-pelajar kita. Kita merasai bahawa apa yang ada dalam negeri kita ini cukup untuk mereka yang boleh diambil untuk belajar dalam negeri dan kita juga mampu untuk menghantar mereka ke luar negeri setakat yang kita boleh setakat ini.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berapa ramai tenaga pengajar sambilan di tiap-tiap universiti yang ada dalam negara kita.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya mohon maaf tidak ada angka yang diberi kepada saya, jadi saya mohon izin untuk meminta notis.

LESEN BANK—MENARIK BALIK PEMBEKUAN

8. Tuan Kenneth Kenyan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk menimbang menarik balik pembekuan ke atas pengeluaran lesen-lesen bank dan institusi-institusi kewangan di negara ini.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kerajaan telah membekukan semua permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen bank dan syarikat-syarikat kewangan oleh kerana Kerajaan menganggap bahawa 38 buah bank perdagangan dan 46 buah syarikat kewangan yang sedia ada dengan cawangan masing-masing di hampir seluruh negara adalah dianggap mencukupi untuk memenuhi keperluan orang ramai pada masa ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mungkin juga menimbangkan untuk menarik pembekuan ini di satu masa apabila difikirkan keadaan memerlukan, kita meluluskan penubuhan bank-bank baharu ataupun syarikat yang kewangan baharu.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada jumlah 46 syarikat kewangan yang diberi lesen, berapa peratuskah dimiliki oleh bumiputera

dan berapa peratuskah yang dimiliki oleh bumiputera itu dialihbahakan?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana angka yang diperlukan agak spesifik, saya mohon minta notis.

**KOMPLEKS SUKAN
DI DAERAH LIPIS,
PAHANG—PEMBINAAN**

9. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada benar mengenai satu kawasan yang dicadangkan untuk membina Kompleks Sukan di Daerah Lipis dalam negeri Pahang, bilakah agaknya Kompleks ini akan dibina.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima satu permohonan untuk membina sebuah Kompleks Sukan di Daerah Lipis, Pahang. Permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan atau diluluskan buat sementara waktu kerana semua projek baru pembangunan sukan dibekukan memandangkan keadaan ekonomi tidak mengizinkan.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apakah dasar yang telah ditentukan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tiap-tiap permohonan di peringkat daerah yang diluluskan?

Yang kedua, adakah pihak Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk hendak mendirikan Kompleks-kompleks ini di tiap-tiap daerah di dalam negara kita ini. Saya tahu jawapannya kerana kewangan telah meleset; jawapan itu sudah tentu ada, tetapi adakah cadangan oleh kerana kita tengok belia-belie yang berselerak yang susah hendak dikumpulkan untuk bersukan dan sebagainya, setidak-tidaknya ada tempat mereka ini untuk bersukan.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah memberitahu Yang Berhormat bahawa kalau keadaan ekonomi mengizinkan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menimbangkan untuk membina lebih banyak Kompleks Sukan di negara kita dan soalan yang pertama mengenai dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya hendak minta notis.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan yang begini pendek tidak payah minta notis sebab saya bertanya apakah dasar Kementerian yang berkenaan meluluskan sesebuah projek umpamanya ataupun sesebuah Kompleks di daerah-daerah ataupun di mana-mana, adakah dasarnya berpandukan kepada permohonan orang ramai, berpandukan kepada sokongan Wakil-wakil Rakyat ataupun berpandukan kepada Pegawai Daerah misalnya. Apakah dasarnya yang dikehendaki, saya fikir tidak payah hendakkan notis, perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri faham kerana Kementerian ini adalah Kementerian Yang Berhormat.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mesti mempertimbangkan kalau ada keperluan.

**JAMBATAN PULAU PINANG—
PEMBINAAN DAN TOL**

10. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kerjaraya menyatakan bila Jambatan Pulau Pinang siap dibina dan bila pula boleh digunakan dan nyatakan tol yang akan dikutip.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, penyiapan Jambatan Pulau Pinang telah dijadualkan pada 26hb Julai, 1985 mengikut kontrak yang

ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Hyundai Engineering. Akan tetapi penggunaan Jambatan ini hanya boleh bermula pada penghujung bulan September 1985. Ini adalah kerana kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak yang berasingan untuk menyambung persimpangan (Interchange) Pulau Pinang ke Jalan Udini. Kontrak berasingan ini adalah bagi mengadakan dua jalan masuk ke Jambatan Pulau Pinang—satu daripada persimpangan Universiti Sains Malaysia dan satu lagi daripada persimpangan Jalan Udini untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di antara Tanah Besar dan Pulau Pinang.

Berhubung dengan kadar tol, saya ingin menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan akan membelanjakan lebih kurang \$1.2 billion atau \$1.200 million ke atas Jambatan dan juga jalan-jalan susur tersebut. Oleh itu untuk mengkaji dan menentukan satu kadar tol yang sesuai adalah memerlukan pengkajian yang menyeluruh.

Buat masa ini Lembaga Lebuhraya Malaysia sedang membuat kajian yang teliti mengenai kadar tol tersebut. Bukanlah niat Kerajaan untuk mengenakan kadar tol yang tinggi yang mana akan menimbulkan kesulitan kepada pengguna-pengguna dan rakyat. Adalah tidak benar bahawa Kerajaan akan mengenakan kadar tol yang tinggi dan saya memberi jaminan bahawa kadar tol tersebut adalah satu kadar yang adil dan boleh diterima oleh semua pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengingatkan mereka yang menyebarkan spekulasi mengenai kadar tol, supaya lebih bertanggungjawab dan bertanggungjawab. Kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang, saya ingin menyatakan bahawa projek Jambatan Pulau Pinang

ini adalah salah satu daripada peruntukan yang terbesar dalam sejarah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan infrastruktur kepada sebuah Kerajaan Negeri. Saya akan mengumumkan kepada orang ramai mengenai kadar tol tersebut yang lebih adil selepas mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan dua soalan kepada Menteri Kerjaraya. Pertama, berapakah harga asal tawaran yang diberikan kepada kontrak yang membuat Jambatan Pulau Pinang dan berapakah sehingga hari ini yang sudah dibayar? Jika tidak dapat angka yang tepat mungkin boleh memberi segi peratus, perbezaan harga asal dan harga yang sudah dibayar sehingga sekarang.

Kedua, oleh kerana tawaran yang biasa diberi pada hari ini berdasarkan kepada tawaran yang termurah dan walaupun cara polisi mengalakan tidak semestinya terikat kepada harga yang murah tetapi di segi kebiasaannya tender itu diberi kepada harga yang murah. Sudahkah Kementerian membuat kajian harga yang murah itu selepas kontrak itu habis menjadi harga yang termahal? Jika didapati dari analisa ini betul, tidakkah pihak Kementerian Kerjaraya mahu menghapuskan sistem berdasarkan ataupun tawaran yang ditekankan berdasarkan kepada harga yang murah dihapuskan. Sekian.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kontrak Jambatan Pulau Pinang ini sedang mempunyai beberapa projek. Projek yang pertama ialah untuk mengadakan sambungan daripada Tanah Besar ke Pulau Pinang, itu ialah kontrak package 3, 4 dan 5 dan harganya \$520 juta.

Daripada \$520 juta ini Kerajaan telah membayar kepada kontraktor setakat ini ialah lebih kurang \$400 juta.

Selain daripada itu ialah Projek 6 dan 7 iaitu untuk mengadakan persimpangan bertingkat di tanah besar di Prai yang berharga lebih daripada \$320 juta. Dari \$320 juta itu Kerajaan telah membayar \$200 juta setakat ini dan kontrak-kontrak yang lain iaitu untuk memasang lampu, untuk mengindahkan jambatan dan juga untuk mengadakan Tol Plaza dan lain-lain adalah dalam proses sekarang. Inilah jawapan untuk soalan yang pertama.

Soalan yang kedua saya mengerti kandungan soalan itu daripada Ahli Yang Berhormat, tetapi perkara yang telah timbul kepada Kerajaan sekarang ialah keadaan kewangan. Sebab-sebabnya kita menjalankan projek-projek melalui Jabatan Kerjaraya kita ialah kita ialah menjalankan satu polisi iaitu polisi itu untuk memberi kerja kepada siapa yang paling murah. Tetapi ini bukan bererti jikalau mereka yang paling murah di bawah dari apa yang dianggarkan oleh Jabatan Kerjaraya kita tidak bagi kepada mereka. Tetapi kita juga boleh memberi kerja itu kepada siapa yang boleh bersama-sama dengan anggaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kerjaraya. Tetapi untuk menghapuskan polisi memberi kepada siapa yang paling murah itu, pada masa sekarang saya tidak boleh membuat begitu, sebab pada masa sekarang Kerajaan suka juga mendapat seberapa kurang yang boleh daripada kontraktor dan kita tekan kepada dia.

Satu contoh saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat, iaitu jalan Mentakab ke Temerloh walaupun Jabatan Kerjaraya menganggarkan jambatan itu \$7 juta, tetapi daripada senarai-senarai dan juga kontraktor-kontraktor yang menawar untuk kerja itu yang paling murah ialah \$2.95 juta

sahaja. Banyak di antara pegawai-pegawai saya mencadangkan kepada saya ini yang paling murah, kita tidak boleh beri kepada beliau. Tetapi saya kata kita mesti beri kepada beliau tetapi ambillah daripada beliau satu guarantee daripada bank. Beliau sudah menyiapkan jambatan itu sekarang dengan lebih sesuai daripada kontraktor-kontraktor yang berharga tinggi. Saya harap Yang Berhormat mengambil maklum tetapi di masa depan kita boleh timbang cadangan daripada Yang Berhormat. (*Ketawa*).

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejauh mana keyakinan orang ramai terhadap kekuatan jambatan ini selepas daripada sebahagian daripada pelantar di tengah lautan itu roboh dan selepas daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan?

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, saya telah mengumumkan kepada rakyat di seluruh negara kita dan juga kepada pengguna iaitu lebih daripada Pulau Pinang, kekuatan jambatan itu diisytiharkan oleh sebuah Syarikat Perunding bukan sahaja dari tanahair kita, tetapi daripada Amerika Syarikat dengan pengalaman kebolehan yang tertinggi. Walau bagaimanapun ada juga khabar-khabar angin daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, pihak-pihak yang suka juga menjalankan berita-berita seperti ini untuk memberi gambaran kepada rakyat jelata di Pulau Pinang yang mana mereka masa depan tidak akan menggunakan jambatan itu. Tetapi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya guarantee dan saya suka juga mengumumkari kepada Ahli Yang Berhormat di sini, saya telah mengumumkan kepada rakyat bahawa saya akan menggunakan jambatan itu pada kali yang pertama. Kalau jambatan itu jatuh, Menteri Kerjaraya akan mati dahulu. (*Keiawa*).

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua kita dengar cerita daripada surat khabar dan lain-lain tempat ada banyak orang sudah mati apabila membina jambatan. ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa ramai orang dan pekerja yang telah terkorban atau mati dalam pembinaan jambatan ini. Kalau ada pihak yang berkenaan dibayar gantirugi kepada mereka, berapa banyak gantirugi telah dibayar kepada keluarga mereka?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kematian yang telah berlaku dalam masa pembinaan jambatan Pulau Pinang itu setakat ini ialah 14 orang. Tetapi itu bukan berertinya ini ada hubungan dengan kekuatan jambatan. Kekuatan jambatan lain, negligence of workers lain. Semua kemalangan dan juga kematian telah berlaku di atas negligence. Sebab itu saya telah memberi beberapa amaran kepada kontraktor Hyundai Construction and Engineering Company untuk mengadakan lebih jagaan apabila mereka menjalankan projek-projek dan kerja-kerja itu.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini siapakah yang akan melaksanakan upacara pembukaan jambatan Pulau Pinang; dan keduanya apakah nama yang akan diberi kepada jambatan tersebut?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, adat istiadat itu akan ditentukan oleh Jemaah Menteri. Untuk mengadakan nama untuk jambatan itu boleh ditimbang dan juga memberi laluan melalui Jemaah Menteri. Selepas saya menerima kelulusan dari Jemaah Menteri barulah saya boleh umumkan kepada rakyat.

WARGANEGARA KELAS DUA DAN TIGA—DAKWAAN

11. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh beliau untuk menentukan bahawa semua kaum di negara ini dapat hidup sebagai satu keluarga tanpa merasai bahawa mereka adalah warganegara kelas dua atau tiga.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, soal warganegara kelas 2 dan kelas 3 tidak timbul langsung di negara ini. Semua kaum yang menjadi rakyat negara ini mempunyai hak dan kewajiban yang sama seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim.

Tuan Ahmad bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

RUMAH KOS RENDAH—PERUNTUKAN

12. Tuan Ahmad bin Othman (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada suatu kajian telah atau akan dijalankan oleh Kementerian untuk mengetahui bilangan rakyat Malaysia yang benar-benar layak dibekalkan dengan rumah-rumah harga murah dengan tujuan menyediakan dan memperuntukkan rumah-rumah tersebut kepada mereka;
- (b) bilangan rumah harga murah yang telah disediakan dalam tahun 1984; dan
- (c) bilangan rumah harga murah yang akan didirikan dalam tahun 1985.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang menjalankan satu kajian awal untuk menentukan keperluan perumahan termasuk rumah kos rendah bagi tujuan perancangan untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu 1986-1990. Kajian awal ini adalah didasarkan kepada banci penduduk 1980 dan banci perumahan 1980 serta beberapa sumber rasmi lain;
- (b) mengenai bilangan rumah kos rendah yang telah disediakan dalam tahun 1984, adalah dimaklumkan bahawa sebanyak 12,588 unit telah disediakan oleh sektor awam. Sektor swasta pula dianggarkan telah menyediakan sebanyak 2,800 unit rumah kos rendah.
- (c) bagi tahun 1985, Kementerian saya menjangkakan sebanyak 14,200 unit rumah kos rendah akan dapat disiapkan oleh sektor awam, manakala sektor swasta pula dijangka akan dapat menyiapkan sebanyak 1,000 unit rumah kos rendah lagi.

Tuan Ahmad bin Othman: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai pelan rekabentuk rumah kos murah di peringkat-peringkat negeri, adakah pelan ini disediakan oleh pihak Kementerian untuk diberikan kepada pihak Negeri dilaksanakan, oleh kerana saya lihat rekabentuk satu projek perumahan kos murah Kerajaan di negeri Kedah iaitu di kawasan Mergong seperti mana kandang kuda sahaja yang dibuat, tidak begitu sesuai dengan keadaan rumah murah yang sebenarnya. Ini apabila saya bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri

menyatakan pelan ini adalah disediakan oleh pihak Kementerian Pusat. Adakah ini benar ataupun tidak?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, memang benar rekabentuk rumah kos rendah disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara, tetapi Jabatan Perumahan Negara menyediakan banyak rekabentuk yang berbagai-bagai dan pilihan dia itu adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Soalan tambahan. Soalan saya, adakah pihak Yang Berhormat Menteri mempunyai kriteria untuk menentukan siapa yang layak mendapat rumah murah. Tetapi dari kajian yang telah buat ketara sekali bahawa banyak yang tidak layak memiliki rumah murah sama ada dari segi tingkat pendapatan atau yang keduanya ada yang membeli rumah murah itu menyewakan rumah itu. Ini sebenarnya adalah satu kenyataan dan kita nampak. Jadi, saya hendak bertanya sama ada perkara ini dapat dikawal ataupun dibanteras semua sekali.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya menyediakan syarat-syarat untuk siapa yang patut mendapat rumah kos rendah tetapi ini adalah menjadi garis panduan sahaja kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan di tiap-tiap Negeri ada syarat-syarat yang lain untuk memilih penghuni.

Oleh sebab itu kadangkala kita boleh nampak di negeri-negeri terdapat syarat-syarat yang berbeza. Tetapi syarat pokok ialah pendapatan yang ditetapkan oleh Kementerian saya iaitu pendapatan sekeluarga pemohon tidak lebih daripada \$750 sebulan. Itu syarat pokok yang ditentukan oleh Kementerian saya. Dan lagi ada satu syarat lain yang penting iaitu, pemohon-pemohon patut

tinggal di kawasan di mana rancangan-rancangan rumah kos rendah dijalankan. Di tiap-tiap negeri ada syarat-syarat yang berbeza sedikit.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, iaitu ada orang yang dapat rumah kos rendah yang menyewa rumah, itu memang ada tetapi masalah itu kecil.

Kita ada dua jenis rumah kos rendah, yang satu kita jual terus kepada pemohon dan satu di sewa kepada penghuni dan selepas 10 tahun baru dia boleh membeli rumah-rumah kos rendah itu.

Oleh sebab itu ada keadaan yang berbeza sebab itulah wujudnya keadaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu timbul. Tetapi Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah untuk mengawal supaya keadaan-keadaan itu tidak timbul lagi.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa pemilihan-pemilihan kepada rakyat yang meminta rumah murah melalui komputer ini menimbulkan masalah di kawasan-kawasan perumahan di luar bandar.

Tadi, Yang Berhormat Menteri menyatakan syarat pokok pendapatan dan tinggal di kawasan itu. Tetapi apabila melalui komputer di dalam borang dia tulis dia tinggal di situ, sebenarnya dia tidak tinggal di situ. Komputer kata boleh. Ini berlaku di Tanjung Sepat, Yang Berhormat Menteri faham tempat ini.

Jadi, saya mengesyorkan supaya di setengah-setengah kawasan terutama di kawasan-kawasan yang banyak masalah supaya dikecualikan pemilihan ini dengan menggunakan seperti yang dahululah ada temuduga daripada wakil rakyat atau wakil peribadi kepada Wakil Rakyat yang bertaraf Menteri kerana orang-orang

ini kenal, komputer tidak kenal orang, dia hanya kenal angka sahaja.

Dato Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pada masa ini kalau itu berang yang sudah ditentukan dengan komputer kita ada tunjuk terbuka kepada orang-orang bantai. Kalau kita sedar ada orang yang mempunyai rumah atau dia sudah ada, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bantai dan Jawatankuasa bolehlah timbang semula supaya yang akan dapat itu rumah bukan melalui proses komputer sahaja tetapi pun ada melalui proses di mana kita ada tunjukkan senarai pemohon dan jika kita tahu siapa yang layak kita boleh bantai.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Mengenai bantah atau bantai ini tidak jalan juga pun. Berapa kali di bantai, berapa kali di bantah mana yang sudah kata lulus dia akan dapat kunci dan dia akan masuklah ke dalam rumah itu, Tetapi yang menjadi masalah undi kita jatuh. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri memikirkkanlah hal itu.

Dato Dr Neo Yee Pan: Boleh.

MAHKAMAH KHAS BICARA KES DADAH

13. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mendirikan Mahkamah-mahkamah khas untuk mengendalikan kes-kes dadah sahaja supaya orang-orang yang dituduh kerana kesalahan dadah dapat dibicarakan dengan segera; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meluluskan pemberian kuasa di bawah Seksyen 41B Akta Dadah Berbahaya itu hanya kepada Peguam Negara dan bukan kepada Pendakwaraya.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mendirikan Mahkamah-mahkamah khas bagi mengendalikan kes-kes dadah sahaja supaya orang-orang yang dituduh dengan kesalahan dadah dapat dibicarakan segera. Pihak Jabatan Peguam Negara bersama-sama dengan Polis Di-Raja Malaysia sedang mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan perbicaraan kes-kes tersebut. Di antara langkah berkenaan ialah:

- (i) menyediakan Timbalan Pendakwaraya yang mencukupi untuk menjalankan pendakwaan kes-kes dadah;
 - (ii) mempercepatkan penyelenggaraan kes-kes dadah;
 - (iii) memastikan agar kes-kes ini tidak ditangguhkan tanpa sebab-sebab yang munasabah; dan
 - (iv) memastikan semua saksi yang disapina akan menghadiri perbicaraan di Mahkamah.
- (a) Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya telah mengarahkan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi memberi keutamaan mendengar kes-kes dadah.
- (b) Mengikut Seksyen 41B (c), Akta Dadah Berbahaya, 1952 seseorang yang dituduh dengan satu kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952 di mana kesalahan tersebut boleh dihukum penjara selama 5 tahun atau kurang, tidak boleh diberi jamin jika Pendakwaraya (Public Prosecutor) memperakukan secara bertulis bahawa jaminan tidak boleh diberikan kepada tertuduh berkenaan atas kepentingan awam. Sememangnya

Pendakwaraya ialah Peguam Negara Malaysia (Seksyen 376 Kanun Acara Jenayah (F.M.C. Cap. 6). Walau bagaimanapun, tertakluk kepada kawalan dan arahan Peguam Negara, seseorang . Timbalan Pendakwaraya adalah diberi kuasa untuk memperakukan secara bertulis kes-kes dadah tertentu di mana jaminan tidak boleh diberikan atas alasan-alasan kepentingan awam. Buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Seksyen 41B.

- (c) Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membolehkan kuasa berkenaan hanya dijalankan oleh Peguam Negara secara peribadi sahaja.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa lamakah atau panjangnya dari tarikh penangkapan kes dadah sehingga kes-kes itu dibicarakan?

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, secara tepat tidak boleh atau sukar dinyatakan kerana dia bergantung kepada beberapa penyiataan yang berbeza di antara satu kes dengan kes yang lain.

LEBUHRAYA PERSEKUTUAN— TANDA ISYARAT

14. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang menggunakan tanda-tanda isyarat lalulintas elektronik di semua lebuhraya Persekutuan seperti menjadikan tanda had laju yang angkanya berkelip-kelip, dll; jika ya, nyatakan bila boleh dilaksanakan; dan

- (b) sama ada Kerajaan bercadang mengadakan pondok-pondok telefon mengikut jarak yang munasabah di sepanjang lebuh raya untuk kemudahan pengguna jalan raya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Kerajaan memang bercadang untuk menggunakan tanda-tanda isyarat lalulintas elektronik di semua lebuh raya utama khususnya di lebuh raya tol. Cadangan ini akan dilaksanakan apabila keadaan kewangan negara mengizinkan.
- (b) Berhubung dengan pondok-pondok telefon, kemudahan ini boleh didapati di dalam kawasan rehat dan rawat yang dirancang dibina di tempat-tempat yang sesuai di sepanjang lebuh raya tol. Selain daripada itu Kementerian saya bercadang untuk memasang telefon kecemasan di sepanjang lebuh raya tol tersebut. Sebagai percubaan pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia akan melaksanakannya di sepanjang lebuh raya tol Kuala Lumpur/Seremban—Air Hitam. Jika sekiranya percubaan ini berjaya kelak, maka kemudahan ini akan disediakan di lebuh raya-lebuh raya tol yang lain.

MARDI/FAMA/MAJUIKAN— MENGSWASTAKAN

15. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengswastakan agensi-agensi Kerajaan seperti MARDI, FAMA, MAJUIKAN dll., jika ya, nyatakan bila akan dimulakan dan jika tidak berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk menswastakan agensi-agensi di bawah Kementerian seperti MARDI, FAMA dan LKIM sebab agensi-agensi ini dipertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan sokongan pertanian seperti penyelidikan, perkembangan, pemasaran dan pembangunan sosial dan institusi di kalangan petani dan nelayan. Pemberian perkhidmatan ini merupakan sebahagian dari strategi untuk mencapai Dasar Pertanian Negara. Walau bagaimanapun beberapa projek yang dikendalikan oleh agensi-agensi berkenaan akan dicadang untuk diswastakan berpandukan kepada garis panduan mengenai penswastakan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan mengenai MAJUIKAN. Dalam soalan ini apakah dasar Yang Berhormat Menteri mengenai peranan koperasi nelayan dengan peranan swasta ataupun usahawan secara persendirian dalam soal memajukan industri ikan di negara ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham maksud Ahli Yang Berhormat, tetapi saya hendak terangkan bahawa Koperasi Nelayan dianggap sebagai swasta serupa dengan syarikat perniagaan perikanan yang biasa.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya secara ringkas, apa yang dapat saya takrifkan bahawa Koperasi Nelayan hendak dijadikan sebagai suatu pergerakan masyarakat, suatu pergerakan sosial bukan suatu agensi ekonomi. Dalam soal ekonomi hendak dibiarkan sahaja kepada pihak usahawan ataupun golongan yang

bermodal untuk mengusahakan sektor perikanan. Jadi, soalan saya sejauh manakah dasar Kementerian memberi kesempatan kepada pihak Koperasi ataupun membiarkan sahaja industri itu kepada golongan pemodal.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menggalakkan nelayan-nelayan berkumpul, bergabung di bawah naungan Koperasi Nelayan dan Koperasi Nelayan kalau hendak membawa faedah kepada ahli-ahlinya perlulah menjalankan kegiatannya secara perdagangan dengan tujuan mendapat keuntungan maksima bagi ahli-ahlinya.

HARI THAIPUSAM SEBAGAI CUTI UMUM

16. Tuan M. G. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementeriannya ingin mengisytiharkan hari Thaipusam sebagai hari kelepasan am di Wilayah Persekutuan memandangkan bahawa beberapa buah negeri telah berbuat sedemikian dan sebilangan besar daripada penganut-penganut agama yang merayakan Thaipusam itu datang dari Wilayah Persekutuan.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengisytiharkan hari Thaipusam sebagai cuti umum di Wilayah Persekutuan, memandangkan cuti umum yang sedia ada terlalu banyak. Di samping itu, peraturan-peraturan juga telah dibuat supaya kakitangan Kerajaan yang beragama Hindu boleh memohon cuti rehat dari kelayakan cuti rehat mereka untuk maksud merayakan hari Thaipusam.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi

Pertanyaan No. 17 hingga 61 adalah diberi di bawah ini].

ITM—PELAJAR GAGAL PEPERIKSAAN

17. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini ITM telah bertindak membuang 750 pelajar semasa semester yang lalu kerana mereka gagal mencapai tahap kelulusan minima dalam pelajaran mereka; jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah pelajar-pelajar ini dan sama ada mereka ini akan diberi peluang untuk mengulangi pelajaran mereka supaya tidak menghampakan ibu bapa mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak ITM telah memberhentikan 466 orang pelajar sepenuh masa selepas peperiksaan bulan November 1984 kerana mereka gagal mencapai prestasi akademik yang dikehendaki seperti yang diperturunkan oleh peraturan akademik ITM. Bilangan ini walaupun pada zahirnya besar dari segi jumlah keseluruhan (absolute figures), namun demikian ianya merupakan peraturan biasa iaitu 3.2% sahaja dari jumlah pelajar yang seramai 14,503 orang. Dari segi peratus yang diberhentikan angka ITM adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan iain-lain institusi pengajian tinggi dalam negeri. Walau bagaimanapun, ITM tidak berpuashati dan sedang mengambil tindakan mengenalpasti sebab-sebab kegagalan pelajar-pelajar supaya tindakan pembetulan boleh dijalankan. Di samping itu Pengarah ITM telah bertemu dengan pelajar-pelajar yang lemah untuk memberi perangsang dan kesedaran mempertingkatkan

keupayaan mereka. Pensyarah juga telah memberi kelas tambahan manakala pihak ITM telah meluluskan peruntukan untuk membiayai tutor yang akan membantu pelajar-pelajar yang lemah.

**TV MALAYSIA—PERTUNJUKAN
KEBUDAYAAN ORANG ASLI**

18, Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa akhir-akhir ini kenapa masyarakat orang Asli di Semenanjung tidak lagi dijemput atau diberi peluang untuk mengambil bahagian berkaitan dengan pertunjukan kebudayaan di rancangan-rancangan khas di RTV Malaysia, seperti menyambut Hari Kebangsaan, Perayaan Hari Raya, Tahun Baru dan sebagainya.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim); Saya ingin menyatakan bahawa Kementerian saya senantiasa mengambil kira serta mengambil berat setiap golongan masyarakat, termasuk Orang Asli dalam rancangan-rancangan Radio dan Televisyen. Radio Malaysia umpamanya menyiarkan rancangan-rancangan khas untuk Orang Asli tiap-tiap hari selama dua jam antara pukul 2.00 hingga 4.00 petang. Rancangan-rancangannya termasuk hiburan, aspek-aspek kemajuan dan pembangunan, bimbingan tentang kesihatan, pertanian serta lain-lain aspek pendidikan dan hiburan yang khusus untuk masyarakat Orang Asli. TV Malaysia serta Filem Negara pula telah menerbitkan beberapa filem rencana (documentary) mengenai cara hidup, tradisi serta kemajuan Orang Asli. Umpamanya satu rencana khas yang bertajuk "Sinar Harapan", baru saja selesai diterbitkan oleh Bahagian Agama dan Dakwah RTM. Rencana ini ialah mengenai penerimaan serta perkembangan Agama Islam di kalangan orang-orang Asli, dan akan disiarkan menerusi TV tidak lama lagi.

Selain dari itu rancangan Peristiwa juga banyak memberi liputan tentang pelbagai kegiatan orang-orang Asli sebagai sebahagian dari masyarakat majmuk Malaysia. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Orang Asli dijemput dan diberi peluang untuk mengambil bahagian, dalam pertunjukan-pertunjukan kebudayaan serta rancangan-rancangan khas untuk menyambut Hari Kebangsaan, Hari Raya dan sebagainya adalah disambut baik dan cadangan ini akan diberi pertimbangan yang wajar oleh Kementerian saya.

**BUKU KERJA KBSR—
PENERBITAN OLEH
FIRMA-FIRMA**

19. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat firma-firma menerbitkan buku-buku kerja KBSR dan ada kemungkinan:

- (a) isi kandungan tidak menepati sukatan pelajaran;
- (b) percanggahan penyampaian dengan prinsip dan dasar kerajaan; dan
- (c) guru-guru dan murid tidak digalakkan menggunakan buku teks yang diperakukan oleh biro buku teks Kementerian Pelajaran; jika ya apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa terdapat penerbit-penerbit buku yang menerbitkan buku-buku kerja KBSR. Mengenai kemungkinan terdapat dikalangan buku-buku ini yang mengandungi isi kandungan yang tidak menepati sukatan pelajaran atau yang bercanggah penyampaiannya dengan prinsip dan dasar kerajaan, setakat tni Kementerian Pelajaran belum pernah menerima sebarang

aduan sedemikian. Jika berlaku perkara-perkara seumpama ini, Kementerian akan mengambil tindakan yang sesuai. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran tidak akan membiarkan keadaan seperti ini berterusan, kerana pada masa ini Kementerian sedang membuat kajian lanjut mengenai perkara ini. Berdasarkan kajian ini Kementerian berhasrat untuk mengeluarkan satu panduan yang lebih jelas dan tegas mengenai penerbitan dan penggunaan buku-buku seperti ini kepada penerbit-penerbit dan juga sekolah-sekolah di masa hadapan. Penerbitan buku-buku ini telah membantu Kementerian dalam menyempurnakan lagi pelaksanaan kurikulum baru ini. Oleh itu tidak benar jika dikatakan bahawa buku-buku kerja ini telah memberi kesan yang kurang baik kepada penggunaan buku-buku teks yang diperakukan oleh Kementerian kerana buku-buku kerja seumpama ini telah menampung kekurangan yang terdapat di dalam buku-buku teks Kementerian.

RANCANGAN BAIKPULIH DUSUN

20 **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta menteri Pertanian menyatakan:

- (a) keluasan tanah yang telah dimajukan dan jumlah petani yang dibantu bagi tanaman buah-buahan saka yang bermusim dan tidak bermusim di bawah Rancangan Baikpulih Dusu.
- (b) kawasan zon buah-buahan yang telah dikenalpasti untuk dimajukan di bawah Sekim Galakan Tanaman buah-buahan berkelompok (SGBB).
- (c) strategi yang disusun bagi menentukan ke arah mencukupi pengeluaran buah-buahan bagi keperluan negara dan eksport.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):

- (a) Rancangan Baikpulih Dusun telah dikelolakan oleh Jabatan Pertanian mulai tahun 1981. Semenjak itu keluasan tanah yang telah dimajukan untuk tujuan ini bagi tanaman buah-buahan saka yang bermusim dan tidak bermusim ialah 12,400 ha. dan bilangan petani yang terlibat berjumlah 40,900 orang petani.
- (b) Bilangan zon yang telah dikenalpasti untuk tanaman buah-buahan di seluruh Semenanjung Malaysia 36 zon. Di bawah Sekim Galakan Buah-buahan Berkelompok seluas 5,000 ha. akan diusahakan setiap tahun.
- (c) Selaras dengan Dasar Pertanian Negara strategi yang telah disusun untuk tujuan ini ialah:
 - (i) Membaikpulih dusun-dusun yang sedia ada untuk meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan tambahan kepada petani-petani;
 - (ii) Menggalakkan penanaman buah-buahan sebagai satu perusahaan pertanian yang berdayajaya (viable) melalui penanaman semula dan penanaman baru;
 - (iii) Menambahkan kawasan buah-buahan secara besar-besaran dengan membuka kawasan-kawasan baru dan menggantikan tanaman bukan buah-buahan dengan buah-buahan; dan
 - (iv) Memesatkan sistem pemasaran dan pemerosesan untuk menjamin harga yang berpatutan dan juga untuk memperluaskan pasaran buah-buahan;

- (v) Pihak swasta juga digalakkan melibatkan diri dalam perindustrian pengeluaran buah-buahan.

JURU AUDIT SEKOLAH

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar pihak Audit Sekolah apabila menjalankan tugas mereka tidak melawat sekolah-sekolah berkenaan tetapi hanya memanggil pihak sekolah hadir ice Pejabat Pelajaran di Daerah dan Ibu Negeri sahaja; jika benar berikan sebab-sebab mengapa penyelewengan berlaku di beberapa sekolah di negara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Oleh kerana peruntukan "Pengangkutan dan Perjalanan" yang diberikan semenjak tahun 1983 adalah terhad, maka Audit Sekolah menjalankan tugas-tugas pengauditan di pejabat masing-masing. Apabila kedudukan peruntukan wang bagi maksud ini pulih semula memanglah menjadi objektif supaya pengauditan dijalankan di tiap-tiap sekolah yang akan diaudit itu. Namun demikian, bagi sekolah-sekolah yang mempunyai masalah atau kelemahan dalam urusan perakaunannya ataupun disyakki berlaku penyelewengan dalam kegunaan wangnya, maka pengauditan adalah dijalankan di sekolah-sekolah tersebut. Adalah ditegaskan bahawa pengauditan, sama ada dijalankan di sekolah atau di pejabat Audit Sekolah, tidaklah menjadi sebab mengapa berlakunya penyelewengan wang sekolah.

HOSPITAL BESAR BARU IPOH—JUMLAH ORANG MEMBUNUH DIRI

22. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar jumlah kematian telah meningkat

akibat jatuh dari Hospital Besar Ipoh; dan

- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan hospital ini dijadikan sebagai tempat membunuh diri (suicide).

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban); Saya sedar bahawa terdapat beberapa kejadian membunuh diri dengan melompat dari tingkat-tingkat tinggi di Hospital Besar Ipoh. Di antara tahun 1980 dan bulan Mac 1985, sejumlah 20 orang telah membunuh diri seperti berikut:

Tahun	Jumlah Orang-orang Yang Membunuh Diri
1980..	4
1981	3
1982	1
1983	5
1984	4
1985 (sehingga Mac)	3
JUMLAH ..	20

Untuk mengelakkan kejadian membunuh diri di masa-masa akan datang, semua kakitangan yang bertugas di wad-wad di tingkat-tingkat tinggi di Hospital Besar Ipoh telah diberi arahan supaya berjaga-jaga ke atas pesakit-pesakit yang mungkin mempunyai perasaan "suicidal tendencies".

PEPERIKSAAN STPM/SPM— KEPUTUSAN

23. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan keputusan STPM yang diumumkan baru-baru ini; dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk menjamin bahawa keputusan peperiksaan STPM dan SPM sentiasa di dalam peringkat yang baik dan tinggi tiap-tiap tahun.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Keputusan SPM dan STPM yang baru diumumkan adalah amat memuaskan. Peratus kelulusan SPM tahun 1984 ialah sebanyak 68.5% berbanding dengan 65% kelulusan hitung panjang SPM sejak lima tahun yang lepas. Peratus yang mendapat pangkat I dan II juga telah meningkat. Keputusan Peperiksaan STPM, 1984 juga adalah memuaskan. Prestasi calon sekolah Kerajaan telah bertambah baik dalam kebanyakan mata pelajaran. Jika dibandingkan peperiksaan tahun 1983 dan tahun 1984, prestasi bagi semua mata pelajaran sains iaitu Biologi, Fizik dan Kimia telah meningkat, begitu juga prestasi bagi mata pelajaran sastera seperti Geografi, Ekonomi, Matematik A, Matematik Tulen, Bahasa Malaysia, Kertas Am dan Usuluddin. Hanya 4 mata pelajaran sahaja yang merosot keputusannya iaitu Sejarah, Bahasa Arab, Perakaunan dan Matematik Lanjutan A. Kemerosotan keempat-empat mata pelajaran ini tidaklah begitu ketara. Dalam pada itu harus juga disedari bahawa turun naik peratus kelulusan dua tiga peratus adalah perkara lazim dan diterima sebagai satu kenyataan biasa. Tuan Yang di-Pertua, adalah memang menjadi matlamat Kementerian Pelajaran untuk memastikan pencapaian murid-murid di sekolah dan dalam peperiksaan sentiasa baik dan tinggi. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, untuk mencapai matlamat ini Kementerian Pelajaran selama ini telah sentiasa berusaha mempertingkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran di setiap sekolah di negara ini.

PUSAT PROSPEKTIP DAN ORTOTIK

24. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan butir-butir mengenai

Pusat Prostetik dan Ortotik yang dirasmikan baru-baru ini oleh pihak Kementerian dan nyatakan sama ada perkhidmatan dan kemudahan pusat tersebut akan dilanjutkan kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Pusat Prostetik dan Ortotik yang dirasmikan penubuhannya baru-baru ini oleh pihak Kementerian Pertahanan adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan rawatan dan pembekalan anggota-anggota palsu kepada anggota-anggota tentera yang cedera. Pusat ini masih lagi berada diperingkat awal dan masih belum menjalankan operasinya kerana perkakas serta peralatan belum lagi mencukupi untuk membuat anggota-anggota palsu. Sama ada pusat ini akan dibuka kepada orang ramai, untuk makluman Ahli Yang Berhormat apabila pusat ini mula beroperasi sepenuhnya disamping memberi kemudahan kepada anggota-anggota tentera ianya juga akan dibuka kepada orang ramai.

TV MALAYSIA—PAKAIAN ARTIS

25. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pakaian artis-artis kita dalam persembahan mereka di TV adalah tidak menunjukkan keperibadian negara kita; jika sedar nyatakan langkah-langkah positif yang akan diambil oleh beliau supaya perkara ini tidak akan menjejaskan imej negara.

Dato' Rais Yatim: Kementerian saya, khususnya TV Malaysia telah menyusun dan menguatkuasakan satu garis panduan yang ketat tentang pakaian yang dipakai oleh artis-artis kita dalam persembahan mereka di TV. Antara lain peraturan itu menentukan bahawa pakaian artis-artis kita adalah *kemas, tersusun dan*

tidak menjolok mata, serta mengikut peradaban negara kita. Memanglah benar sebahagian dari artis-artis yang mengambil bahagian dalam rancangan TV Malaysia, terutamanya rancangan-rancangan hiburan, lebih gentar memakai pakaian yang berunsur barat seperti "coat", "jacket", "gown", "necktie" dan sebagainya yang tidak menunjukkan keperibadian negara kita. Tetapi haruslah diingat bahawa pakaian yang mencerminkan keperibadian negara kita seperti baju teluk-belanga, tanjak, kebaya, baju kurung, sari, cheongsam dan sebagainya hanya sesuai untuk persembahan-persembahan yang tertentu seperti rancangan-rancangan *lagu asli, dondang sayang dan lagu-lagu langgam* yang secukupnya dengan pakaian tersebut. Negara Malaysia adalah negara berbilang keturunan dan berbilang agama dengan warisan pelbagai kebudayaan dari timur dan barat. Oleh yang demikian jika pakaian artis-artis kita menggambarkan aneka warisan dan aneka budaya ini, maka ianya *melambangkan kekayaan budaya* dan warisan kita dan tidak menjejaskan imej negara, asalkan pakaian itu sopan, kemas dan tidak menjolok mata.

VIETNAM MENCEROBOH WILAYAH THAI—TINDAKAN

26. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan Kerajaan Malaysia terhadap pencerobohan tentera Vietnam ke atas Wilayah Thai kerana jika negara Thai jatuh ketangan Vietnam, negara Malaysia juga akan terlibat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Malaysia amatlah memandag berat terhadap pencerobohan tentera Vietnam ke atas Thailand baru-baru ini. Pencerobohan tersebut telah menegangkan keadaan keselamatan di sempadan Thailand/Kampuchea.

Malaysia telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 9hb. Mac, 1985, di mana kita telah mengutuk Vietnam di atas tindakannya itu serta menyeru Vietnam menghentikannya dan seterusnya berusaha mencari jalan ke arah penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea. Malaysia khawatir ketegangan di sempadan Thailand/Kampuchea itu akan bertambah lebih buruk dan mungkin akan menjejaskan pula keselamatan negara-negara lain seperti Malaysia dan Singapura khususnya dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini sekiranya pertempuran di antara askar-askar Thailand dan Vietnam berterusan.

Setakat ini pihak Thailand telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pencerobohan ke atas wilayahnya termasuk tindakan-tindakan ketenteraan dan diplomatik. Dari segi ketenteraan, angkatan tentera Thailand telah melancarkan serangan-serangan balas mengusir penceroboh-penceroboh Vietnam keluar dari Wilayah Thailand, dan dari segi diplomatik pula, mereka telah pun membuat pengaduan melalui nota-nota bantahan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pencerobohan oleh askar-askar Vietnam itu.

Bagi Malaysia, kita menyokong penuh tindakan-tindakan Thailand itu dan berhubung dengan hal ini, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga telah melawati sempadan Thailand/Kampuchea di daerah Surin pada 21hb Mac, yang lepas untuk melihat keadaan keselamatan di sempadan dan juga kedudukan orang-orang pelarian Khmer di sana. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah seterusnya menyatakan sokongan dan solidariti Malaysia terhadap Thailand di dalam menghadapi tekanan dari Vietnam itu. Sekiranya keadaan di sempadan Thailand/Kampuchea

tersebut menjadi bertambah terancam, negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berdiam diri dan akan memberi apa saja sokongan kepada Thailand dalam menghadapi ancaman yang bertambah serius itu.

ASEAN—TEKNOLOGI KEPAKARAN

27. Datuk Abang Haji Ahmad Urai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan usaha-usaha yang telah dibuat oleh semua pihak yang berkenaan di dalam pertubuhan negara-negara ASEAN supaya tenaga daripada pihak swasta yang berkelibar dan bermutu tinggi serta mempunyai teknologi daripada projek-projek besar di negara-negara tersebut dan tidak semata-mata berharap kepada pakar dari negara-negara lain yang menyebabkan banyak wang daripada projek-projek tersebut dikeluarkan dari negara ASEAN sendiri; jika ada setakat manakah kejayaan yang telah dicapai.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Setiap negara-negara ahli ASEAN mempunyai undang-undang dan peraturan berhubung dengan gunatenaga bagi pakar-pakar asing dan pekerja-pekerja mahir. Walau bagaimanapun projek-projek yang memberi faedah kepada negara-negara ASEAN, ASEAN selalu menekankan bahawa perlunya untuk mendapatkan pakar-pakar tempatan bagi kajian dan pelaksanaan projek-projek tersebut. Persetujuan ini adalah bagi kesemua projek-projek yang diliputi di bawah program kerjasama ekonomi negara-negara ASEAN—negara ketiga.

Selanjutnya, Menteri Ekonomi ASEAN di Mesyuarat ke 17 yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Februari, 1985, telah menerima garis panduan "Preferential Shortlisting of ASEAN Contractors". Garis panduan

ini cuba untuk membantu kontraktor-kontraktor ASEAN yang memenuhi kriteria prasyarat bagi projek-projek yang dibiayai oleh institusi-institusi antarabangsa untuk "international competitive bidding" bagi projek-projek kerja awam di rantau ASEAN bagi secara automatik dimasukkan dalam "list of bidders". Adalah diharapkan bahawa garis panduan "Preferential Shortlisting of ASEAN Contractors" akan mendatangkan hasil dalam kerjasama dikalangan firma-firma ASEAN di masa hadapan, di mana mereka mungkin perlu mengumpulkan sumber-sumber bagi pertandingan secara berkesan dalam projek-projek lebih besar di rantau ini.

ASEAN TIMBER TECHNOLOGY CENTRE (ATTC)—PENUBUHAN

28. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kesan-kesan dan kemajuan yang dicapai oleh anggota-anggota Negara ASEAN mengenai penubuhan ASEAN Timber Technology Centre (ATTC) yang dianggarkan menelan belanja sebanyak US\$11 juta dan sama ada benar pertubuhan EEC telah bersetuju membiayai sebanyak US\$6 juta Dollar kepada pusat yang dicadangkan di Kuala Lumpur.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Penubuhan ASEAN TIMBER TECHNOLOGY CENTRE telah diluluskan oleh Mesyuarat ke-15 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada bulan Oktober 1983 untuk ditempatkan di Malaysia. Dalam bulan Julai 1984 pertubuhan EEC telah bersetuju untuk memberi sumbangan sebanyak 7.5 juta ECU (European Currency Unit) atau kira-kira US\$6 juta kepada penubuhan pusat teknologi ini. Draf Perjanjian ASEAN-EEC mengenai projek ini sedang dipertimbangkan oleh negara-negara ASEAN dan

Kerajaan juga sedang memberi pertimbangan terhadap penempatan projek ini di Malaysia.

**PELABURAN SEKTOR
SWASTA MEMBANGUNKAN
NEGARA**

29. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pelaburan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan jumlah dari pihak swasta dalam masa lima tahun yang lepas dalam beberapa bidang bagi membangunkan negara seperti bidang industri, pelancungan, pertanian, perlombongan, pembinaan, pemaju perumahan dan lain-lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Jumlah pelaburan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat iaitu 1981-85 adalah dijangka sebanyak \$107.8 ribu juta. Dari jumlah ini \$53.2 ribu juta adalah pelaburan sektor awam dan \$54.7 ribu juta pelaburan sektor swasta.

Jumlah pelaburan tersebut di atas tidak dapat dipecahkan mengikut bidang seperti yang dikehendaki dalam soalan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, di bidang pelaburan sektor awam, agihan mengikut bidang perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan boleh digunakan sebagai gambaran pelaburan Kerajaan mengikut bidang. Bagi tempoh 1981-85 sebahagian besar iaitu 21.5% dari perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah ditujukan kepada sektor perkhidmatan sosial. Ini diikuti oleh sektor pertanian dan pembangunan 16.2%, pertahanan dan keselamatan 15.9%, perdagangan, perusahaan dan perlombongan 14.6%, pengangkutan 13.9% kemudahan awam 9.6%, pentadbiran am 1.8% dan pelancungan 0.1%.

Pelaburan sektor swasta pula, sebanyak 22% dari jumlah pelaburan

dalam tempoh tersebut adalah pelaburan di sektor petroleum untuk aktiviti-aktiviti seperti carigali dan membina kemudahan-kemudahan bagi tujuan pengeluaran. Bagi pelaburan sektor swasta adalah dianggarkan sebahagian besarnya adalah bidang-bidang pembuatan, pengangkutan dan kewangan.

**PENCEROBOHAN VIETNAM—
PERSEDIAAN**

30. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jiran kita negeri Thai telah dengan mudahnya diceroboh oleh tentera Vietnam; dan jika sedar sama ada beliau telah atau akan membuat persediaan supaya negara kita tidak pula menjadi mangsa tentera Vietnam; dan nyatakan sama ada pasukan pertahanan kita telah dilengkapi dengan secukupnya untuk menghadapi sebarang pencerobohan khasnya dari Vietnam.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Senator Fadzil bin Mahmood pada 24hb April, 1985 kerana kedua-dua soalan ini mempunyai maksud yang sama.

Kerajaan bukan sahaja sedar akan pencerobohan yang dilakukan oleh tentera Vietnam di Wilayah sempadan Thailand malah mengikuti perkembangan yang berlaku di sana secara serius. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara, sememangnya kami sentiasa mengkaji strategi-strategi serta melaksanakan langkah-langkah yang difikirkan boleh dibuat dalam usaha mempertingkatkan keupayaan mempertahankan negara dari sebarang kemungkinan. Kegiatan pencerobohan tentera Vietnam ke Wilayah Thailand adalah merupakan

salah satu perkara telah diambil kira oleh Kerajaan di dalam merancang strategi pertahanan negara.

SEKOLAH MENENGAH PERTANIAN—PENUBUHAN

31. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sebagai langkah untuk memajukan sektor pertanian di negara ini Kerajaan bercadang menubuhkan Sekolah Menengah Pertanian yang sama tarafnya dengan Sekolah Menengah Sains atau Sekolah Menengah Teknik.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Sebagai langkah untuk memajukan sektor pertanian, Kementerian Pelajaran setakat ini telah mengadakan Sekolah-sekolah Menengah Vokasional (Pertanian) yang khusus dalam bidang pelajaran pertanian. Seseorang lepasan Sekolah Menengah Vokasional (Pertanian) yang berjaya akan mendapat Sijil Pelajaran Vokasional (SPVM) yang setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sekolah-sekolah Menengah Vokasional (Pertanian) yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (1) S.M.V. (Pertanian) Telok Intan, Perak.
- (2) S.M.V. (Pertanian) Rembau, Negeri Sembilan.
- (3) S.M.V. (Pertanian) Chemor, Temerloh, Pahang.

PLAZA TOL—PEMBINAAN

32. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah plaza tol yang akan didirikan pada tahun ini dan di mana tempat-tempat yang telah dicadangkan untuk mendirikan tol-tol tersebut.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu); Pada tahun ini Lembaga Lebuhraya Malaysia telah pun mendirikan plaza tol di kompleks

Imigresen, Bukit Kayu Hitam, Kedah. Kutipan tol telah pun bermula semenjak 1hb April, 1985. Selain daripada itu, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia juga sedang merancang untuk mendirikan dua lagi plaza tol iaitu di jambatan Pulau Pinang dan di km 24.6, lebuhraya tol Senai-Johor Bahru.

HUBUNGAN DAGANG MALAYSIA-CHINA/PAKISTAN

33. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) dasar tentang hubungan antara Malaysia dan China pada masa ini;
- (b) dasar tentang hubungan antara Mataysia dan Pakistan; dan
- (c) sejauh mana hubungan dagang di antara kedua-dua negara tersebut dengan Malaysia telah berkembang.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Berhubung pula dengan hubungan antara negara kita dan Pakistan, sepertimana yang telah dinyatakan di Dewan yang mulia ini di masa-masa yang sudah, ikatan persaudaraan Islam serta nilai dan cita-cita yang sama sebagai ahli-ahli Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali telah membolehkan Pakistan dan Malaysia untuk bekerjasama dengan eratnya di berbagai bidang. Malaysia dan Pakistan juga mempunyai pandangan serta pendirian yang sama datam hampir semua isu-isu antarabangsa yang telah pula membolehkan kedua-dua buah negara untuk bekerjasama dengan rapatnya dipelbagai forum antarabangsa.

Hubungan dua hala yang rapat dan mesra yang sedia terjalin itu telah dibawa ke tahap yang lebih tinggi lagi setelah lawatan rasmi Presiden Zia-ul

Haq ke Malaysia pada bulan November, 1982 serta lawatan balas ke Pakistan yang dilakukan oleh Y.A.B. Dato' Seri Perdana Menteri pada bulan Mac tahun lalu.

Dari segi hubungan perdagangan pula Pakistan merupakan pembeli minyak kelapa sawit kita yang kedua terbesarnya di dunia, iaitu sebanyak lebih kurang 390,000 ton pada tahun 1984. Bahan-bahan dagangan utama yang lain yang dieksport ke Pakistan adalah getah, "synthetic fibres" dan kayu-kayan. Bahan-bahan dagangan utama yang diimport dari Pakistan pula adalah beras, "raw cotton" dan "cotton fabrics". Imbangan dagangan adalah menguntungkan Malaysia. Lebih dagangan yang menguntungkan bagi kita itu adalah lebih kurang M\$280 juta pada tiap-tiap tahun sejak tahun 1981.

Usaha-usaha sedang dijalankan oleh kedua-dua buah negara untuk menambahkan serta mempelbagaikan bahan-bahan dagangan. Antara usaha-usaha ke arah matlamat ini kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk menandatangani Perjanjian Perdagangan dan juga Perjanjian Kerjasama Perkapalan. Deraf-deraf kedua-dua perjanjian tersebut sedang dalam kajian pihak-pihak yang berkenaan di kedua-dua negara.

DOKTOR PEREMPUAN/ LELAKI—BILANGAN

34. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) Jumlah doktor perempuan dan lelaki-lelaki yang berkhidmat dengan kerajaan sekarang; dan
- (b) Sekiranya negara kekurangan doktor perempuan, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Pada 1-4-1985 jumlah doktor yang berkhidmat

dengan kerajaan adalah 2,709. Daripada jumlah itu 2,011 adalah doktor-doktor lelaki dan 698 doktor-doktor wanita, iaitu doktor-doktor wanita meliputi 26% daripada jumlah doktor yang berkhidmat dengan kerajaan. Walaupun terdapat bilangan doktor-doktor lelaki melebihi dari bilangan doktor-doktor wanita, kedudukan yang serupa juga terdapat dalam kebanyakan profesion di mana lelaki lebih daripada wanita. Jumlah 26% doktor wanita dari jumlah doktor-doktor di negara ini adalah satu tahap yang baik. Penambahan kepada peratusan ini adalah tertakluk kepada minat dan keupayaan kaum wanita sendiri.

KERTAS PEPERIKSAAN AGAMA ISLAM—MEWAJIBKAN

35. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pelajaran menyatakan hasrat Kementerian untuk mewajibkan pelajar-pelajar yang beragama Islam mengambil kertas peperiksaan Agama Islam di dalam semua peringkat peperiksaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Sukacita saya maklumkan bahawa sekarang ini semua pelajar-pelajar yang beragama Islam adalah diwajibkan untuk mengikuti matapelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah. Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk mewajibkan pelajar-pelajar yang beragama Islam mengambil kertas agama Islam dalam semua peringkat peperiksaan awam.

TAHUN BELIA BANGSA- BANGSA BERSATU—AKTIYITI

36. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan semua rancangan yang telah dibuat untuk membanyakkan lagi aktiviti di dalam sektor Belia di dalam Tahun Belia Bangsa-bangsa Bersatu ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan sambutan dan perayaan Tahun Belia Antarabangsa 1985. Diperingkat Kebangsaan jawatankuasa ini merancang beberapa aktiviti termasuk untuk meramaikan ahli persatuan belia, pertandingan menulis essei, penekanan kepada kerja-kerja kemasyarakatan, pertandingan kemahiran vokesyenal, khemah kerja belia, perhimpunan belia antarabangsa, Jambori Pandu Puteri. Latihan untuk Pegawai/Jurulatih Belia, workshop (bengkel) penilaian sukarelawan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perkhidmatan Pembangunan tempatan dan forum belia Asia Pasifik. Malaysia juga akan menyertai beberapa aktiviti yang diselenggarakan oleh negara-negara Asean dan Antarabangsa.

JUDI EMPAT EKOR— MENGHAPUSKAN

37. **Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Kerajaan akan menghapuskan judi empat nombor ekor sebagai salah satu tindakan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di kalangan rakyat.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Kerajaan telah pun menubuhkan satu jawatankuasa bagi tujuan ini di bawah pengawasan Badan Perunding Islam. Satu kajian yang mendalam sedang dibuat.

GURU MENGADAKAN KELAS TUISYEN

38. **Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat sebilangan guru-guru yang mengambil kesempatan mengadakan kelas-kelas

tuisyen yang mengandungi murid-murid kelasnya sendiri dengan mengenakan bayaran; dan sama ada perkara ini akan mengurangkan prestasi guru-guru tersebut di dalam kelas dan sekolah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak ada menerima laporan mengenai guru-guru yang mengambil kesempatan mengadakan kelas-kelas tuisyen kepada murid-murid kelasnya sendiri. Dengan itu masalah pengurangan prestasi guru tidak timbul.

RUMAH MILIK SENDIRI DI ESTET-ESTET

39. **Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Kerajaan Tempatan menyatakan kemajuan yang telah dicapai berhubung dengan rancangan memiliki rumah sendiri di estate-estate yang dimulakan dalam tahun 1984.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Skim Memiliki Rumah Pekerja merupakan satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kementerian saya untuk mendapat penyertaan para majikan ladang dan lombong supaya pekerja-pekerja mereka apabila bersara kelak, akan dapat memiliki tempat kediaman sendiri.

Setakat ini tiga buah ladang dan satu lombong telah melaksanakan skim-skim mereka dengan jayanya iaitu dengan pembinaan 974 unit rumah. Selain daripada itu sebanyak 18 buah ladang dan 5 buah lombong telah memberi kesanggupan menyertai Skim Memiliki Rumah Pekerja ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga di bawah skim ini sebuah iadang di Batu Tiga, Klang, Selangor akan siap membina 121 unit rumah dalam tempoh 2-3 bulan lagi, Pembinaan rumah-rumah tersebut telah dimulakan dalam tahun 1984.

BURUH ASING SECARA HARAM—KEMASUKAN

40. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ada majikan-majikan yang membawa masuk buruh-buruh asing secara haram dan menjejaskan tenaga buruh dalam negeri khususnya tenaga buruh tempatan; jika sedar nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan.

Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Kementerian Dalam Negeri tidak sedar bahawa ada majikan-majikan di Malaysia yang membawa masuk buruh asing secara haram untuk bekerja di sini. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan menghantar pulang mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram. Di samping itu, tindakan tegas mengikut undang-undang juga boleh diambil ke atas warganegara dan penduduk Malaysia yang membawa masuk secara haram warganegara asing atau memberi perlindungan kepada mereka.

INSTITUT USAHAWAN— MEWUJUDKAN

41. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang cadangan menjadikan Pusat Daya Pengeluaran Negara sebagai sebuah Maktab Latihan Pengurusan atau sebuah Institut mengwujudkan usahawan di masa depan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Pusat Daya Pengeluaran Negara sebagai menepati namanya akan sentiasa berusaha mencapai matlamat berikut:

- (i) PDPN memainkan peranannya sebagai PUSAT PEMBANGUNAN TENAGA

MANUSIA dan mengekalkan imejnya sebagai institusi penyeliaan dan pengurusan keusahawanan yang UNGGUL di Negara ini.

- (ii) PDPN memainkan peranannya sebagai PUSAT PENGHASILAN PAKAR TEMPATAN dibidang DAYA PENGELUARAN dan PENGURUSAN.

Daya Pengeluaran atau produktiviti adalah suatu unsur yang mustahak dalam segala bidang usaha manusia untuk mencapai kemajuan keseluruhan hidup. Dari segi Perdagangan dan Perindustrian khususnya, daya pengeluaran meliputi pengurusan dan keusahawanan. Pada praktiknya kedua-dua unsur Pengurusan dan Keusahawanan itu tidak mungkin boleh dipisahkan, malahan adalah berkait-rapat.

Oleh yang demikian tidak perlu wujudnya lembaga-lembaga seperti Maktab Latihan Pengurusan ataupun Institut Usahawan dalam konteks ini. Apa yang ditekankan di Pusat Daya Pengeluaran Negara ialah usaha yang dijalankan ke arah mempertingkatkan lagi kebolehan golongan pengurusan atasan bagi usahawan-usahawan yang terdapat di negara ini untuk menjelmakan The Entrepreneurial Manager.

KAD PENGENALAN WARNA MERAH KEPADA BEKAS TENTERA

42. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini ada terdapat beberapa orang Perajurit Angkatan Tentera Malaysia yang menamatkan perkhidmatan Tentera mereka telah diberi kad pengenalan warna merah, pada hal mereka-mereka ini memiliki kad pengenalan warna biru sebelum memasuki lapangan Tentera; sekiranya beliau sedar, nyatakan

sebab-sebab perkara yang sedemikian boleh berlaku dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memperbetulkan perkara ini.

Dato Musa Hitam: Saya sedar bahawa ada sebilangan kecil anggota Angkatan Tentera Malaysia yang dikeluarkan kad pengenalan merah setelah mereka tamat perkhidmatan dengan Kerajaan. Sebenarnya mereka tidak memiliki kad pengenalan biru sebelum berkhidmat dengan Kerajaan, sebaliknya mereka memiliki kad pengenalan lama jenis kertas yang dikeluarkan dalam tahun 1960. Ada di antara mereka itu yang memiliki kad merah belurh berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia. Mereka tidak dapat membuktikan taraf kewarganegaraan mereka apabila mereka bersara dari perkhidmatan Kerajaan. Justru itu mereka diberikan kad pengenalan merah.

Kementerian Dalam Negeri biasanya menasihatkan mereka yang terlihat supaya memohon untuk menjadi warganegara Malaysia di bawah Perkara 16 Perlembagaan Malaysia jika mereka dilahirkan di negara ini sebelum hari Merdeka dan memiliki sijil kelahiran yang sah. Bagi mereka yang tidak memiliki sijil kelahiran atau dilahirkan di luar negeri, mereka boleh memohon taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 19(1)(i)(a) Perlembagaan. Kad pengenalan biru boleh dikeluarkan kepada mereka sebaik sahaja mereka dapat membuktikan taraf warganegara mereka.

FELDA—PENEROKA ANTI-KERAJAAN

43. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada kerajaan akan mengambil tindakan tegas kepada peneroka-peneroka dalam skim FELDA yang

anti-kerajaan dan sama ada sistem penerangan dan pendidikan dalam skim tersebut akan juga dikaji semula supaya ianya sesuai dengan hasrat dan aspirasi kerajaan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Kerajaan sememangnya akan mengambil tindakan tegas kepada peneroka-peneroka dalam Skim FELDA yang anti-kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang terdapat peneroka yang anti-kerajaan tetapi jumlah mereka adalah kecil dan terkawal. Kerajaan menyedari ada orang atau golongan tertentu yang cuba menghasut peneroka-peneroka supaya menentang kerajaan. Mereka ini telah menabur fitnah dan memburuk-burukkan kerajaan dengan harapan supaya masyarakat peneroka berpecah belah. Perbuatan menghasut dan memecahbelahkan masyarakat peneroka ini adalah merupakan tindakan pengecut dan tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Tindakan mengikut undang-undang yang sewajarnya akan dikenakan kepada mereka yang terlibat. Sistem penerangan dan pendidikan di rancangan-rancangan FELDA sememangnya sentiasa dikaji dari semasa ke semasa supaya ianya bersesuaian dengan hasrat dan aspirasi kerajaan. Penerangan yang lebih luas kepada para peneroka akan ditingkatkan lagi supaya mereka tidak mudah dipengaruhi dan dihasut oleh anasir/golongan tertentu yang anti-kerajaan.

PETRONAS—STESYEN MINYAK KEPADA BUKAN BUMIPUTERA

44. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bertujuan memberikan peluang kepada pengusaha bukan bumiputera mengendalikan stesyen minyak (petrol kiosk) PETRONAS. Jika tidak berikan sebabnya.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Penyertaan kaum bumiputera dalam aktiviti mengendalikan stesyen minyak (petrol kiosk) sehingga kini adalah masih rendah dan belum mencapai 30 peratus. Sebaliknya, pengusaha-pengusaha bukan bumiputera telah banyak diberikan peluang untuk mengendalikan stesyen-stesyen minyak kepunyaan syarikat-syarikat minyak selain daripada PETRONAS dan penyertaan mereka dalam aktiviti ini adalah di paras yang tinggi sekarang. Memandangkan sebab-sebab tersebut dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, PETRONAS memberi keutamaan kepada bumiputera untuk mengendalikan stesyen-stesyen minyaknya.

PEKERJA LADANG DIBERI GAJI BULANAN

45. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Buruh menyatakan apakah perkembangan yang dicapai setakat ini dalam proses memberikan gaji bulanan kepada pekerja-pekerja ladang yang telah dan sedang menjadi tulang-belakang ekonomi negara kita sebagai suatu pengiktirafan kepada sumbangan mereka terhadap pembangunan ekonomi negara kita.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Pertikaian di antara Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) dan Persatuan Pengeluar-pengeluaran Pertanian Tanah Melayu (MAPA) mengenai perjanjian bersama telah dilapurkan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan oleh pihak kesatuan pada 9-7-1984. Pertikaian berkenaan meliputi penoreh getah, pekerja-pekerja Am dan pekerja-pekerja kilang kelapa sawit. Perkara-perkara yang dipertikaikan adalah kadar gaji (termasuk isu gaji bulanan) dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk faedah-faedah sampingan.

Usaha-usaha pendamaian telah dijalankan tetapi oleh kerana segala usaha yang diambil tidak membawa penyelesaian, saya telah merujuk pertikaian itu kepada Mahkamah Perusahaan pada awal tahun ini. Memandangkan bahawa kes ini akan dibicarakan tidak lama lagi, saya tidak bercadang memberi keterangan lanjut.

BARANG-BARANG BUATAN TEMPATAN—GALAKAN MEMBELI

46. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar atau tidak jualan barang-barang buatan tempatan merosot di Semenanjung Malaysia, jika benar nyatakan sebab-sebabnya, dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan rakyat suka membeli barang-barang buatan negara kita sendiri.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kerajaan setakat ini tidak menerima apa-apa laporan atau teguran sama ada daripada pengeluar-pengeluar tempatan mahupun mana-mana pihak lain yang berkaitan bahawa jualan barangan buatan tempatan merosot di Semenanjung Malaysta. Walau bagaimanapun, pada amnya kemelesetan ekonomi dunia sekarang sudah tentu ada kesannya terhadap pengusaha-pengusaha tempatan kita. Tidaklah dapat dinafikan bahawa ada pengusaha-pengusaha tempatan yang merosot perniagaan mereka, Tetapi sebaliknya, ada juga mereka yang berjaya mengatasi kemelesetan ekonomi ini.

Kerajaan sedang pun menjalankan suatu Kempen di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat membeli barang-barang buatan negara kita sendiri. Kempen ini bertujuan menyedarkan rakyat bahawa -negara kita sendiri telah banyak mengeluarkan barang-barang

bermutu, yang telah pun mendapat pasaran di luar negeri. Oleh yang demikian rakyat tidaklah harus waswas atau menaruh syak wasangka terhadap barangan buatan negara sendiri. Di samping membuat saranan tersebut kepada pengguna, pengeluaran-pengeluar tempatan juga diingatkan dan digesa supaya sentiasa memelihara dan meningkatkan mutu hasil keluaran masing-masing. Dalam masa Kempen ini diadakan, pengusaha-pengusaha tempatan akan menonjolkan barangan mereka melalui pameran-pameran dan jualan-jualan khas di pasaraya-pasaraya di seluruh negara. Publisiti dan penerangan mengenai industri-industri tempatan dan hasil keluaran tempatan juga akan dibuat melalui media massa untuk menimbulkan dan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap keupayaan industri tempatan dan hasil keluaran mereka.

ISU PERKAUMAN— LAPORAN AKHBAR

47. Tuan Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap setengah-setengah akhbar yang memperbesar-besarkan laporan yang boleh menyemarakkan perkauman yang disifatkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebagai dalang yang menyebarkan isu perkauman.

Dato' Musa Hitam: Permit penerbitan untuk menerbitkan akhbar adalah dikeluarkan tertakluk dengan syarat-syarat tertentu, termasuklah larangan menyiarkan apa-apa rencana, makalah, lukisan atau sebagainya yang memudaratkan atau boleh memudaratkan ketenteraman awam, akhlak, keselamatan negara, perhubungan baik Malaysia dengan negara-negara sahabat bertentangan dengan undang-undang negara atau memudaratkan kepentingan rakyat dan kepentingan negara.

Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana penerbit yang melanggar syarat-syarat yang tersebut kerana perbuatan ini adalah bertentangan dengan keperluan seksyen 7. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Di antara tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri ialah memberi amaran lisan dan bertulis kepada penerbit berkenaan, mengeluarkan surat "show-cause" dengan izin dan seterusnya menggantung atau membatalkan permit penerbitan yang terlibat.

KOMPLEK PERDAGANGAN DI JALAN MAAROF, KUALA LUMPUR

48. Dato' S. Govindaraj minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau akan memastikan bahawa peruntukan untuk kompleks-komplek Perdagangan dan kediaman yang sedang dalam pembinaan di kawasan keretapi, Jalan Maarof, Kuala Lumpur akan mencerminkan komposisi kaum yang adil kepada orang-orang yang tinggal dalam lokaliti berkenaan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz); Semua projek pembangunan baru dan pembangunan semula bandar yang dilaksanakan oleh UDA seperti projek pembangunan Kawasan Lot 81, Seksyen 96, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur, iaitu projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dilaksanakan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Pada peringkat ini, strategi-strategi pemasaran bagi projek berkenaan sedang dalam perancangan. Sebarang tindakan dan strategi yang akan digunakan untuk menjual atau menyewa ruang-ruang perniagaan, pejabat dan kediaman di kawasan tersebut adalah berpandukan kepada

matlamat Dasar Ekonomi . Baru mengenai penyusunan semula masyarakat.

KEBOCORAN GAS AMMONIA DI KILANG AIS—LANGKAH KESELAMATAN

49. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Buruh menyatakan apakah syarat-syarat keselamatan yang dikenakan kepada kilang-kilang ais di negara kita supaya tidak berlaku kebocoran gas ammonia seperti yang berlaku di kilang Jalan Pulau Kambing dan kilang Beris Cawat Terengganu untuk menjamin keselamatan rakyat di sekitar kilang tersebut.

Dato' Mak Hon Kam: Kejadian di mana 10 orang pekerja di kilang ais batu di Jalan Pulau Kambing, Terengganu yang telah berlaku pada 11hb Disember, 1984, adalah berpunca daripada kebocoran yang berlaku disebabkan hakisan yang terdapat pada saluran paip yang bersambung ke bahagian bawah "vertical accumulator" di mana gas amonia terkeluar.

Berikutan dengan kejadian ini satu siasatan telah dijalankan oleh Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya untuk menentukan punca kejadian itu dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Siasatan dan tindakan yang diambil adalah selaras dengan kehendak-kehendak syarat-syarat keselamatan dan kesihatan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967.

Berikutan dengan siasatan, arahan-arahan telah diberi kepada Penyelia Kilang dan tindakan-tindakan yang sewajarnya telah diambil. Saya ingin memaklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa kerja-kerja untuk membaiki pulih bahagian kebocoran dengan segera kerosakan telah pun dijalankan mengikut kehendak

pemeriksaan Jabatan Kilang dan Jentera. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa mengadakan pemeriksaan awal, ulangan dan tambahan untuk menentukan dan menjaga taraf keselamatan di kilang-kilang. Selain daripada itu Pegawai-pegawai di peringkat negeri juga telah diberi arahan untuk menjalankan pemeriksaan rapi dan teliti ke atas kilang-kilang ais yang menggunakan gas ammonia. Memang adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengawal kejadian yang menjejaskan kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja dan orang awal di kilang-kilang dan alam sekitar dan seterusnya mengadakan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan-jabatan dan Badan-badan tertentu.

PENAGIH DADAH- CARA PEMULIHAN

50. Puan Hajjah Hafsah binti Osman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil atau cara-cara strategi kusus untuk memulih penagih-penagih dadah di seluruh negara;
- (b) keordinasi di antara Jabatan Penjara dan Pusat-pusat Pemulihan Dadah yang dikelolakan oleh Peadam, cara-cara untuk merawat; dan
- (c) semenjak pihak Jabatan Penjara sudah mula satu cara tersendiri iaitu cara baru untuk memulihkan penagih-penagih dadah yang ditahan di penjara dengan mendapat kejayaan seramai 65 orang; sama ada Kerajaan sudah membuat kajian ke atas pemulihan yang dibuat oleh Jabatan Penjara ini boleh diamalkan bagi memulih penagih-penagih dadah di Pusat Pemulihan itu.

Dato' Musa Hitam:

- (a) Program rawatan dan pemulihan dadah pada masa ini dikendalikan oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara. Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah mengendalikan pemulihan dadah mengikut peruntukan-peruntukan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Akta ini memperuntukkan dua cara pemulihan penagih dadah. Cara pemulihan pertama ialah menurut institusi di mana penagih-penagih yang ditangkap oleh Polis dihantar masuk ke Pusat Pemulihan atas perintah Mahkamah selama tempoh dua tahun. Penagih-penagih yang tampil ke hadapan dengan sukarela boleh ditawarkan tempat di sebuah Pusat Pemulihan untuk menjalani pemulihan selama tempoh dua tahun. Setelah mereka dibebaskan dari Pusat Pemulihan mereka diwajibkan menjalani Jagaan Lanjutan selama tempoh dua tahun di bawah seliaan Pegawai Pemulihan Dadah tempatan.

Cara pemulihan yang kedua ialah melalui Pengawasan di mana penagih-penagih yang ditangkap oleh Polis dan diperintah oleh Mahkamah diletakkan di bawah Pengawasan Pegawai Pemulihan Dadah untuk menjalani pemulihan dalam masyarakat selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih dari tiga tahun. Penagih-penagih juga boleh secara sukarela memohon untuk menjalani pemulihan dalam masyarakat di bawah

Pengawasan Pegawai Pemulihan Dadah selama tempoh masa yang sama.

Manakala Jabatan Penjara pula mengendalikan program pemulihan bagi banduan dadah, iaitu mereka yang telah dihukum penjara oleh Mahkamah kerana melakukan kesalahan atau kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti Akta Dadah Berbahaya, 1952, Kanun Keseksaan, Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil dan sebagainya. Pada masa yang sama mereka adalah didapati sebagai penagih dadah. Mereka ini sambil menjalani hukuman penjara diberi rawatan dan pemulihan juga.

- (b) Jabatan Penjara mempunyai program pemulihannya tersendiri yang tidak ada kaitan dengan program pemulihan Pemadam. Seperti yang disebutkan di atas Jabatan Penjara menjalankan program rawatan dan pemulihan ke atas banduan-banduan dadah. Diakhir tempoh tahanan mereka dalam penjara mereka dibebaskan ke pangkuan masyarakat. Bagi banduan-banduan yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15 Akta Dadah Berbahaya, 1952, mereka diwajibkan menjalani Pengawasan selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari tiga tahun di bawah seliaan Pegawai Pemulihan dari Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, selepas mereka dibebaskan dari Penjara.

Pemadam adalah sebuah *badan bukan Kerajaan* dan pada masa ini mengelolakan beberapa buah Pusat Jagaan Lanjutan dan Pusat Harian bagi

penagih-penagih dadah. Untuk menyelaraskan peranan Pemadam dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri, satu keputusan telah dibuat di mana Pemadam akan mengelolakan Pusat-pusat Jagaan Lanjutan sahaja bagi bekas penagih-penagih yang dibebaskan dari Pusat-pusat Pemulihan Dadah Kerajaan dan membantu mereka kembali semula ke pangkuan masyarakat. Dengan keputusan ini Pemadam tidak lagi dikehendaki mengelolakan Pusat-pusat Pemulihan Dadah lagi. Tanggungjawab ini akan diberi kepada Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri.

- (c) Tidak ada perbezaan yang besar dalam program pemulihan dadah yang diamalkan oleh pihak Penjara dan Pusat Pemulihan Dadah, di bawah Kementerian Dalam Negeri. Kedua-dua program pemulihan yang dijalankan oleh pihak Penjara dan Pusat Pemulihan Dadah menitikberatkan disiplin, latihan kemahiran, etika kerja yang baik, memupukkan nilai-nilai moral yang tinggi melalui pengajaran dan amalan agama dan tatanegara dikalangan penghuni-penghuni mereka. Kaunseling yang merupakan unsur yang penting dalam proses pemulihan dijalankan oleh pegawai-pegawai yang terlatih dalam kedua-dua Penjara dan Pusat Pemulihan Kementerian Dalam Negeri.

Perbezaan kecil yang ada ialah pihak Penjara mengamalkan cara "acupuncture" dan Pusat

Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri menggunakan cara "cold turkey" dalam menawarkan kesan-kesan dadah (atau detoksifikasi) dari badan penagih-penagih itu. Satu lagi perbezaan ialah seseorang banduan dadah menjalani pemulihan selama tempoh tahanannya seperti yang dijatuhkan oleh Mahkamah. Manakala semua penagih dadah di Pusat Pemulihan Dadah diperintah menjalani pemulihan selama dua tahun.

ROMPAKAN DI PEKAN BESAR— TINDAKAN

51. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar peristiwa rompakan di pekan-pekan besar dalam negara kita makin bertambah; jika sedar, berikan sebab-sebab utama mengapa keadaan ini menjadi buruk dan nyatakan sama ada tindakan polis terhadap anasir-anasir jahat ini akan diperhebatkan lagi.

Dato Musa Hitam: Peningkatan kes-kes rompak terutama di bandar-bandar besar adalah disebabkan oleh terdapatnya peluang-peluang yang didedahkan oleh mangsa-mangsa itu sendiri. Sikap orang ramai yang tidak berhati-hati seperti membawa wang yang banyak tanpa kawalan, menyimpan wang dan barang-barang kemas yang banyak di rumah, memakai barang-barang kemas yang mahal di khalayak ramai, mempamerkan barang-barang kemas di tempat-tempat perniagaan tanpa kawalan atau alat pencegahan yang berkesan dan membawa wang gaji yang banyak untuk pekerja tanpa kawalan yang cukup adalah merupakan sebab-sebab utama bertambahnya kejadian rompak.

Selain dari itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menambahkan lagi jenayah rompakan di bandar-bandar besar seperti keadaan sosio-ekonomi, pembangunan yang pesat dan gejala-gejala sosial seperti penagihan dadah, kegiatan kongsigelap, perjudian, maksiat dan sebagainya yang secara langsung atau tidak telah menyebabkan kejadian-kejadian rompakan.

Polis dari masa ke semasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah dan membentaras kejadian-kejadian rompakan khususnya di bandar-bandar besar.

PENDUDUK LUAR BANDAR— TINJAUAN

52. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang membuat tinjauan ke atas kemajuan dan kedudukan orang-orang di kawasan luar bandar.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Kementerian saya memang membuat tinjauan ke atas kemajuan di kawasan luar bandar. Boleh dikatakan kesemua Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan sentiasa meninjau kemajuan dan masalah yang dihadapi di kawasan luar bandar. Misalnya Kementerian saya akan terus mengawasi dari segi kemajuan dalam mengadakan kemudahan intrastruktur di kawasan luar bandar. Begitu juga meninjau kemajuan mengadakan industri-industri kampung yang bertujuan menambahkan pendapatan penduduk luar bandar. Usaha-usaha ke arah mengenalpasti masalah dan meninjau kemajuan di kawasan luar bandar akan terus dijalankan oleh Kementerian saya dari masa ke semasa.

PERINTAH BUANG NEGERI

53. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah orang- yang telah dikenakan perintah buang negeri dari negara Malaysia sejak 1-9-1957 hingga ke hari ini dan nyatakan sebab-sebabnya dan ke negara mana mereka dihantar balik;
- (b) sama ada orang yang diisytiharkan (persona non grata) boleh merayu untuk kembali ke negeri ini dan menjadi rakyat negeri ini semula; dan
- (c) jumlah warganegara Malaysia yang baik ke negeri ini selepas diperintah keluar dari negara-negara asing sama ada negeri sahabat atau bukan sahabat dan nyatakan sebab-sebabnya mereka diisytiharkan (persona non grata) di negara-negara itu.

Dato Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Jumlah orang yang telah dikenakan perintah buang negeri dari negara Malaysia sejak 1-9-1957 hingga 14-10-74 ialah 549 orang. Tindakan Buang Negeri tidak lagi diambil selepas 14-10-74. Mereka yang telah dibuang negeri adalah orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan jenayah dan yang terlibat dalam kegiatan mengancam keselamatan negara. Mereka dihantar ke negara-negara yang ingin menerima mereka.
- (b) Tentang rayuan pula, terpulanglah kepada subjek persona non grata itu untuk merayu atau tidak dan sekiranya rayuan tersebut diluluskan maka bolehlah pula ia memohon untuk menjadi rakyat negeri ini semula; dan

- (c) Jumlah warganegara yang balik ke negeri ini selepas diperintah keluar daripada negara-negara asing ialah seramai 617 orang di atas sebab-sebab berikut iaitu kes dadah, kerja tanpa permit, pendudukan haram, melanggar peraturan kastam dan kesalahan jenayah yang lain.

ASEAN—PROGRAM PERINDUSTRIAN

54. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar kerjasama ekonomi antara negara-negara ASEAN adalah penting untuk menjayakan program perindustrian masing-masing, memandangkan saiz pasaran ASEAN yang begitu besar; tetapi perdagangan antara negara-negara ASEAN dibidang-bidang barang-barang pembuatan masih lagi rendah; jika sedar nyatakan masalahnya dan apa pula langkah-langkah terakhir untuk mengatasi keadaan yang lembab ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Malaysia menganggap kerjasama serantau antara negara-negara ahli ASEAN adalah penting dan diberi keutamaan yang tinggi dalam dasar luar negara. Di dalam hasrat untuk mempergiatkan kerjasama ekonomi serantau melalui kerjasama perindustrian, ASEAN telah memulakan tiga skim perindustrian besar iaitu Projek Perindustrian ASEAN, Komplementasi Perindustrian ASEAN dan Usahasama Perindustrian ASEAN. Asas kerjasama perindustrian serantau ASEAN adalah untuk mengusahakan bahan-bahan mentah yang terdapat di dalam ASEAN dan juga menampung keperluan pasaran ASEAN yang besar, justeru itu, meningkatkan perdagangan Intra-ASEAN. Keluaran-keluaran dari skim perindustrian ini akan diberi layanan

istimewa di bawah Skim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN Preferential Trading Arrangement).

Skim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN PTA) adalah bertujuan untuk memperluaskan tahap kerjasama ekonomi yang saling membantu dan menekankan bahawa kerjasama perdagangan adalah penting dalam konteks untuk memperkukuhkan ekonomi negara dan keutuhan ekonomi ASEAN dengan menambah pelaburan dan peluang-peluang pengeluaran, perdagangan serta pendapatan tukaran asing.

Namun pun begitu, usaha ke arah mempergiatkan lagi kerjasama serantau terutama dibidang perindustrian dan perdagangan adalah tidak sebegitu mudah. Sejak sidang Kemuncak ASEAN di Bali pada tahun 1976, di mana bidang-bidang kerjasama ekonomi ASEAN telah dikenalpasti dan program kerja digubal, pencapaian kerjasama dibidang ekonomi adalah masih ditahap yang rendah. Dapat diperhatikan bahawa negara-negara ASEAN lebih memberatkan kepentingan nasional daripada kepentingan serantau apabila menimbangkan sesuatu usaha atau projek di peringkat ASEAN. Dasar-dasar yang digubal oleh negara-negara ASEAN kebanyakannya tidak mengambilkira ataupun diselaraskan dengan dasar-dasar negara-negara ahli ASEAN yang lain.

Di Mesyuarat Ke-17 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang lalu, Malaysia telah menyuarakan pendapat bahawa peningkatan perdagangan Intra-ASEAN hendaklah dijadikan sebagai daya penggerak utama bagi merapatkan lagi kerjasama ASEAN di bidang ekonomi. Unsur penting untuk menjayakan pendekatan tersebut ialah kemahuan politik (political will) untuk membebaskan (liberalize) perdagangan

Intra-ASEAN. Malaysia percaya potensi pasaran ASEAN yang besar hendaklah digembelngkan bagi menyumbang ke arah satu masyarakat ASEAN yang progresif dan bersefahaman. Mesyuarat tersebut telah bersetuju dengan pandangan tersebut dan mengarahkan supaya Jawatankuasa ASEAN Mengenai Perdagangan dan Pelancungan (COTT) mengkaji langkah-langkah baru untuk menggalakkan perdagangan Intra-ASEAN.

Salah satu langkah yang diambil oleh ASEAN untuk mengatasi kekurangan perdagangan barang pembuatan antara negara-negara ahli ASEAN ialah melalui Usahasama Perindustrian ASEAN. Usahasama ini adalah dikendalikan oleh sektor swasta ASEAN dan hanya melibatkan sekurang-kurangnya dua negara ahli ASEAN untuk memulakan sesuatu usahasama. Penyertaan bukan ASEAN di dalam usahasama ini boleh juga dipertimbangkan. Keluaran-keluaran hasil daripada usahasama ini yang didagangkan di rantau ASEAN akan diberi keistimewaan tarif sekurang-kurangnya 50% oleh negara-negara ahli ASEAN. Adalah diharapkan melalui usahasama ini, perdagangan barang-barang pembuatan di antara negara-negara ASEAN dapat dipertingkatkan.

KEWARGANEGARAAN—UJIAN BAHASA MALAYSIA

55. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai suatu sukatan mata pelajaran bagi mengadakan ujian Bahasa Malaysia untuk mendapatkan kewarganegaraan, supaya mereka yang bersungguh-sungguh berhasrat untuk menjadi warganegara kita dapat diberi peluang yang adil dan saksama.

Dato Musa Hitam: Semenjak 1-1-1972 Kementerian Dalam Negeri menggunakan satu peraturan bagi

menguji pengetahuan Bahasa Malaysia seseorang yang memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 16 dan 19 perlembagaan Malaysia. Mereka yang memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 16 Perlembagaan Malaysia dikehendaki mempunyai pengetahuan Bahasa Malaysia yang mudah manakala Perkara 19 memerlukan seseorang pemohon itu mempunyai pengetahuan Bahasa Malaysia yang cukup.

Risalah yang mengandungi Peraturan Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu ini telah dicetak dan disebarikan kepada orang ramai semenjak tahun 1972.

SISTEM MUASSASAH

56. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah berunding dan dapat kata sepakat dengan Kerajaan Arab Saudi supaya Jemaah Haji negara-negara lain dalam satu-satu Maktab menurut Sistem Muassasah sekarang.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Pihak Muassasah Asia Tenggara dan Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi telah pun bersetuju Jemaah Haji Malaysia tahun ini ditempatkan di sepuluh buah Maktab Khas di mana mereka tidak akan bercampur dengan Jemaah Haji dari negara-negara lain.

Dengan cara itu tidak akan timbul lagi dikriminasi dalam layanan terhadap Jemaah Haji Malaysia.

MAS—PERKHIDMATAN KE MADRAS

57. Dato' S. Govindaraj minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa memandangkan penamatan perkhidmatan perkapalan penumpang Madras—Malaysia, yang dianggap

perkhidmatan yang menguntungkan, sama ada beliau akan menambah penerbangan MAS bagi sektor ini.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan); MAS pada masa ini mengadakan 3 penerbangan seminggu di antara Kuala Lumpur dan Madras, Sungguhpun demikian Kementerian saya dan juga pihak MAS sedar bahawa jumlah penerbangan-penerbangan yang ada ini tidak mencukupi untuk menampung permintaan penumpang-penumpang yang telah didapati semakin meningkat baru-baru ini. Untuk mengatasi masalah ini, pihak MAS telah pun mengemukakan permohonan kepada kerajaan India untuk mendapat kelulusan baginya untuk mengadakan penambahan kapasiti. Kelulusan ini adalah diperlukan oleh kerana perjanjian yang ada sekarang hanya membenarkan MAS mengambil penumpang-penumpang pada paras kapasiti yang ditetapkan sahaja. Sebaik sahaja kelulusan diperolehi, MAS akan dapat mengadakan tambahan kapasiti tersebut.

SISTEM "MERIT" UNTUK PEMANDU TEKSI

58. Puan Rokiah Zainuddin minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau bercadang hendak mengadakan satu sistem "merit" untuk pemandu-pemandu teksi bagi menggalakkan mereka mengamalkan sifat-sifat yang positif sebagai satu tarikan kepada pelancung-pelancung dan orang ramai

Tan Sri Chong Hon Nyan: Jabatan Pengangkutan Jalan, di bawah Kementerian Pengangkutan, akan mengkaji kemungkinan mewujudkan sistem sedemikian. Jika hasil kajian menunjukkan bahawa sistem sedemikian ini akan dapat memupuk sifat-sifat positif terhadap

pemandu-pemandu teksi dan meninggikan lagi mutu perkhidmatan teksi, maka ada kemungkinannya sistem ini akan dilaksanakan.

JABATAN PENJARA— BIDANG TUGAS

59. Puan Hajjah Hafsah bte Osman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada tugas pihak Jabatan Penjara hanya untuk menerima pesalah yang telah dijatuhkan hukuman sahaja; dan
- (b) sama ada Jabatan Penjara akan meluaskan bidang tugas dan aktiviti-aktivitinya bagi menyedarkan masyarakat umum dengan memberi penerangan mengenai jenayah-jenayah dan lain-lain maklumat kursus-kursus; jika benar begitu nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas pihak Jabatan Penjara selain daripada menerima pesalah yang telah dijatuhkan hukuman meliputi juga kategori-kategori pesalah seperti berikut:

- (1) Banduan-banduan yang belum dijatuhkan hukuman.
- (2) Orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.
- (3) Orang-orang tahanan di bawah Ordinan Dharurat (ketenteraman awam dan mencegah jenayah).
- (4) Tahanan Imigresen.
- (5) Penghuni-penghuni Sekolah Henry Gurney.

Adalah benar bahawa Jabatan Penjara telah/sedang meluaskan bidang tugas dan aktiviti-aktivitinya bagi menyedarkan masyarakat umum

dengan memberi penerangan mengenai jenayah-jenayah dan lain-lain maklumat.

Antara lain sebab-sebabnya ialah:

- (1) Untuk menyedarkan masyarakat umum mengenai bahaya kegiatan-kegiatan jenayah dan juga menerangkan sedikit sebanyak di dalam usaha pemulihan banduan-banduan di negara ini.
- (2) Melalui Rancangan Khidmat Bakti oleh banduan-banduan penjara adalah bagi tujuan memupuk perasaan bertanggungjawab dan sifat-sifat kewarganegaraan yang baik dikalangan banduan-banduan serta untuk memudahkan integrasi sosial antara mereka dengan masyarakat umum setelah dibebaskan daripada penjara kelak.

PROTON SAGA—JUALAN

60. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan bagi menentukan larisnya jualan kereta Proton Saga tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan pengimportan motokar-motokar yang sekelas dengannya dan mengapakah sistem pengedaran Proton Saga masih lagi belum diputuskan; dan apakah langkah-langkah yang akan menentukan keadilan serta kejayaan.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Matlamat utama Kerajaan ialah bagi memastikan Proton Saga mendapat sambutan dan laris dijual. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa langkah akan diambil oleh Kerajaan. Sekiranya Kerajaan berpendapat bahawa pengimportan motokar-motokar pasangsiap (CBU) yang sekelas dengan Proton Saga menghalang kejayaan Kereta

Nasional, maka sudah pasti Kerajaan akan mengambil sesuatu langkah ke atas kereta-kereta tersebut. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan pengimportan motokar-motokar yang sekelas dengan Proton Saga.

Mengenai sistem pengedaran untuk Proton Saga sudah pun diputuskan iaitu sistem rangkaian cawangan dan wakil penjual ("Branch-Dealer Network System")-

Untuk menentukan keadilan serta kejayaan sistem pengedaran dan pemasaran kereta nasional pemilihan wakil-wakil penjual didasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) hanya salah satu daripada berikut akan dilantik:
 - (a) Syarikat Berhad;
 - (b) Syarikat Sendirian Berhad;
 - (c) Syarikat Perkongsian Berdaftar (Registered Partnership);
 - (d) Pertubuhan-pertubuhan.
- (ii) Mereka hendaklah mempunyai:
 - (a) Sumber kewangan, kakitangan dan kemudahan-kemudahan yang lengkap dan mencukupi;
 - (b) Mempunyai rekod pengalaman yang baik dalam perniagaan kereta.
- (iii) Perlantikan wakil-wakil penjual akan dibuat oleh Lembaga Pengarah Syarikat Edaran Otomobil Nasional (EON) berpandu kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjamin ianya sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

SISTEM PEJABAT AMALAN DI JEPUN—PELAKSANAAN

61. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Kerajaan yang menjalankan Dasar Pandang ke Timur tidak melaksanakan satu sistem pejabat yang diamalkan di Jepun iaitu model Dasar Pandang ke Timur.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Pejabat-pejabat adalah disusun mengikut keperluan tugas yang dijalankannya dan keperluan pejabat itu untuk memberi khidmat secara yang mudah kepada orang ramai. Oleh itu tidaklah ada satu model pejabat yang boleh dianggap sesuai untuk semua keadaan apalagi jika diasaskan kepada negara asing seperti Jepun.

Apa yang dibuat oleh Kerajaan dalam soal menyusun pejabat ialah menentukan syarat-syarat am yang baik bagi menjamin penjimatan belanja dan pengurusan yang cekap, kerana itu MAMPU telah memperkenalkan konsep Pejabat Pelan Terbuka di mana pegawai-pegawai tidak diberi bilik-bilik berasingan lagi kecuali mereka yang paling kanan saja. Yang lainnya menggunakan petak-petak yang boleh memberi privacy tetapi tidak menghalang perhubungan antara satu sama lain untuk melicinkan proses perjalanan kerja. Keadaan perhiasan juga disusun agar keadaan menjadi selesa untuk menambah produktiviti.

Kerajaan juga telah mewujudkan Pejabat Daerah Contoh di beberapa buah negeri manakala negeri-negeri yang lain juga sedang menubuhkannya. Itu merupakan pejabat mula yang boleh dicontohi oleh pejabat-pejabat lain. Kerajaan juga memang berhasrat untuk mewujudkan pejabat contoh di agensi-agensi lain yang boleh mengambilkira berbagai aspek yang baik dalam

pengurusan untuk menambah keselesaan dan produktiviti perkhidmatan awam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Keliga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (18hb April, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

4.04 ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri semula untuk menyambung perbahasan berkenaan dengan pindaan Akta Syarikat 1965 yang mana saya sedang menyokong pindaan peruntukan membenarkan agar saham-saham syarikat ditawarkan khusus pada pekerja-pekerja syarikat tersebut tak perlu didaftarkan kepada Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian ini tentu sekali akan menggalakkan penyertaan pekerja-pekerja dalam modal syarikat dan ini kita tahu akan mewujudkan rasa pemilikan dan akan juga meninggikan penghasilan ataupun productivity, dengan izin, dari segi kerja yang akan dibuat oleh pekerja-pekerja. Tetapi setakat ini sahaja belum akan memastikan yang pekerja-pekerja akan dapat membeli saham-saham tersebut lebih-lebih lagi pekerja-pekerja yang berperingkat rendah ataupun yang berpendapatan rendah, tentu sekali mereka tidak begitu mampu untuk mengambil ataupun membeli saham-saham yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang tertentu. Maka pihak Kerajaan, saya

fikir perlu sekali mengadakan suatu insentif ataupun mengadakan syarat-syarat yang tertentu khususnya kepada tuanpunya-tuanpunya agar sesuatu skim pinjaman contohnya ataupun skim galakan yang mudah, yang senang dapat diadakan agar lebih ramai pekerja-pekerja bawahan ini akan dapat membeli equity dalam syarikat-syarikat yang mereka bertugas itu. Dan selepas itu dapat pula mereka dengan skim-skim yang diwujudkan itu membayar balik wang-wang pendahuluan itu secara bulan-bulan, contohnya daripada potongan gaji yang akan dibuat pada tiap-tiap bulan. Sekiranya tidak diwujudkan sesuatu skim seperti ini, saya tidak yakin hasrat murni Kerajaan meminda Akta ini dapat dicapai.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada masalah yang mana kebanyakan pelabur-pelabur mendaftarkan pemegang saham mereka dalam nama nominee. Oleh yang demikian, peruntukan baru telah mencadangkan melalui perenggan 3A yang baru, yang berkehendakkan pemegang saham substantial yakni yang melebihi 5% dalam equity syarikat mendedahkan kepentingan mereka itu. Soalnya mengapa 5%, walhal di setengah-setengah syarikat yang besar, kepentingan 1-2% pun boleh menentukan perkara-perkara terpenting dalam segi perjalanan sesebuah syarikat seperti menentukan dasar-dasar mahu pun menentukan kontrol ke atas sesebuah syarikat itu. Adakah Kerajaan hanya berpuas hati dengan angka 5% sahaja yang telah memerlukan pendedahan pada pihak Kerajaan? Saya fikir ini perlu juga mendapat suatu kajian semula oleh kerana ada kalanya dan ada ketikanya kepentingan 1-2% juga penting dan boleh mengeruhkan keadaan sesebuah syarikat dan boleh merosakkan dan juga akan menyebabkan pelabur-pelabur kecil akan terkeciwa sekiranya

kepentingan 1-2% ini tidak diambilkira dan mereka membuat angkara-angkara yang boleh memburukkan keadaan perjalanan mahupun dari segi kontrol sesebuah syarikat itu.

Bersabit dengan perkara equity ini juga saya ingin tahu daripada pihak Kerajaan dan Menteri yang berkenaan tentang bagaimana pula sekiranya daripada segi pemegang saham dan equity sekiranya seseorang pemegang saham itu atau pengarah sesebuah syarikat itu menggunakan nama isteri ataupun anak-anaknya sebagai pemegang-pemegang saham di sesebuah syarikat yang dianggotanya itu. Tidakkah ini juga menunjukkan yang pemegang saham itu ataupun pengarah itu sebenarnya ada kepentingan dalam saham-saham itu? Setakat ini nampak saya peruntukan dalam pindaan yang sedang kita bincang pada ketika ini agak diam (silent) dalam perkara yang demikian. Saya ingin juga mendapat penjelasan daripada pihak Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirnya perkara yang ingin saya bawa ke perhatian Dewan ini serta pihak yang berkenaan ialah berkenaan dengan peruntukan yang mana pihak bank mesti mendedahkan kepada Kerajaan bila perlu nama-nama orang yang sebenarnya tuanpunya kepada syarikat-syarikat nominee. Soalnya tidakkah ini bercanggah dengan Akta Bank itu sendiri yang mana pihak bank terikat dengan satu peruntukan yang melarangkan mana-mana bank mendedahkan maklumat peribadi pelanggan-pelanggan mereka dalam mengamalkan etika "professional secrecy". Harap juga pihak Kementerian yang berkenaan memberi penjelasan berkenaan dengan perkara ini. Oleh kerana perkara ini tak seharusnya berlaku yang mana ada percanggahan dengan 2 Akta, iaitu Akta Syarikat dan Akta Bank. Sepatutnya sebelum Rang

Undang-undang ini dibawa untuk dibahas ke Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berdialog dengan pihak Kementerian Kewangan dan saya fikir kalau ianya dibuat sebelum ianya dibentang dalam Parlimen, percanggahan ini pasti tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja beberapa perkara yang ingin saya sampaikan dalam Majlis yang mulia ini sebagai sumbangan saya membahaskan Rang Undang-undang berkenaan dengan meminda Akta Syarikat 1985. Pada dasarnya saya menyokong penuh, cuma saya ingin mendapatkan penjelasan ataupun keterangan dengan lebih lanjut lagi tentang perkara-perkara yang telah didapati kurang terang ataupun bercanggah. Terima kasih.

4.13ptg.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama Akta Syarikat (Pindaan) 1984. Sebelum saya menyentuh perkara-perkara berkenaan, izinkanlah saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke atas kejayaan Kementerian tersebut merangkakan Rang Undang-undang (Pindaan) yang penting ini. Pada pendapat saya pindaan ini sangatlah wajar dan kena pada masanya.

Seperti kita sedia maklum pindaan ini bertujuan untuk memperkukuhkan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dengan menambahkan beberapa syarat-syarat baru, khasnya untuk mencegah penyelewengan jenayah-jenayah corporate dan untuk memberi

perlindungan kepada pelabur-pelabur, terutama sekali pelabur-pelabur kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dengan pindaan-pindaan yang dibentang di dalam Rang Undang-undang ini, walau bagaimanapun saya ingin memberi sedikit pandangan di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang tersebut. Pertama sekali, saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan apakah sebabnya Akta Syarikat negara kita ini masih lagi dalam bahasa Inggeris? Saya sedar bahawa bahasa Inggeris adalah salah satu daripada bahasa antarabangsa yang banyak digunakan di bidang perniagaan dan saya tidak menentang kegunaannya di bidang ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan kepada pihak berkenaan bahawa sebahagian besar daripada rakyat Malaysia tidak begitu fasih dengan bahasa Inggeris.

Ingin juga saya nyatakan bahawa bahasa Inggeris yang digunakan di dalam Akta tersebut bukannya Bahasa Inggeris yang biasa, bahkan ianya bercorak bahasa inggeris yang penuh dengan istilah undang-undang (legal terms). Saya berpendapat masalah bahasa ini perlu diatasi bukan sahaja untuk menggalakkan lebih lagi rakyat kita untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan, bahkan ianya juga akan melengkapkan pelabur-pelabur kita dengan pengetahuan yang akan mempertahankan hak-hak mereka sebagai pelabur dan seterusnya melindungi mereka daripada penjenayah-penjenayah corporate.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan pindaan yang dibuat di Fasal 2 dan Fasal 7 untuk meminda seksyen 11 Akta Syarikat 1965. Pindaan-pindaan tersebut bukan sahaja membolehkan salinan mikro filem rekod-rekod diterima setara dengan rekod asal, bahkan ia juga

membolehkannya diterima sebagai keterangan dalam mahkamah. Nyatalah pindaan-pindaan ini akan memperbaiki pentadbiran Akta untuk kebaikan kepada pihak Pendaftar Syarikat, pelabur-pelabur, pihak-pihak penguatkuasa undang-undang dan seterusnya kepada semua mereka yang berkaitan dengan perdagangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Fasal 20 di dalam Rang Undang-undang ini adalah fasal yang penting untuk perlindungan pelabur-pelabur kecil. Fasal 20 meminda seksyen 69A dengan seksyen 69A yang baru dan memasukkan penggal baru 3A. Seksyen 69A memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat meminta maklumat dan butir-butir mana-mana saham yang diperolehi oleh mana-mana orang individu atau syarikat. Penggal baru 3A memerlukan semua syarikat awam, sama ada syarikat-syarikat tersebut ada disenaraikan (listed) di Bursa Saham atau tidak mematuhi syarat-syarat baru yang dihuraikan di seksyen baru 69B hingga seksyen 690.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk menghuraikan satu persatu maksud-maksud seksyen-seksyen baru itu, memadailah supaya saya menyatakan bahawa tujuan-tujuannya adalah untuk mencegah jenayah-jenayah corporate dan seterusnya memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur kita, terutama sekali pelabur-pelabur kecil. Walau bagaimanapun, saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah kriteria-kriteria yang menetapkan angka 5% sebagai angka atau hakmilik yang ditafsirkan sebagai "substantial". Pada pengetahuan saya angka ini sangat berbeza jika dibanding dengan negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh ialah Fasal 33 yang meminda seksyen 141 Akta Syarikat 1965. Pindaan ini

menjadikan "mandatory" bagi seseorang pengarah menzahirkan tarikh lahirnya sebagai butir-butir tambahan yang akan dimasukkan dalam Daftar Pengarah. Pindaan ini sangatlah penting untuk mencegah jenayah corporate. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sebab-sebab seksyen 141 ini tidak menjadikan "mandatory" bagi seseorang pengarah menzahirkan tempat lahirnya dan bangsanya. Tidakkah maklumat-maklumat ini penting kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk melaksanakan dan untuk mengawasi perkara-perkara berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Di sini sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Kementerian berkenaan di atas pindaan yang dicadang di bawah Fasal 59 untuk meminda seksyen 332. Pindaan ini menghendaki sesebuah syarikat asing didaftarkan terlebih dahulu sebelum menubuhkan tempat perniagaan di Malaysia berbeza dengan peruntukan yang ada di dalam Akta Syarikat 1965 di mana syarikat-syarikat asing dibenar menubuh tempat perniagaan ataupun menjalankan perniagaan sebelum pendaftaran dibuat. Nyatalah pindaan ini akan memberi perlindungan kepada syarikat-syarikat tempatan dan seterusnya kepada pelabur-pelabur tempatan.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh peruntukan-peruntukan mengenai penalti yang terkandung di dalam Akta Syarikat 1965. Saya berpendapat bahawa pada keseluruhannya penalti-penalti yang dipinda melalui Rang Undang-undang ini masih lagi tidak memuaskan. Maksud saya penalti-penalti itu tidak begitu tinggi untuk mencegah seseorang untuk melanggar undang-undang yang dipinda khususnya untuk melindungi pelabur-pelabur yang sebenar-benarnya melabur untuk keperluan kita bersama.

Satu lagi perkara yang tidak memuaskan ialah mengenai penalti-penalti yang diperuntukkan di Bab 11, Bahagian II iaitu satu bahagian yang dikhususkan untuk syarikat asing. Suka saya menyatakan bahawa selain daripada seksyen 341 dan 342, penalti-penalti yang dikenakan kepada seksyen-seksyen lain ialah hanya \$250. Ini termasuklah sekali seksyen 332 yang baru yang berkehendakkan sesebuah syarikat asing didaftarkan terlebih dahulu sebelum menubuhkan tempat perniagaan di Malaysia. Ini bermakna penalti yang dikenakan di atas kesalahan ini ialah hanya \$250 sahaja. Pada pendapat saya penalti ini sangatlah rendah dan ianya tidak akan menjadi pencegahan yang dimaksudkan.

Sekianlah yang dapat saya memberi pandangan saya di atas Rang Undang-undang ini. Bagi penutup, saya menyokong penuh dengan Rang Undang-undang tersebut.

4.23 *ptg.*

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama-sama bangun untuk membahaskan pindaan Akta Syarikat 1965 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu saya mendengar pembentangan ini dibuat di dalam Dewan yang mulia ini petang semalam di dalam keadaan yang teraba-raba kerana beberapa kalimah-kalimah atau perkataan-perkataan kurang jelas dapat disampaikan, namun demikian, di akhir pembentangan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan pembentangan ini adalah bertujuan untuk supaya mengelakkan pencemaran suasana baik sektor corporate, ibarat kata pepatah untuk mengelakkan daripada adanya dek nila setitik, rosak susu sebelanga.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita merenung dan meneliti tujuan pindaan Akta Syarikat 1965, ini adalah bertujuan untuk mencari satu tujuan yang baik untuk memperkemaskan lagi Akta Syarikat 1965 itu untuk faedah negara dan rakyat daripada berlakunya titikan-titikan nila kepada susu supaya perkembangan di dalam bidang syarikat ini akan dapat terus dihayati oleh rakyat kita terus-menerus dan akan dapat menambahkan lagi perkembangan di dalam bidang perniagaan yang diceburi oleh rakyat kita yang kita dapat lihat bahawa pertambahan syarikat-syarikat ini sejak 15 tahun meningkat daripada 9,000 kepada 136,000. Ini adalah satu perkembangan yang amat baik dan ini satu pertumbuhan yang sepatutnya terus digalakkan.

Di dalam kita terus menggalakkan pertumbuhan syarikat ini daripada jumlah 136,000 yang ada sekarang ini tentulah di dalamnya ada mengandungi berbagai-bagai masalah, berbagai-bagai kecurangan dan penyalahgunaan kuasa yang diberikan kepada mereka di dalam menjalankan operasi satu-satu syarikat terhadap hak pelabur dan kepada mereka yang mempunyai saham di dalam mana-mana syarikat yang mereka melibatkan diri.

Kita tahu sejak bertahun-tahun yang lalu memang ada berlaku penyelewengan dan tidak amanah yang boleh menyebabkan kerugian kepada pelabur-pelabur dan kepada pemegang-pemegang saham. Maka di sini saya mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak Kementerian yang telah menyedari keadaan ini dan membuat pindaan untuk menentukan bahawa setiap syarikat yang berdaftar itu dapat berjalan mengikut peraturan yang ditentukan oleh Pendaftar atau oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita ini mengamalkan dasar.

demokrasi berparlimen dan di dalam bidang ekonomi ini kita mengamalkan dasar-dasar ekonomi bebas, maka di dalam peluang menambahkan, di dalam peluang untuk nieninggikan lagi dan menambahkan lagi keuntungan di dalam perniagaan, maka kita membolehkan seseorang itu menubuhkan beberapa banyak syarikat yang dia mampu dan dia sanggup menubuhkannya.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan menyedari bahawa daripada kemampuan seseorang atau kumpulan beberapa orang menubuhkan berapa banyak syarikat yang dia mampu dengan tidak ada penyekatan-penyekatan yang tertentu, adakah Kerajaan dapat mengawasi hanya dengan melalui Akta Syarikat yang ada ini terhadap mereka yang menubuhkan syarikat berpuluh-puluh bagi dirinya atau bagi kelompoknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya ini boleh menyebabkan beberapa kecurangan atau di dalam bahasa yang agak kasar kalau kita gunakan boleh menyebabkan beberapa penipuan dan penyelewengan seperti di dalam melarikan cukai atau membuat tuntutan-tuntutan berkali-kali sedangkan operasinya dijalankan oleh satu tenaga tetapi tuntutannya dibuat beberapa kali dan kemungkinan melarikan cukai yang sepatutnya masuk ke dalam kantung negara, maka Kerajaan rugi di dalam hal ini.

Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, dengan banyaknya tertubuh syarikat-syarikat ini Kerajaan akan mendapat bayaran pendaftaran atau bayaran stamp. Jadi, dengan pindaan ini membolehkan maklumat diberi kepada Pendaftar Syarikat supaya dapat diawasi setiap gerakan syarikat, supaya tidak dapat ia melarikan diri daripada melakukan penyelewengan ataupun melarikan cukai dan sebagainya. Ini daripada syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita yang dimiliki oleh warganegara ataupun rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan syarikat-syarikat luar negeri yang bergerak di dalam negara kita ini dikehendaki mendaftar kepada Pendaftar Syarikat supaya dengan pendaftaran kepada Pendaftar Syarikat itu gerakan syarikat luar negeri itu dapat diawasi dan tidaklah ianya bergerak bebas mengaut keuntungan sewenang-wenangnya. Dengan adanya syarikat-syarikat luar negeri mendaftarkan kepada Pendaftar Syarikat dalam negara kita, saya mengucapkan banyak terima kasih di atas kesedaran Kementerian dan kesedaran Kerajaan dalam masalah ini, kerana dengan ini Kerajaan akan mendapat keuntungan yang didapati oleh syarikat-syarikat luar negeri yang beroperasi dalam negara kita ini dan Kerajaan akan dapat mengesan berapa banyak cukai yang semestinya diterima oleh Kerajaan. Dan setiap keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat luar negeri yang berdaftar yang beroperasi dalam negara kita ini setiap sen daripada keuntungan itu tidak akan terus dibawa pulang oleh pemodal atau tuannya syarikat itu sebaliknya dilaburkan semula ke dalam pelaburan negara kita untuk menambahkan modal pelaburan dan modal pembangunan negara kita yang memerlukan banyak belanja di dalam meneruskan rancangan-rancangan pembangunan sama ada di dalam bidang awam ataupun sektor swasta.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan yang terlalu banyak disebutkan di dalam pembentangan pindaan Akta syarikat 1965 ini, saya tidak dapat hendak menyebutkan satu persatu pindaan ini, kerana terlalu teknikal buat saya, maka saya menyarankan supaya pihak Kerajaan dapat mengawasi syarikat-syarikat luar negeri ini terutama misalannya syarikat ini dijadikan bahan perbualan di mana-mana, benarkah bahawa syarikat-syarikat luar negeri yang beroperasi dalam negara kita seperti

syarikat-syarikat yang dibawa daripada Jepun dan Korea orang ramai mengatakan bahawa tuannya-tuannya syarikat ini mengutamakan barang-barang yang dibawa daripada negerinya, bukan barang-barang yang besar sangat, bukan barang-barang yang memerlukan biaya yang banyak sehinggakan barang-barang kecil termasuk kepada makan minum mereka pun mereka bawa daripada negerinya untuk keperluan. Jadi, di dalam Kerajaan baru sahaja menjalankan kempen menggunakan barang-barang tempatan ataupun barang-barang Malaysia ini juga nanti akan merugikan kita kerana dengan sendirinya wang yang kita bayar kepada syarikat-syarikat itu digunakan tidak di dalam negeri ini sebaliknya mereka menggunakan untuk keuntungan dan faedah mereka.

Di dalam bidang perniagaan kita tidak dapat hendak mengelakkan ini semua kerana setiap orang yang berniaga mahu mencari keuntungan apa lagi mereka yang sanggup menubuhkan syarikat-syarikat perniagaan yang besar-besar dengan modal yang besar-besar tentulah tujuan supaya keuntungan itu akan dibawa balik ke negeri mereka tetapi apakah ini mempunyai erti membawa kepada pertumbuhan ekonomi dan pelaburan di dalam negara kita terutama dalam segi syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan Pindaan Akta Syarikat ini kita juga perlu meneliti daripada jumlah 136,000 syarikat yang didaftarkan kepada Pendaftar Syarikat ini, kajian sepatutnya dibuat di dalam Kerajaan kita melancar dan meneruskan program Dasar Ekonomi Baru kita tidak dapat hendak mengelakkan diri daripada apa yang disebutkan sebagai Alibaba yang mana ada syarikat-syarikat yang sama ada dimodali oleh Bumiputera 51, dan bukan Bumiputera 49 tetapi yang sebenarnya syarikat tidak merupakan syarikat yang merupakan 51:49.

Apakah dengan adanya Akta Syarikat (Pindaan) ini dapat menentukan bahawa benar-benar syarikat ini berjalan di atas fungsi seperti yang dikehendaki berjalan bertanggungjawab sepertimana yang dikehendaki untuk menyahut seruan Kerajaan sedangkan Kerajaan memberikan kemudahan-kemudahan pinjaman melalui CGC dan bank-bank perniagaan juga diarahkan supaya memberikan pinjaman-pinjaman tetapi apabila keadaan hanya semata-mata menjadi sebagai, dengan izin, "sleeping partner" ini adalah memperlihatkan kepada kita bahawa perkembangan syarikat ini hanya sebagai tope.ng semata-mata. Jadi adakah pihak Kerajaan akan membiarkan keadaan yang seperti ini terus berjalan, terus digunakan oleh mereka yang menubuhkan berpuluh-puluh syarikat dengan mempergunakan satu, dua nama daripada Bumiputera atau daripada orang Melayu sedangkan Bumiputera atau orang Melayu yang mempunyai nama dalam syarikat itu hanya menerima habuan sebagai gaji setiap bulan semata-mata. Kita tidak mempunyai satu perasaan cemburu kerana kemungkinan besar "sleeping partner" itu adalah daripada warganegara Malaysia juga tetapi di dalam hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita, ini tentulah menunjukkan satu percanggahan kepada matlamat Kerajaan.

Jadi untuk mencapai kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru, semoga Kerajaan dapat mencari satu daya usaha, dapat mencari jalan supaya slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" ini juga sampai kepada golongan ini. Selama ini slogan "Bersih, Cekap, Amanah" kita tujukan kepada golongan terutama sekali kakitangan Kerajaan di dalam perkhidmatan awam semata-mata supaya Bersih, supaya Cekap, supaya Amanah dan kita slogankan kepada pemimpin-pemimpin politik supaya

Bersih, supaya Cekap dan supaya Amanah tetapi di dalam bidang syarikat ini saya nampak bahawa slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" ini lain maknanya. Bersih di dalam mengaut keuntungan semuanya, Cekap di dalam mengabui mata masyarakat dan Amanah tidak akan memecahkan rahsia apa yang dibuat itu supaya orang lain tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian kesedaran dan keinsafan yang dapat menghapuskan sikap-sikap yang seperti ini. D daripada sejak Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama dipimpin oleh bekas Menteri Pertanian yang dikenal dengan nama Tuan Haji Abdul Aziz bin Ishak atau Encik Aziz Ishak telah mengadakan lawatan-lawatan dan rombongan sehinggalah sekarang lawatan-lawatan dan rombongan-rombongan terus diadakan, kursus-kursus terus diadakan, Maktab Kerjasama kita juga masih berdiri dengan tegak. Peranan ini mengadakan lawatan sambil belajar melibatkan syarikat atau koperasi luar negeri yang maju, syarikat-syarikat yang besar yang berjaya supaya ditunjukkan itu dapat dibawa balik untuk dijadikan contoh dan teladan kepada rakyat kita yang telah mulai menerima konsep bersyarikat ini tadi memperlihatkan kepada kita bahawa lawatan-lawatan yang memakan belanja yang begitu banyak dijalankan selalu dan seminar juga kursus yang selalu dijalankan tidak jemu-jemu oleh Kerajaan.

Saya menyanjung tinggi usaha ini tetapi apa yang saya lihat dan apa yang saya nampak bahawa keluh-kesah di kalangan orang-orang yang mencebur diri dalam syarikat-syarikat perniagaan, ini terutama syarikat-syarikat perniagaan pemborongan daripada kalangan Bumiputera semata-mata mengharapkan kerja ataupun pekerjaan yang dapat diberikan oleh Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan melalui kerja-

kerja pembinaan, kerja-kerja pemborongan.

Apa yang jadi masalah ialah syarikat-syarikat Bumiputera sepe-nuhnya dan syarikat-syarikat Bumi-putera yang 51:49 itu mengalami masalah tekanan-tekanan yang kadang-kadang seolah-olah tekanan-tekanan ini seperti memang dirancang oleh mereka-mereka yang ingin mengambil peluang menanggung keuntungan di dalam lapangan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini anak-anak muda kita, anak-anak muda bumiputera ada yang sanggup melepaskan jawatan daripada Kerajaan kerana ingin menceburkan diri di dalam bidang perniagaan dan Kerajaan kita sendiri mengadakan satu jenis kursus latihan untuk kakitangan Kerajaan yang sedia menceburkan diri di dalam bidang perniagaan dan diberikan latihan khusus. Tetapi apabila, anak-anak muda kita yang punya semangat waja, yang punya perasaan berani meninggalkan jawatan dan menceburkan diri di dalam bidang perniagaan mereka berdepan dengan masalah-masalah ini, sama ada masalah-masalah ini masalah yang memang belum pernah dihadapi atau masalah-masalah yang telah berpanjangan tetapi inilah masalahnya yang ada di kalangan anak-anak muda kita yang mengambil bahagian di dalam bidang perniagaan melalui syarikat-syarikat ini. Kadang-kadang belum beberapa bulan dan belum pernah merasa keuntungan yang besar, terpaksa syarikat itu dibawa ke mahkamah, terpaksa syarikat itu gulung tikar kerana menghadapi kerugian yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang merebut kekayaan negara, di dalam bidang perniagaan ini orang berniaga atau orang bersyarikat, orang berani melaburkan wangnya sama seperti nelayan yang pergi ke laut atau

nelayan pergi ke sungai. Kalau dia menjumpai satu lubuk ikan dia tidak akan memberi tahu kepada taulan atau kawannya bahawa di situ ada lubuk ikan. Kalau dia balik membawa ikan yang banyak, kawannya pula bertanya di tempat mana yang banyak ikan, dia kata bukan tempat itu, tempat itu banyak ular. Tujuannya kerana dia akan terus menangguk ikan di situ dan akan terus menangguk ikan di lubuk yang dia tahu dan dia tidak akan memberi tahu kepada kawannya di situ banyak ikan supaya kawan itu pergi ke tempat lain, tempat yang tidak ada ikan. Begitulah dalam bidang syarikat ini, Tuan Yang di-Pertua. Banyak peluang-peluang yang sepatutnya dapat diceburi sama oleh anak bumiputera dalam bidang syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya saya katakan dalam bidang syarikat insuran, ini adalah satu peluang yang amat baik terutama kalau dapat menjadi wakil bertulis kepada satu-satu syarikat insuran. Jadi saya sebutkan perkara ini kerana kita telah pun meluluskan di dalam Dewan ini apa yang dikatakan takaful. Jadi takaful ini tidak sama dengan syarikat-syarikat insuran yang ada tetapi namun demikian takaful ini juga nanti akan menerima keuntungan dari pelaburannya. Jadi di dalam mengambil bahagian di bidang perniagaan melalui syarikat ini supaya takaful ini apabila dilancarkan nanti akan dapat memberi peluang kepada anak-anak muda kaum bumiputera, khasnya menjadi ejen-ejen bertulis, wakil-wakil bertaualiah di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita mengajak rakyat memajukan syarikat, syarikat besar dan syahkat kecil di kampung-kampung yang selama ini kita kenali dengan syarikat kerjasama. Namun syarikat kerjasama itu adalah hidup segan mati tak mahu, syarikat pinjam meminjam sahaja. Syarikat-syarikat kecil yang modalnya pun

kecil, sepuluh duapuluh tahun syarikat itu ditubuhkan, kalau modalnya \$50 ribu, duapuluh tahun akan datang pun modalnya \$50 ribu juga. Mungkin modalnya pula akan susut untuk membayar elaun-elaun kepada orang-orang yang dipertanggungjawabkan dalam menjalankan operasinya.

Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat Menteri Pertanian apabila kita cuba akan memberikan peluang-peluang kepada beberapa agensi di dalam kementerian di dalam pembukaan tanah-tanah baru untuk memperbanyakkan lagi sawah-sawah padi. Jadi daripada rancangan pengswastaaan ini kalau dapat ditunjukkan, Kerajaan memimpin, Kerajaan tidak boleh lari daripada memimpin rakyat dan memimpin golongan muda supaya ditunjukkan kepada anak-anak muda kita yang mahu menceburkan diri di dalam bidang, bersyarikat, bidang syarikat yang ada tujuannya di dalam pertanian secara besar-besaran.

Kita masih kurang beras, kita masih kurang daging, kita masih kurang susu, kita masih kurang biji-bijian, tetapi apa yang kita tengok sekarang ini kalau ada syarikat yang dianjurkan kepada belia di kampung-kampung berternak ayam telur, berternak ayam satu reban 50-60 ekor, enam bulan kemudian 60 ekor itu yang bertelur hanya 20 ekor, 40 ekor tak bertelur langsung. Tiga bulan kemudian dengan ayam, dengan reban-rebannya sekali ghaib. Maka kita pun membual kecaman, kerana tidak ada semangat, semangat panas-panas tahi ayam. Tetapi apabila kita pergi ke sekitar Lapangan terbang Subang, di Kampung Melayu Subang, kawasan itu juga, tanah itu tanah haram lagi; tetapi mengapa syarikat-syarikat yang sama ada berdaftar atau tidak, mereka dapat membekalkan tekir barangkali hampir ke sebahagian besar keperluan Kuala Lumpur. Bagaimana satu syarikat menternak ayam yang boleh bermodal-dengan berjuta-juta ringgit

boleh mengeluarkan telur ayam satu hari sampai 60,000 biji? Sama ada syarikat itu berdaftar atau tidak saya tidak tahu, tetapi saya tahu di papan kenyataan bertulis "syarikat". Jadi mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah menanamkan kepada rakyat kita yang berbilang kaum ini supaya dapat memahami. Jadi kepada mereka yang telah maju di dalam bidang bersyarikat itu dan mendapat keuntungan yang banyak supaya dapat mengajak, dapat memanggil bahawa syarikat-syarikat seperti ini hendaklah mengambil anak-anak bumiputera yang mahu sama-sama menerjunkan diri di dalam bidang ini untuk turut sama supaya dapat pengalaman dan keuntungannya akan sama dapat dirasakan.

Dulu kita pernah membubarkan Majuternak sedangkan negara kita memerlukan bekalan daging yang masih banyak dan sekarang ini dengan usaha MARDI pula, MARDI telah dapat mencantumkan baka di antara lembu dengan seladang dinamakan Selembu. Jadi kalau dalam syarikat ini, Kerajaan cuba menentukan satu-satu syarikat yang boleh diberi bimbingan, diberi bantuan dan diberikan modal untuk melaksanakan, membuat satu syarikat Selembu itu secara besar-besaran di hutan Pahang atau di hutan negeri Johor atau di Sabah dan Sarawak yang masih banyak lagi hutan-hutan yang menghijau untuk menampung keperluan negara kita. Daripada jumlah wang yang berbillion ringgit kita hantar ke luar untuk membeli barang-barang keperluan makanan negara kita. Ini kita baru mempunyai 14 juta rakyat kita memerlukan \$3 billion, apa kata kalau rakyat meningkat kepada tiga kali ganda, maknanya kita akan memerlukan \$10 billion pula untuk mengimport barang keperluan makanan rakyat.

Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya lari daripada

maksud pindaan Akta Syarikat, 1965, saya sedar saya lari, tetapi kerana di dalam pindaan ini berlaku teknikal, jadi saya tidak dapat hendak menyebut satu persatu, terutama sekali dalam akta ini bahasa Inggeris, seperti mana kata Ahli Yang Berhormat yang baru bercakap sebentar tadi banyak di antara rakyat kita yang tak tahu bahasa Inggeris, apa lagi bahasa Inggeris secara undang-undang termasuklah saya sendiri, saya hanya tahu bahasa Melayu, Bahasa Malaysia.

Namun demikian, daripada, cebisan apa yang saya lihat daripada pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri hari semalam Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari bahawa tujuan pindaan Akta Syarikat 1965 ini semata-mata untuk memperkemas dan untuk memperbaiki lagi supaya tidak berlaku penyelewengan-penyelewengan. Penyelewengan ini bukanlah semata-mata penyelewengan melarikan cukai setem dan sebagainya tetapi penyelewengan yang besar, penyelewengan daripada falsafah pembangunan negara. Penyelewengan falsafah pembangunan negara kita ini supaya kekayaan negara kita ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Jadi, kita tahu mengapa sehingga begini banyak jumlah syarikat yang berdaftar 136,000. Mungkin satu masa nanti jumlah ini akan berganda banyaknya. Kerana dengan adanya usaha-usaha bersyarikat ini mendapat keuntungan yang baik, mendapat keuntungan yang lumayan.

Tetapi kalau keuntungan yang lumayan ini tidak dibahagi sama dan tidak diagih sama, maka falsafah pembangunan negara untuk memberikan peluang-peluang kepada mereka yang tidak berpeluang kerana kelemahannya atau kerana kedaifan pengalamannya di dalam bidang bersyarikat ini akan menjadi satu masalah kepada kita dan masalah ini akan berlanjutan selagi hal yang

seperti ini ada tersimpan di dalam kalbu setiap kita, setiap rakyat, setiap orang yang mahu merasakan nikmat kekayaan negara ini dapat diagih bersama. Jadi, kalau tidak masakan sewaktu pembentangan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut untuk mengelakkan supaya "dek nila setitik, rosak susu sebelanga". Jadi, ini ada makna yang tersirat di dalam. Jadi, makna yang tersirat daripada "dek nila setitik, rosak susu sebelanga" ini kerana adanya perasaan tamak satu orang, kerana adanya perasaan tamak satu golongan, kerana adanya perasaan ahlak satu orang, satu golongan maka rosak syarikat. Maka falsafah bersyarikat ini juga nanti akan dilanggar dan tujuan bersyarikat ini akan jadi satu masalah orang membuat pengkhianatan secara halus, pengkhianatan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar akan akibat daripada pengkhianatan yang dibuat oleh nila setitik tadi, maka rosak susu sebelanga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuh-penuhnya pindaan Akta Syarikat 1965 ini untuk diluluskan di dalam beberapa cerai-ceraian dan bahagian-bahagian yang mana saya rasa Kerajaan sendiri dan pihak Menteri yang berkenaan memahami akan maksud dan tujuannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan terima kasih.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak dan jutaan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan dengan panjang lebar dan mendalam seluruh aspek Rang Undang-undang yang sedang pun kita

bahaskan, iaitu Rang Undang-undang untuk meminda suatu Akta Syarikat 1965.

Beberapa perkara penting telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Dan saya suka hendak mengambil bahagian di peringkat ini untuk menerangkan beberapa perkara yang telah pun disentuh itu untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Waktu semalam Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Ghe Wan telah pun mengemukakan pandangan dan cadangan iaitu pertamanya mengenai penggunaan sistem komputer di pejabat Pendaftar Syarikat bagi mengelakkan kesilapan meluluskan nama syarikat. Saya suka memaklumkan bahawa kita memang menyedari terdapat sedikit-sebanyak kesilapan-kesilapan dalam memproses permohonan nama syarikat seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memang ada berlaku di Pejabat Pendaftar Syarikat, tetapi peratusnya adalah amat kecil. Kesilapan-kesilapan tersebut berlaku disebabkan bilangan permohonan yang telah pun berlipatganda sukar untuk diuruskan dengan proses secara manual. Dengan sebab itu, Kementerian saya telah pun bersetuju untuk membeli dan memasang komputer "Main Frame" di Pejabat Pendaftar Syarikat. Sistem bagi Pejabat Pendaftar Syarikat sedang dalam peringkat peralihan dan saya percaya apabila sistem ini digunakan dengan sepenuhnya, segala apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat kita elakkan.

Berhubung dengan keraguan Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan di atas kemungkinan bahawa undang-undang yang diperketatkan lagi, ini akan menjadi penghalang kepada pelabur-pelabur, saya suka memberi

keyakinan bahawa bersabit dengan keraguan pelabur-pelabur akan lemah semangat disebabkan undang-undang yang diketatkan, saya percaya ini tidak akan berlaku. Bahkan undang-undang syarikat yang diperketatkan akan menjadi satu kawalan dan pengawasan terhadap mereka yang curang dan tidak bertanggungjawab. Bahkan pelabur-pelabur yang jujur sememangnya memerlukan dan akan mengalu-alukan segala tindakan yang dibuat oleh Kerajaan untuk memperuntukkan bahagian-bahagian dalam undang-undang yang boleh menjaga faedah dan kepentingan mereka itu.

Mengenai harapan Ahli Yang Berhormat itu supaya pindaan-pindaan yang tersebut akan menggalakkan penyertaan di pasaran saham dan pasaran komoditi, saya suka menyatakan bahawa suasana pasaran saham dan pasaran komoditi adalah dipengaruhi oleh berbagai faktor dan di antaranya ekonomi dunia, ekonomi negara kita sendiri, keteguhan Kerajaan dan tahap kepercayaan umum ke atas pengurusan syarikat. Sukacita saya nyatakan bahawa taraf keyakinan pelabur-pelabur kita adalah sangat menggalakkan. Dan ini terbukti dari kelebihan terlampau dalam permohonan yang berulang kali ataupun, dengan izin, "repeated massive over-subscription", untuk saham-saham yang ditawarkan kepada orang ramai oleh syarikat dalam masa dua tahun yang lalu. Saya yakin dan percaya bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan menguatkan dan memperkukuhkan lagi kepercayaan bukan sahaja pelabur-pelabur tempatan, bahkan pelabur asing juga.

Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan telah pun juga menyentuh tentang seksyen 37 mengenai kelonggaran yang diberikan kepada syarikat yang tidak memerlukan mengeluarkan prospectus

bagi menawarkan saham kepada pekerja-pekerja. Kelonggaran peruntukan seksyen 37 ini bukan hanya bagi menggalakkan pekerja-pekerja mengambil saham dalam syarikat-syarikat tetapi ialah memberikan kelonggaran kepada syarikat yang bertujuan untuk mempelawa pekerja-pekerjanya melabur di dalam saham yang dimiliki oleh syarikat ataupun equiti syarikat. Dan ini adalah dibuat dan kelonggaran ini diberi oleh sebab kita berpendapat bahawa pekerja-pekerja dalam syarikat itu mengetahui akan kedudukan syarikat dan dengan sebab itu ingin menyertai dalam equiti yang ditawarkan sama dalam syarikat itu.

Seksyen ini juga memperuntukkan supaya pihak syarikat-syarikat mengemukakan cadangan penawaran saham ini kepada pekerja-pekerja skim yang dicadangkan dan bagaimanakah caranya atau tawaran-tawaran itu dibuat dan sudah seharusnya pihak Pendaftar Syarikat akan memberikan pandangan-pandangan yang difikirkan wajar supaya pihak pekerja-pekerja akan dapat mengambil bahagian secara efektif dari segi pemilikan saham atau ekuiti yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang tersebut.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan yang telah pun mengemukakan cadangan supaya syarikat-syarikat berkenaan mengadakan satu skim insentif ataupun galakan dengan berbagai bentuk untuk membolehkan pihak pekerja-pekerja memiliki saham di dalam syarikat-syarikat yang berkenaan. Kerajaan percaya bahawa sekiranya kaum pekerja diberikan kemudahan itu dan diberikan galakan tertentu dalam segi pemilikan saham maka faedah yang lebih menyeluruh bukan sahaja akan dapat dinikmati oleh pemilik-pemilik syarikat yang

sudah sedia ada bahkan juga oleh pekerja-pekerja yang ditawarkan saham tersebut dan dengan cara ini semangat bagi pekerja-pekerja akan dapat ditingkatkan dan akhirnya daya pengeluaran serta keuntungan syarikat akan dapat dilipatgandakan. Oleh sebab itu kita percaya dengan kelonggaran yang diberikan oleh pihak Kerajaan menerusi Akta Syarikat yang dipinda di bawah Seksyen 37 ini maka lebih banyak lagi syarikat-syarikat akan tampil ke depan untuk mengemukakan skim-skim galakan dari segi tawaran ekuiti untuk dapat disertai bersama oleh pihak pekerja-pekerja mereka.

Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan juga dan juga Yang Berhormat Senator Abdul Hamid bin Ibrahim telah pun mempersoalkan takrif 5% sebagai satu pegangan yang substantial yang ditentukan di bawah Akta ini dan apakah kriteria dan kenapa maka 5% itu dianggap sebagai satu peratusan substantial. Pegangan saham substantial, Tuan Yang di-Pertua, ditafsirkan pada 5% adalah setelah diambil kira praktis ataupun langkah-langkah yang dihadapi ataupun biasa dilakukan di negara-negara yang lebih maju seperti di Australia, di United Kingdom dan di Singapura. Jawatankuasa yang mengkaji pindaan kepada Akta Syarikat ini telah pun menimbangkan beberapa peratusan-peratusan dan mendapati bahawa dalam suasana pasaran saham di negara ini 5% adalah dianggap sebagai peratusan yang munasabah di dalam keadaan biasa di mana dengan keadaan 5% ini akan dapat mempengaruhi ataupun menguasai kedudukan mekanisme pasaran saham. Oleh sebab itu kita telah pun menimbang di dalam Akta ini dan memperuntukkan 5% sebagai satu peratusan yang substantial sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan juga telah pun menyentuh tentang mengapa bank m sti mendedahkan pemegangan saham dan apakah ini tidak bercanggah dengan Akta Bank yang sedia ada. Saya ingin memaklumkan bahawa pindaan ini telah pun dibuat selepas perbincangan dan persetujuan dicapai di antara pihak egeni dan Kementerian yang berkenaan berdasarkan undang-undang yang sedia ada ataupun Akta Bank 1973 dan termasuk juga kuatkuasaan Bank Negara, Pengecualian adalah diuntukkan selama bank-bank berkenaan hanya memegang saham ini sebagai sekuriti ataupun gadaian terhadap pinjaman yang diberi dan pengecualian adalah jelas tersirat oleh kerana pemegangan saham sebagai sekuriti ataupun gadaian terhadap pinjaman bukan dianggap sebagai mempunyai kepentingan dalam sesuatu saham menurut definisi di seksyen 6A dan 9B. Walau bagaimanapun, bank-bank berkenaan adalah dianggap mempunyai kepentingan dalam sesuatu saham apabila ia merampas saham-saham yang digadaikan atas itu sebab peminjam gagal dalam pembayaran balik pinjaman yang diperolehi dalam tempoh masa yang diuntukkan. Jelaslah bahawa peruntukan yang menghendaki supaya bank-bank mendedahkan pemegangan saham ini adalah berdasarkan kepada kehendak-kehendak sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdul Hamid bin Ibrahim juga telah pun menyentuh bersama-sama dengan Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom tadi berhubung dengan kenapa Akta ini ditulis di dalam bahasa Inggeris. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas teguran ini dan saya percaya ini adalah teguran yang amat membina sekali. Tetapi saya ingin menjelaskan

bahawa Akta Syarikat 1965 sebagaimana yang disebutkan telah pun digubal dalam tahun 1965 dan telah pun diperkuatkuasakan pada 15hb April, 1966 dan Akta ini digubal sebelum adanya Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan Akta ini memperuntukkan undang-undang yang dibuat selepas 1967 mestilah dibuat di dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sebagaimana yang kita lihat bahawa mengikut catatan naskah sah Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan ini ialah bahasa Inggeris tetapi terjemahannya ada dibuat di dalam Bahasa Kebangsaan. Namun begitu saya mengambil perhatian berat di atas teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan kita akan mengambil langkah pada masa hadapan untuk memastikan bahawa undang-undang yang termaktub di bawah Akta Syarikat ini dapat dialihbahasakan kepada Bahasa Malaysia.

Yang Berhormat Senator Abdul Hamid bin Ibrahim juga telah pun bertanya mengapa tidak dijadikan mandatory ataupun wajib kepada pihak pengarah-pengarah untuk mendedahkan tempat lahir mereka dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, walaupun keperluan mengenai tempat lahir dan kewarganegaraan tidak dinyatakan secara spesifik dalam pindaan kepada seksyen 141 ini tetapi adalah menjadi tujuan Kementerian saya untuk meminta supaya semua maklumat yang diperlukan oleh pihak Pendaftar Syarikat diberikan oleh pihak pengarah yang berkenaan untuk memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru. Butir-butir yang perlu boleh ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang akan disediakan berasingan kelak, bermakna bahawa sebagaimana yang dicadangkan tadi kita boleh mengambil langkah-langkah yang sewajar apabila difikirkan perlu perincian dan latar belakang seseorang

pengarah itu mengikut kuat-kuasa undang-undang di bawah seksyen 141 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom juga telah pun menyentuh beberapa aspek daripada Rang Undang-undang ini walaupun di penghujung perbahasan tadi Yang Berhormat menyatakan mungkin dia tidak menyentuh ini kerana ia terlalu teknikal dan banyak menyentuh soal-soal dasar. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau, pertamanya mengenai bagaimana caranya, dapat mengawal begitu banyak syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan bagaimana kedudukan syarikat-syarikat yang disebutkan sebagai Syarikat Ali-Baba dan apakah Kerajaan boleh membiarkan perkara itu berlaku.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Pendaftar Syarikat memang ada membuat kajian berapa banyaknya syarikat bumiputera dan pemegang saham bumiputera yang ada dalam 136,000 buah syarikat-syarikat yang telah pun ditubuhkan, cuma statistik ini kita tidak hebahkan kepada masyarakat umum. Tetapi Akta Syarikat ini tidak memperuntukkan bahawa apakah itu syarikat bumiputera dan yang bukan bumiputera. Ini adalah perkara dasar dan bukan ada kaitan dengan undang-undang. Namun begitu, kita mengambil perhatian serius apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi terdapat syarikat-syarikat yang disebutkan sebagai syarikat bumiputera yang menggunakan nama bumiputera tetapi tidak sebenarnya dimiliki oleh bumiputera.

Mungkin orang-orang bumiputera itu dilantik untuk memegang saham-saham syarikat itu sebagai nomineees dan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang ini, kalau difikirkan wajar dan ada sebab-sebab yang munasabah, maka pihak

Pendaftar Syarikat boleh meminta supaya Pengarah-pengarah Syarikat itu membuka tirai menjelaskan siapa sebenarnya kedudukan pemilik-pemilik saham yang memiliki syarikat-syarikat yang berkenaan. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Pendaftar Syarikat untuk memastikan supaya apa yang disebutkan oleh Pengarah-pengarah itu sebenarnya adalah kenyataan.

Tetapi sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya bersetuju benar bahawa sudah sampai masanya sekarang ini pihak bumiputera tidak lagi seharusnya menjadi "sleeping partner" ataupun rakan tidur dan tidak mengambil tindakan-tindakan yang positif secara berkesan menjadi Pengarah-pengarah dalam syarikat-syarikat di mana mereka berada. Sikap ini tidak akan mungkin dapat diubah oleh usaha Kerajaan semata-mata dengan adanya peruntukan undang-undang, kerana saya percaya selagi masyarakat bumiputera sendiri tidak menginsafi dan menyedari akan hakikat ini dan mungkin suka dan masih mahu ditunggangi oleh mereka yang lain daripada kalangan bukan bumiputera, menggunakan nama-nama bumiputera, maka selagi itulah syarikat yang disebutkan "Syarikat Ali-Baba" ini akan terus wujud di dalam kalangan masyarakat di Malaysia ini dan oleh sebab itu kita percaya syarikat bumiputera perlu bersikap lebih positif untuk memastikan supaya mereka melibatkan diri secara berkesan dan tidak hanya sebagai "sleeping partner", lebih-lebih lagi tidak digunakan oleh pihak-pihak yang lain untuk mencapai matlamat-matlamat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom juga telah menyentuh tentang syarikat kerjasama tetapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa

pada hari ini kita tidak membincangkan mengenai Akta atau peruntukan Syarikat Kerjasama sebab ianya tidak pun didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat dan bukan di bawah kawalan Akta Syarikat, 1965 ini. Syarikat Kerjasama sebagaimana yang diketahui adalah dikawal ataupun ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Kerjasama dan adalah di luar daripada bidangkuasa Pendaftar Syarikat dan di luar daripada bidangkuasa Kementerian saya sendiri. Saya percaya pihak agensi dan Kementerian yang berkenaan dan pihak-pihak yang telah pun diberi kuasa pasti menyedari akan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu untuk memastikan bahawa perkembangan sektor Syarikat Kerjasama ini dapat berjalan dengan baik mengikut aturan peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

Yang Berhormat juga telah menyentuh dan menyatakan kebimbangan bahawa terlalu banyak syarikat diwujudkan, kemungkinan berlakunya penyelewengan, pelarian cukai, tindakan-tindakan yang bercanggah dengan kehendak negara. Pihak kita memang menyedari akan hakikat ini dan peruntukan undang-undang dengan mengenakan penalti yang lebih tinggi ini sudah seharusnya menyedarkan pihak-pihak yang berkenaan untuk tidak melakukan perkara-perkara yang dianggap bercanggah dengan undang-undang dan peraturan yang sudah sedia ada.

Di bawah peraturan Jabatan Hasil Dalam Negeri dan juga di bawah peruntukan undang-undang Akta Syarikat yang sedia ada ini, semua syarikat-syarikat dan Pengarah-pengarah Syarikat dikehendaki untuk mengemukakan laporan-laporan tahunan dan laporan tahunan kewangan mereka kepada pihak Pendaftar Syarikat dan juga kepada pihak Pemungut Hasil Dalam Negeri dan dengan cara ini pihak Kerajaan

menerusi kedua-dua badan itu akan dapat mengawasi sama ada akaun yang dikemukakan itu adalah akaun yang betul dan sekiranya kita meragukan apa yang dilaporkan oleh pihak syarikat-syarikat yang berkenaan, ada diperuntukkan di dalam undang-undang Akta Syarikat dan undang-undang Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk pihak-pihak yang berkenaan mengemukakan maklumat-maklumat yang betul untuk mengelakkan daripada penyelewengan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perhatian dan jawapan yang telah pun dapat saya sampaikan berhubung dengan perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi. Sekiranya ada perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh, maka saya percaya kita akan mengambil tindakan dan perhatian di atas perkara itu. Dan segala apa pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan, insya Allah akan diberikan perhatian dan sekiranya wajar, akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Sekali lagi saya mengucapkan *berbanyak-banyak* terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 73 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta berhubung dengan perikanan, termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara, di perairan perikanan Malaysia, dengan penyu dan penangkapan ikan di sungai dalam Malaysia dan dengan perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang Perikanan, 1984 adalah jelas sekali iaitu mengadakan satu Undang-undang Perikanan yang lengkap dan kemaskini. Undang-undang yang berkuatkuasa sekarang, Akta Perikanan, 1963 tidak lagi sesuai dengan aliran zaman kerana ia tidak termaktub beberapa tajuk yang baru-baru ini menjadi mustahak terutama sekali Zon Ekonomi Eksklusif, akuakultura perikanan darat, taman laut dan rizab laut.

Zon Ekonomi Eksklusif

Oleh sebab keadaan-keadaan tentang jarak kawasan perairan di negara-negara seluruh dunia menghadapi masalah pada tahun-tahun lima puluhan hingga ke awal tujuh puluhan, pihak Bangsa-bangsa Bersatu telah mengadakan beberapa konvensyen mengenai Undang-undang Laut yang dinamakan United Nations Conference on the Law of the Sea (UNCLAS).

Konvensyen yang pertama telah diadakan pada tahun 1958 untuk membincangkan perkara-perkara tentang laut wilayah, laut bebas (high seas), continental shelves, perikanan dan pemuliharaan sumber-sumber hidupan di dalam laut. Konvensyen kedua telah diadakan pada tahun 1960 untuk membincangkan had mengenai perairan wilayah (territorial waters) dan hak-hak perikanan.

Kedua-dua konvensyen tersebut telah gagal mencapai apa-apa persetujuan yang menyeluruh. Pihak Bangsa-bangsa Bersatu telah mengadakan konvensyen yang ketiga yang bernula pada tahun 1973 untuk mencapai consensus yang menyeluruh berkaitan dengan hal ehwal laut. Pada bulan Disember 1982 upacara menandatangani konvensyen tersebut telah diadakan di Caracas, Venezuela. Negara Malaysia beserta 130 negara lain telah menandatangani perjanjian tersebut termasuk peruntukan-peruntukan mengenai Zon Ekonomi Eksklusif. Perjanjian ini berkuatkuasa dalam masa setahun selepas sekurang-kurangnya 60 buah negara mengesahkan perjanjian tersebut.

Perkara yang paling penting yang dipersetujui dalam konvensyen UNCLAS adalah tentang perluasan perairan sehingga 200 batu nautika dari garis dasar dari mana perairan wilayah diukur. UNCLAS juga memberi peruntukan supaya negara-negara pantai seperti Malaysia

dibenarkan mengkaji, meneroka dan mengurus semua sumber-sumber hidupan di dalam perairan perikanan.

Walau bagaimanapun negara pantai diwajibkan mengurus sumber-sumber mereka dengan cara yang wajar dan saintifik dan perlu meneroka sumber-sumber ini ke tahap optima tanpa menjejaskan sumber-sumber tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menuntut Zon Ekonomi Eksklusif dengan cara pengisytiharan pada 25hb April, 1980 dan seterusnya mengumumkan hak kedaulatan serta bidang kuasa Malaysia ke atas sumber-sumber laut di dalam Zon tersebut. Dengan perluasan kawasan perairan perikanan Malaysia serta tanggungjawab yang diwajibkan di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah didapati bahawa Akta Perikanan 1963 tidak lagi sesuai.

Akta Perikanan 1963 telah dikuatkuasakan selama 22 tahun dan digubal pada mulanya untuk menguruskan hal ehwal perikanan dalam kawasan perairan wilayah Malaysia dan tertumpu khususnya kepada bot-bot nelayan tempatan.

Tatkala Undang-undang ini digubal, tidak terdapat banyak pencerobohan dari bot-bot asing. Tahap eksploitasi oleh bot-bot tempatan pada masa itu adalah di peringkat awal dan jauh kurang dari tahap optima. Justeru itu, adalah perlu diwujudkan satu Rang Undang-undang Perikanan baru untuk pemuliharaan, pengurusan, penyelidikan dan eksploitasi sumber-sumber hidup dan menguatkuasakan tuntutan hak-hak kedaulatan Malaysia di perairan perikanan Malaysia.

Di samping itu, tindakan juga perlu diambil untuk memperkemas memperkukuh dan menyeragamkan Undang-undang Perikanan yang berkuatkuasa sekarang supaya

pengurusan hal-hal perikanan dapat dijalankan dengan lebih licin dan berkesan lagi.

Oleh yang demikian, Rang Undang-undang Perikanan 1984 digubal untuk memperluaskan kuasa Malaysia mentadbir dan mengurus sumber perikanan meliputi perairan perikanan Malaysia iaitu perairan dalaman (inland waters), perairan wilayah (territorial waters) dan perairan Zon Ekonomi Eksklusif (Exclusive Economic Zone).

Oleh sebab itu adalah penting bahawa Rang Undang-undang Perikanan 1984 dikuatkuasakan dengan secepat mungkin supaya Malaysia dapat menguatkuasakan tuntutan hak-hak kedaulatan Malaysia di perairan perikanan Zon Ekonomi Eksklusif.

Akuakultur

Sejak dahulu, Jabatan Perikanan telah menasihati dan melatih nelayan yang berminat menternak ikan. Tetapi sehingga akhir-akhir ini, nelayan tidak memberi sambutan baik kepada ternakan air. Baru-baru ini sahaja sikap nelayan mula berubah dan makin lama kian ramai nelayan berminat menternak ikan, udang, kerang, kupang dan sebagainya. Sekarang mereka sedar bahawa akuakultura mempunyai potensi yang besar dan boleh membawa keuntungan yang lumayan.

Rang Undang-undang Perikanan 1984 menghendaki Ketua Pengarah Perikanan berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri menggalakkan pempajuan akuakultura. Ia juga memberi kuasa kepada beliau mengawal ikan hidup yang diimport ke dalam negeri atau dieksport ke luar negeri supaya beliau boleh mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengelak merebaknya penyakit ikan yang berjangkit.

Perikanan Darat

Perikanan darat juga baru-baru ini didapati mempunyai potensi commercial yang baik sekali. Rang Undang-undang Perikanan 1984 menghendaki Ketua Pengarah Perikanan bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Negeri menggalakkan pempajuan dan pengurusan yang rasional bagi perikanan darat. Ia juga memberi kuasa kepada pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah untuk memaju dan mengawal selia perikanan darat jika dan bila dianggap perlu.

Taman Laut dan Rizab Laut

Pada masa yang lalu, ancaman terhadap flora dan fauna akuatik yang luar biasa, terutama sekali di pulau-pulau yang banyak terdapat batu karang, belum begitu serius dan kerana itulah tiada terdapat peruntukan dalam Akta Perikanan 1963 mengenainya. Sekarang ini telah terdapat tanda-tanda bahawa ancaman terhadapnya telah sampai ke tahap membahayakan. Oleh itu adalah perlu supaya tindakan tegas dan segera diambil oleh Kerajaan. Sekiranya tidak, negara bukan hanya mungkin akan hilang satu tarikan pelancongan, malahan akan kehilangan tempat-tempat perlindungan dan pembiakan ikan semula jadi. Rang Undang-undang Perikanan 1984 mengadakan peruntukan-peruntukan di mana Kerajaan Persekutuan boleh menentukan kawasan-kawasan perairan pulau-pulau untuk dijadikan kawasan simpanan laut sebagai taman samudera atau taman laut untuk tujuan pemuliharaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan mendalam tentang bahagian-bahagian yang ada dalam Rang Undang-undang Perikanan ini. Rang Undang-undang ini mempunyai sebelas bahagian kesemuanya.

Bahagian I dalam Rang Undang-undang ini adalah menyentuh tentang tarikh kuatkuasa dan juga kaitan mengenai perlembagaan. Ia juga menyentuh tentang hak dan bidang kuasa Kerajaan Negeri mengenai semua perkara-perkara yang berkaitan dengan perikanan darat. Bahagian ini juga memberi takrif dan definisi perkataan-perkataan yang digunakan dan juga memberi definisi perairan perikanan Malaysia sebagai meliputi perairan Wilayah dan juga Zon ekonomi Eksklusif.

Bahagian II dalam undang-undang ini menyentuh tentang pentadbiran undang-undang di mana Ketua Pengarah Perikanan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong manakala Timbalan Ketua Pengarah dan juga Pegawai-pegawai Perikanan yang lain dilantik oleh Menteri. Ketua Pengarah Perikanan juga diberi kuasa untuk menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai lain.

Oleh sebab negara pantai seperti Malaysia dikehendaki oleh UNCLOS untuk menentukan paras optima sumber yang patut diterokai dan juga menghendaki supaya semua sumber itu diterokai secara optima, maka Bahagian III Rang Undang-undang ini mewajibkan Ketua Pengarah Perikanan untuk menyediakan satu rancangan lengkap tentang pengurusan sumber perikanan. Semua program pembangunan perikanan hendaklah mengambil kira rancangan tersebut.

Sehubungan dengan ini, suka saya menjelaskan bahawa peruntukan-peruntukan yang terkandung di Bahagian II dan III Rang Undang-undang ini tiada bermaksud memberi kuasa yang berlebihan kepada Ketua Pengarah Perikanan tetapi setakat memudahkan pelaksanaan tanggungjawabnya di bawah Akta ini. Ketua Pengarah Perikanan bertanggungjawab di atas pengurusan

secara am mengenai semua perkara-perkara perikanan termasuk menyediakan rancangan pengurusan sumber perikanan. Walau bagaimanapun, Menteri mempunyai kata pemutus dalam semua hal berhubung dengannya. Oleh itu, Menteri akan memastikan supaya semua tindakan termasuk penguatkuasaan akan dijalankan dengan adil dan saksama.

Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan tentang perlesenan bagi bot-bot tempatan. Peruntukan-peruntukan ini adalah lebih menyeluruh dan lengkap jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Perikanan 1963. Perlesenan adalah satu alat pengurusan sumber perikanan yang dipraktikkan oleh banyak negara di dunia termasuk Malaysia. Ketua Pengarah Perikanan diberi kuasa untuk menerima, menimbang, melulus dan menolak permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen bot dan alat-alat penangkapan ikan di perairan Malaysia. Adalah menjadi kesalahan jika seseorang itu didapati menggunakan alat-alat menangkap ikan tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Pegawai Perikanan.

Untuk tidak menyulitkan nelayan-nelayan kecil, alat-alat seperti jala dan pancing yang menggunakan tidak lebih daripada 2 mata kail dikecualikan mengikut takrif "peralatan menangkap ikan" dalam Bahagian I.

Dalam perlesenan bot-bot menangkap ikan, ada sedikit perbezaan dengan sistem lama yang dipraktikkan. Di bawah sistem lama, perlesenan bot-bot menangkap ikan adalah dilaksanakan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 di mana Pegawai Perikanan diberi kuasa sebagai Timbalan Pegawai Pelabuhan. Perlesenan alat-alat menangkap ikan pula dilaksanakan di bawah akta

Perikanan 1963. Dalam Rang Undang-undang 1984, Ketua Pengarah Perikanan diberi kuasa untuk melesen bot-bot menangkap ikan beserta dengan alat-alat penangkapan ikan. Seseorang nelayan yang ingin membina sebuah bot menangkap ikan dikehendaki di bawah Rang Undang-undang baru ini untuk mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Perikanan sebelum membina bot tersebut. Pindaan ini adalah difikirkan satu cara yang berkesan untuk mengatasi masalah pembinaan bot-bot haram yang telah menjadi satu masalah yang rumit.

Di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCLOS) terdapat peruntukan bahawa sekiranya Malaysia tidak ada kemampuan untuk mengeksploitasi sumber-sumber ikan di Zon Eksklusif Ekonomi maka Malaysia terpaksa memberi kebenaran nelayan asing menangkap ikan di zon tersebut. Di samping itu selaras dengan perkembangan perusahaan menangkap ikan laut dalam, ada kemungkinan besar nelayan-nelayan asing perlu digunakan di atas bot-bot besar tempatan dan asing yang menerokai kawasan tersebut.

Oleh itu adalah perlu supaya Seksyen 10(1)(c) dan juga 19(4)(t) di adakan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Perikanan membenarkan nelayan-nelayan asing bekerja di bot-bot menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Peruntukan-peruntukan di atas tidak bermaksud untuk menghalang nelayan menjadi pemastautin tetap Malaysia (permanent resident) menangkap ikan di perairan Malaysia. Pemastautin-pemastautin tetap yang sekarang memiliki lesen menangkap ikan iaitu seramai lebih kurang 135 orang akan terus diberi kebenaran oleh Ketua Pengarah Perikanan untuk

menjalankan operasi menangkap ikan. Di samping itu pemastautin-pemastautin tetap yang berhasrat untuk bekerja di bot-bot menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia akan juga diberi pertimbangan untuk mendapat kebenaran bekerja mengikut keadaan dan kawasan tertentu. Sebagai makluman bilangan nelayan yang terdiri dari pemastautin tetap adalah kecil.

Bahagian V mengandungi undang-undang bagi mengawal kegiatan bot-bot asing. Seksyen 15 di dalam bahagian ini menghendaki supaya perjanjian dua hala (bilateral) ditandatangani antara Malaysia dengan negara-negara lain atau Badan-badan Swasta Antarabangsa yang ingin menerokai bersama sumber-sumber perikanan dalam perairan perikanan Malaysia. Bahagian ini juga menyentuh tentang kelulusan yang patut diberi kepada bot-bot nelayan asing yang membuat laluan ikhlas (innocent passage) melalui perairan perikanan Malaysia. Ini adalah mengikut kehendak dalam peruntukan UNCLOS. Ketua Pengarah Perikanan adalah dikehendaki untuk menentukan syarat-syarat kemasukah bot-bot asing atau Badan-badan Swasta Antarabangsa yang ingin menerokai bersama dalam perairan perikanan Malaysia dan sedia membantu negara kita di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan perikanan.

Ketua Pengarah Perikanan dikehendaki memastikan supaya kegiatan nelayan asing tidak akan menjejaskan penangkapan nelayan-nelayan tempatan. Beliau juga, dalam menjalani tanggungjawab untuk menguruskan sumber secara wajar boleh menentukan kawasan penangkapan ikan, tempat-tempat pendaratan, mendapat maklumat-maklumat penangkapan ikan dari bot-bot asing supaya bot-bot asing itu dapat sentiasa diawaselia oleh Kerajaan.

Bahagian VI adalah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang ini. Oleh sebab Kerajaan boleh memberikan kebenaran kepada bot-bot asing menangkap ikan dalam perairan perikanan Malaysia maka denda yang dikenakan untuk bot-bot asing dan bot-bot tempatan berbeza. Bagi bot-bot nelayan asing, denda maksima yang dikenakan ke atas tuannya bot adalah sebanyak \$1 juta. Denda ini adalah selaras dengan denda dalam Akta Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Kuasa Mahkamah Malaysia berhubung dengan nelayan-nelayan dan bot-bot nelayan asing di bawah Akta Perikanan 1963 terhad kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan meliputi kawasan perairan Wilayah sahaja.

Peruntukan juga diberi kepada pegawai penguatkuasa untuk mengenakan kompaun ke atas nelayan-nelayan tempatan yang didapati melakukan kesalahan. Untuk tujuan tersebut, bahagian ini memperuntukkan kompaun minima sebanyak \$500 berbanding dengan \$200 dalam akta Perikanan 1963. Denda maksima yang boleh dikenakan oleh mahkamah juga dinaikkan daripada \$1,000 kepada \$50,000. Kompaun dan denda dinaikkan dengan maksud memelihara dan mengurus sumber dengan berkesan selaras dengan Artikel 61 dan 62 UNCLAS yang mengenakan tanggungjawab untuk memelihara dan mengurus sumber-sumber tersebut. Dalam kes-kes tertentu, jika sekiranya mereka yang melakukan kesalahan tidak dapat ditangkap, mahkamah atas budibicaranya berkuasa mengenakan hukuman rampas atas barang-barang atau bot-bot yang telah terbukti digunakan untuk melakukan kesalahan.

Denda maksima \$1,00 di bawah Akta Perikanan 1963 adalah

ketinggalan zaman. Pada tahun 1963, bot-bot yang diusahakan adalah bot-bot kecil, biasanya bermuatan kurang dari 10 GRT yang berharga iebih kurang dua atau tiga ribu ringgit sahaja. Dengan perluasan perairan kita ke 200 batu nautika akan terdapat perkembangan perusahaan perikanan laut dalam dan bot-bot hingga bermuatan 200 GRT atau lebih akan digunakan. Bot-bot sebesar ini ditaksirkan berharga melebihi satu juta ringgit. Pada ketika ini ada terdapat bot-bot yang bermuatan 70 GRT hingga 100 GRT yang berharga dalam lingkungan setengah juta ringgit menjalankan operasi menangkap ikan. Oleh yang demikian, adalah wajar bahawa maksima denda dinaikkan ke \$50,000.

Perlu ditegaskan bahawa angka ini adalah angka maksima dan mahkamah mempunyai kuasa budibicara berdasarkan fakta sesuatu kes itu untuk mengenakan apa-apa denda pun asalkan tidak melebihi \$50,000.

Bahagian VII telah menyentuh tentang kuasa Kerajaan Negeri membuat kaedah-kaedah mengenai pembangunan dan pengawalan kegiatan perikanan darat. Walau bagaimanapun, keadah-kaedah itu hanya akan diadakan dan dikuatkuasakan apabila perlu berasaskan keperluan dan situasi masa ke semasa. Secara amnya undang-undang ini adalah untuk kebaikan dan bukan bermaksud menyusahkan nelayan-nelayan yang menangkap ikan di sungai-sungai dan kolam-kolam.

Dalam Bahagian VIII, Ketua Pengarah Perikanan dengan cara rundingan dengan Kerajaan Negeri diberi kuasa dan tanggungjawab untuk merancang pembangunan dan pengawalan dalam bidang akuakultura.

Bahagian IX menyentuh tentang peruntukan-peruntukan di mana Kerajaan Persekutuan boleh menentukan kawasan-kawasan

perairan pulau-pulau dalam perairan Malaysia untuk dijadikan kawasan simpanan laut (marine reserves) sebagai taman samudera atau taman laut untuk tujuan pemuliharaan. Perkara ini tidak diberi perhatian dalam Akta Perikanan 1963.

Bahagian X menyentuh tentang penguatkuasaan dan kuasa-kuasa yang diberi kepada Pegawai Penguatkuasaan. Berbanding dengan akta Perikanan 1963, kuasa-kuasa yang diberi dalam Rang Undang-undang baru ini adalah lebih meluas, seperti kuasa untuk membuat pemeriksaan atas pelayaran dan keadaan bot, kuasa untuk mengambil contoh-contoh ikan, kuasa untuk memeriksa alat-alat menangkap ikan, kuasa untuk merampas racun, bahan-bahan pencemaran, bahan-bahan letupan yang dipercayai telah digunakan untuk melakukan kesalahan. Peruntukan juga diadakan untuk melindungi Kerajaan daripada didakwa atas kerosakan ikan-ikan atau barang-barang yang ditahan. Rang Undang-undang ini mewajibkan mahkamah mengenakan hukuman rampas atas barang-barang dan bot-bot yang telah terbukti digunakan untuk melakukan kesalahan selaras dengan peruntukan di dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif mengenai perkara yang sama. Peruntukan sedemikian bertujuan untuk mengadakan perundangan yang berkesan, terutama sekali bagi mengawal pencerobohan bot-bot perikanan asing.

Peruntukan tersebut tidak bermakna bahawa pegawai-pegawai boleh bertindak sewenang-wenangnya, tetapi hendaklah mempunyai asas-asas yang munasabah. Peruntukan-peruntukan serupa ini juga terdapat dalam undang-undang lain, sebagai contohnya seksyen 37 Akta Perlesenan Tenaga Atom. Bagi mereka yang tidak berpuas hati, ada cara untuk mendapatkan tebus rugi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi tujuan Kerajaan adalah untuk menggubal satu Rang Undang-undang Perikanan yang cukup lengkap dan sesuai dengan aliran zaman supaya industri perikanan boleh berkembang dengan maju dan pesat. Dengan adanya Zon ekonomi Eksklusif, perairan perikanan di bawah bidang kuasa negara kita akan bertambah sebanyak 113,000 batu nautika persegi, iaitu dari 47,000 batu nautika persegi ke 160,000 batu nautika persegi. Dengan perkataan lain, kawasan-kawasan laut dalam yang luas di Laut Cina Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi yang dikawal oleh Kerajaan kita akan terbuka untuk nelayan kita menangkap ikan secara besar-besaran. Dengan adanya Akuakultura dan Perikanan Darat, nelayan kita, terutama sekali nelayan yang kecil dan miskin akan berpeluang mendapatkan pendapatan tambahan. Sekurang-kurangnya 307,649 hektar kawasan air tawar dan 499,764 hektar kawasan air payau boleh dieksploitasikan untuk ternakair. Sungai-sungai seperti Sungai Pahang, Sungai Perak, Rajang, Batang Lupar, Baram, Limbang dan Kinabatangan dan ampangan-ampangan seperti Temenggor, Kenyir, Pedu, Muda, Bukit Merah dan Cenderoh pun boleh digunakan untuk ternakair. Dengan tertubuhnya Taman Laut dan Rizab Laut, kita akan dapat melindungi tempat-tempat pembiakan ikan semulajadi di perairan negara kita demi kepentingan nelayan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa mungkin ada orang yang menganggap bahawa hukuman-hukuman ke atas kesalahan yang diperuntukkan adalah berat sekali dan kuasa yang diberi kepada pegawai adalah terlalu luas. Izinkan saya menjelaskan bahawa Kerajaan bertanggungjawab kepada nelayan, kecil atau besar, yang mematuhi undang-undang. Kerajaan

berkewajipan untuk memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada mereka daripada pencerobohan-pencerobohan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan pukat tunda dan nelayan-nelayan lain yang tidak bertanggungjawab. Pegawai-pegawai Kerajaan akan menggunakan kuasa mereka dengan bijaksana dan bertimbangrasa.

Akhirnya, saya ingin menegaskan bahawa sekiranya ada orang yang tidak berpuas hati di atas keengganan Ketua Pengarah Perikanan mengeluarkan atau membaharui mana-mana lesen atau dengan penggantungan atau pembatalan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Rang Undang-undang ini, orang tersebut boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh 14 hari mengikut cara yang ditetapkan. Saya suka juga menegaskan bahawa sebelum satu-satu kes kesalahan dibawa ke mahkamah, ianya akan dirujuk terlebih dahulu kepada Menteri untuk keputusannya. Menteri yang berkenaan berikrar akan menimbang semua kes dengan adilnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong); Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berhubung dengan perikanan, termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara, di perairan perikanan Malaysia, dengan penyu dan penangkapan ikan di sungai dalam Malaysia dan dengan perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya, dibacakan

kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun.

5.58 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua kata untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta berhubung dengan perikanan, termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara, di perairan perikanan Malaysia, dengan penyu dan penangkapan ikan di sungai dalam Mataysia dan dengan perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya. Rang Undang-undang tersebut yang baru telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah difahamkan bahawa Rang Undang-undang Perikanan ini telah ditubuhkan atau telah diwartakan pada kali yang pertama tahun 1959 dan diubahsuai pada tahun 1963 dan pada hari ini telah dilengkapkan Rang Undang-undang tersebut, sebagaimana yang telah dibentangkan dan diberi penjelasan oleh Timbalan Menteri kita tadi.

Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Menteri yang berkenaan kerana telah mengkaji dan membentangkan untuk faedah bukan sahaja kepada nelayan-nelayan kita tetapi juga kepada rakyat kita dan negara kita keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak menyentuh dalam perkara Rang Undang-undang Perikanan ini cumanya saya menyentuh yang pertama berkenaan dengan Bahagian VIII, Akuakultur, No. 40—Kawalan ke Atas Ikan Hidup. Di sini dapat saya fahamkan bahawa Rang Undang-undang tersebut bertujuan untuk

pengimportan dan pengeksporan dari dan ke luar negara kita Malaysia.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak belum dimasukkan untuk kawalan ataupun perlindungan ke atas ikan-ikan hidup, ikan-ikan di darat ataupun ikan sungai yang ada dalam negara kita ini kerana kita tahu sekarang ini negara kita sedang membangun dan beberapa kilang-kilang perindustrian telah diwujudkan oleh Kerajaan kita dan kadang-kadang terdapat pembangunan kilang-kilang itu berdiri di tepi-tepi sungai ataupun berhampiran dengan sungai ataupun yang mana dari perjalanan kilang-kilang tersebut terdapat serpihan-serpihan ataupun air-air beracun seumpama kilang-kilang yang mengeluarkan gas ataupun terdapat daripada air-air gasnya yang bisa yang mengalir ke dalam sungai-sungai yang ada berhampiran dengan kilang-kilang perusahaan itu. Umpamanya kilang-kilang getah yang didirikan oleh MARDEC dan sebagainya, ini tentulah air getah yang bisa itu mengalir ke dalam sungai dan boleh memabukkan ikan-ikan di dalam sungai itu, seterusnya barangkali boleh jadi mati ataupun kalau tidak mati pun ikan-ikan itu boleh jadi merbahaya dan tidak berkembang biak dan kalau dapat pun dimakan oleh manusia akan juga mendatangkan bahaya dari segi kesihatan kita.

Dalam perkara ini tentulah kita tidak boleh hendak mengawal pembangunan kerana kadangkala pembangunan itu perlu didirikan di tempat itu. Jadi, saya fikir patutlah Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan berikhtiar mencari satu jalan sama ada barangkali mengkaji daripada segi sains dan teknologinya supaya daripada air-air kilang-kilang yang mengalir ke dalam sungai-sungai itu dapat kita carikan ubat supaya ikan-ikan yang ada dalam sungai itu

tidak mabuk dan boleh hidup bahkan berkembang hingga pada masa-masa yang akan datang. Saya fikir jika ini tidak kita kaji ataupun tidak ambil berat tentulah seperti yang saya sebutkan tadi ikan-ikan ini akan mabuk dan boleh jadi akan pupus hingga pada masa yang akan datang.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1984 iaitu di Sungai Linggi, Negeri Sembilan bukan sahaja ikan yang boleh mati tetapi udang yang ada di dalam sungai itu pun telah banyak yang mati, berpikul-pikul udang yang mati di situ. Ini mendatangkan kerugian yang besar kepada negara kita. Tidak tahulah kita apakah sebabnya udang-udang itu boleh jadi mati, sama ada barangkali oleh satu perbuatan yang tidak bertanggung-jawab ataupun lainnya. Jadi, ini menunjukkan betapa perlunya Kerajaan kita mengawasi ikan-ikan ataupun udang-udang yang ada dalam sungai di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menyentuh berkenaan dengan pengwujudan ataupun pemuliharaan ikan-ikan yang ada dalam negara kita ini yang mana Kerajaan khasnya Kementerian kita telah menggalakkan kepada rakyat dengan memberi bantuan untuk memelihara ikan-ikan dalam kolam yang diberikan bantuan dan pertolongan kepada rakyat negara kita ini.

Kita dapati sekarang sambutan daripada rakyat begitu baik dan beberapa banyak kolam-kolam telah dibina dan telah mengeluarkan hasil ikan. Kita telah menyaksikan sendiri gambar-gambar beberapa peristiwa membuka kolam dan sebagainya dalam TV. Ini memberikan satu sambutan yang baik kepada rakyat kita di negara kita ini.

Saya memanglah bersetuju dan amat menggembirakan berkenaan dengan pemuliharaan ikan-ikan

bantuan kolam-koiam ikan ini tetapi saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan dalam kita menggalakkan rakyat memelihara ikan di kolam-kolam ini, saya fikir masalah ataupun pembelaan udang juga patut kita galakkan kepada rakyat kerana udang ini pun satu jenis makanan yang berkhasiat juga. Saya fikir lebih lagi daripada ikan dan harganya pun begitu baik dan kalau sekiranya rakyat kita ramai yang memelihara udang, ini boleh mendatangkan hasil pencarian kepadanya. Tetapi penggalakan pemuliharaan udang ini setakat yang ada sehingga hari ini tidaklah begitu ramai kerana barangkali kekurangan pelajaran ataupun cara-cara latihan memelihara udang ini ataupun kurang benih daripada Kerajaan, itu tidaklah saya fahamkan. Tetapi setakat yang saya tahu perbelanjaan memelihara udang dengan ikan ini lebih kurang sama sahaja. Jadi, saya berharap kepada Kerajaan supaya mengutamakan ataupun memberi perhatian yang lebih kepada pemuliharaan udang kepada rakyat kita dalam negara kita ini kerana di samping ikan-ikan, udang juga banyak dipelihara dan dibela oleh rakyat kita yang boleh mendatangkan mata pencarian kepadanya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ikan-ikan yang dipelihara sekarang ini yang diberi bantuan ataupun yang digalakkan kepada rakyat kita sebagaimana yang kita tahu ialah ikan lampam jawa, ikan likoh, ikan tongsan, ikan paten dan sebagainya. Jadi, ikan-ikan ini baik dan bukan tujuan kita untuk hendak menghilangkannya tetapi boleh dikatakan sebagai ikan-ikan mendatang yang telah banyak dipelihara, dibela oleh rakyat kita dan diberikan bantuan. Tetapi selain daripada ikan-ikan ini, kita dapati ada ikan-ikan asli. Saya katakan ikan asli iaitu ikan yang sedia ada dalam negara kita ini yang mana sekarang ini ikan-ikan ini hampir pupus oleh sebab

barangkali petani-petani kita menggunakan baja daripada kimia. Jadi, ikan-ikan itu mabuk dan mati dan ikan-ikan ini jikalau sekiranya kita tidak kawal ataupun kita tidak galakkan nescaya ikan-ikan ini akan pupus. Umpamanya ikan sembilang ataupun ikan keli ataupun Ikan puyu, ikan terubul. Inilah ikan-ikan asli yang ada dalam negara kita ini dan ia sangat disukai oleh rakyat kita terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar. Jadi, setakat hari ini Kerajaan tidak menggalakkan pemuliharaan ikan-ikan asli yang saya katakan tadi, cuma, ikan mendatang seperti ikan paten, ikan likoh, ikan lampam jawa dan sebagainya: Saya fikir patut juga Kerajaan kita menggalakkan pemuliharaan ikan-ikan asli seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma itu sahaja berhubung dengan masatah perikanan ikan sungai ataupun ikan darat. Itulah sahaja yang sempat saya berikan pandangan dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perikanan 1984 ini diluluskan. Terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Jika tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.10 ptg.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya gembira sangat dengan pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Jaafar Harun kerana nampaknya beliau bukan sahaja berminat tentang akuakultura tetapi barangkali beliau sendiri ada menternak ikan kerana beliau bercakap seperti seorang pakar dan saya merasa takut sedikit hendak menjawab kerana pengetahuan saya tentang ikan memang kurang daripada Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, saya hendak tegaskan di sini bahawa pegawai-pegawai saya yang ada dalam bangunan ini, termasuk Ketua Pengarah Perikanan, tentu telah mendengar hujah-hujah yang membina yang dikemukakan oleh Senator itu dan saya percayalah Jabatan Perikanan tentu akan bertindak dengan sewajarnya.

Berkenaan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu pencemaran dalam sungai yang diakibatkan oleh kilang-kilang dekat sungai dan sebagainya, ini memang jadi satu dilemma bagi Kerajaan kerana Malaysia hendak memperkembangkan industri Malaysia atau, dengan izin, industrialised. Jadi, kita menggalakkan pembukaan kilang-kilang yang banyak akan tetapi salah satu akibatnya ialah pencemaran sungai-sungai yang menjadi satu ancaman terhadap ikan dan udang yang hidup dalam sungai atau laut.

Sebenarnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk mengawal masalah pencemaran ini dan Jabatan Perikanan serta juga Kementerian Pertanian akan berhubung lebih rapat dengan Kementerian Alam Sekitar supaya mencari jalan untuk mengawal pencemaran ini.

Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat bahawa penternak-penternak patutlah menternak udang, sebenarnya ini merupakan satu cadangan yang sangat baik, dan seperti Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, ada beberapa penternak udang persendirian yang telah muncul bukan sahaja di Negeri Sembilan tetapi di Johor dan Perak dan sebagainya. Dan nampaknya mereka telah mencapai kejayaan dan mendapat keuntungan yang lumayan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kementerian memang menggalakkan ternakan udang oleh sektor swasta. Kementerian tidak begitu berminat tentang penglibatan agensi Kerajaan dalam ternakan udang ini kerana sebenarnya projek-projek yang dahulu dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ikan sekarang telah dibuka untuk diswastakan selaras dengan dasar yang baru.

Jabatan Perikanan akan memberi segala sokongan yang diperlukan termasuk nasihat-nasihat teknik tentang pemilihan tempat yang sesuai, nasihat-nasihat tentang keadaan kolam, tentang benih, makanan dan sebagainya. Pihak yang berkenaan yang berminat patutlah berhubung dengan Jabatan Perikanan untuk mendapat bantuan selanjutnya.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan bahawa Kementerian menggalakkan ternakan ikan asli. Ini merupakan satu cadangan yang sangat membina dan saya sendiri akan memberi perhatian dan berbincang dengan pegawai-pegawai yang berkenaan kerana kita patutlah membanyakkan jenis-jenis ikan yang kita ternakkan kerana orang yang makan ikan tentulah lebih suka juga ada choice yang luas sekali.

Itulah sedikit sebanyak ulasan saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Senator Jaafar bin Harun yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PENYELIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN
PERHUTANAN MALAYSIA**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 *ptg.*

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, 1985 bagi menubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia untuk mentadbirkan suatu kumpulan wang bagi maksud membiayai penyelidikan dan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia ini telah pun

dibentangkan di Dewan Rakyat pada 4hb April, 1985 dan diluluskan bagi menubuhkan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRI) Kepong sebagai sebuah badan berkanun iaitu suatu pertukaran tafaf bagi FRI yang sebelum ini adalah satu unit dalam Jabatan Perhutanan Persekutuan. Pertukaran taraf ini adalah untuk meningkatkan keupayaan FRI sebagai sebuah badan penyelidikan dalam bidang perhutanan dan kayu-kayan.

Selain dari itu, pertukaran taraf adalah juga mencerminkan kepentingan yang diberi oleh Kerajaan terhadap peranan dan sokongan penyelidikan kepada perkembangan sektor barangan utama kayu, sama seperti sokongan penyelidikan oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) bagi barangan getah dan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapasawit Malaysia (PORIM) bagi kelepasawit. Sokongan penyelidikan yang berkesan dan hasil penyelidikan yang diperolehi, diharap akan membantu sektor perhutanan terus memberikan sumbangan kepada pendapatan eksport dan pembangunan ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat.

Di samping itu, amalan-amalan yang dilakukan dalam pengurusan sumber perlu diperbaiki melalui pemakaian teknik-teknik pengurusan yang sesuai memandangkan sebahagian besar daripada Hutan Simpanan Kekal adalah terdapat di kawasan-kawasan bukit. Begitu juga dari segi penggunaan kayu di mana teknik-teknik sesuai perlu dimajukan untuk meluaskan lagi bidang penggunaan kayu untuk menambahkan sumbangan keluaran kayu yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Untuk mengatasi masalah-masalah teknik dan pengurusan dan beberapa masalah lagi berhubung dengan sektor perhutanan, penyelidikan perlu memainkan peranan yang lebih meluas dan berkesan.

Dalam usaha untuk memajukan lagi sektor perhutanan supaya seklor tersebut terus memberi faedah kepada rakyat, adalah perlu penyelidikan diperkuatkan dalam bidang-bidang pengeluaran (termasuk pengurusan sumber), penggunaan (termasuk pemerosesan lanjut), rotah dan buluh, kayu getah, batang kelapasawit dan perlindungan alam sekitar.

Penyelidikan dalam bidang penggunaan akan menghasilkan satu pendumuan yang komprehensif mengenai penggunaan akhir (end-uses) berbagai jenis spesies kayu yang membolehkan pelaksanaan satu strategi pemasaran yang lebih dinamik dan fleksibel.

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan kadar tebanan dari 365,000 hektar pada tahun 1978 kepada 149,000 hektar dalam tahun 1986 di Semenanjung Malaysia dan seterusnya, penyelidikan perlu dipertingkatkan untuk mengadakan teknologi memproses balak perepang kecil berasaskan kepada pengalaman tempatan.

Selain daripada itu, teknologi yang wajar perlu dimajukan untuk mengurangkan pembaziran dengan cara mengguna reja-reja kayu di hutan dan di kilang. Juga, penyelidikan akan mengkaji efisensi di peringkat pembalakan dan kilang papan dan papanlapis untuk meningkatkan lagi kadar recovery, dengan izin.

Penyelidikan juga perlu mengkaji pertumbuhan dan kajihayat. pemblakan dan silvikultur untuk mengadakan maklumat asas dan teknologi bagi penanaman rotan dan buluh secara ladang, dan mengadakan teknik-teknik yang ekonomik dan wajar bagi memproses, mengawet dan mengawal mutu untuk memajukan industri tersebut bagi tujuan eksport selain dari berusaha memajukan industri kraftangan yang boleh menambah pendapatan penduduk di kawasan luar bandar.

Pengetahuan mengenai batang kelapasawit masih sedikit, tetapi sebagai satu sumber bahan kayu ia mempunyai potensi dan seharusnya dijalankan kajian untuk rriemajukan bidang ini. Untuk menjadikan batang kelapasawit berpotensi sebagai satu keluaran kayu, penyelidikan awal perlu diarahkan kepada memahami sifat-sifat asas batang kelapasawit, memajukan cara-cara memproses, mengering dan mengawet dan mempelbagaikan kegunaan akhir kayu dari kelapasawit ini.

Pembalakan dan pelupusan hutan mempunyai implikasi ke atas alam sekitar terutama sekali ke atas sumber air. Gangguan oleh aktiviti pembalakan boleh diatasi melalui penyelidikan dan pembangunan dari segi mengkaji dan menentukan sejauh mana pelupusan hutan atau kerosakan hutan akibat pembalakan mempengaruhi iklim tempatan, kedapatan punca air, rejim air, kehilangan nutrients dan hakisan tanah yang telah terdedah dengan memajukan langkah-langkah wajar untuk mengurangkan kesan buruk ke atas alam sekitar akibat pembalakan dan lain-lain kegiatan hutan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai badan berkanun FRI akan mempunyai sumber kewangannya sendiri bagi menjalankan kegiatan penyelidikan yang diperolehi melalui sumbangan Kerajaan Persekutuan dan pihak industri kayu melalui kutipan Ses Penyelidikan. Di samping itu Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk memberi sumbangan kewangan tahunan kepada FRI. Dengan sumber kewangan yang mencukupi FRI akan berkebolehan mengadakan dan memperluaskan hubungan kerjasama dengan agensi-agensi penyelidikan di negara-negara yang maju melalui pertukaran para penyelidik, seminar serta lawatan sambil belajar di institusi-institusi berkaitan.

Rang Undang-undang ini juga ada memperuntukkan penyertaan dan penglibatan pihak industri kayu dalam kegiatan penyelidikan FRI menerusi perlantikan ahli dalam Jemaah Lembaga FRI.

Penglibatan secara langsung pihak industri ini adalah penting kerana sebelum ini hubungan FRI dengan pihak industri adalah sangat minima dan tidak ada hubungan secara terus bagi mewujudkan pergandingan tugas di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta di dalam memajukan lagi sektor perhutanan negara. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan menggalakkan konsep Persyarikatan Malaysia atau Malaysia Incorporated.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini juga ada peruntukan bagi penyertaan dan penglibatan Kerajaan Negeri selaras dengan kepentingan - bidang penyelidikan perhutanan atau forestry research, dengan izin, yang diberi perhatian sama penting dengan penyelidikan keluaran kayu atau forest products research, dengan izin. Penyelidikan perhutanan akan menumpukan perhatian kepada pengeluaran sebagaimana yang saya telah nyatakan di atas tadi yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti hutan supaya Kerajaan Negeri akan memperoleh pengeluaran yang bertambah dari satu hektar kawasan hutan. Selain dari itu, kegiatan FRI dalam penyelidikan perhutanan adalah sebahagian besarnya dilakukan dalam kawasan Hutan-hutan Simpanan yang terdapat di negeri-negeri, Kerjasama dan sokongan Kerajaan Negeri yang telah diberi selama ini adalah perlu terus dikekalkan untuk membolehkan FRI menjalankan kegiatan penyelidikan luar di kawasan-kawasan hutan ini. Di samping itu, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi kerjasama yang sepenuhnya atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebahagian dari Jabatan Perhutanan, FRI telah berjaya mengadakan kemudahan-kemudahan dan alat-alat untuk penyelidikan yang boleh dikatakan terbaik, di kalangan negara-negara membangun dan FRI telah mencapai beberapa kemajuan dalam bidang penyelidikan. Walau bagaimanapun, satu kelemahan yang terdapat di FRI ialah sungguhpun ia telah wujud semenjak tahun 1929, FRI tidak berjaya melahirkan sekumpulan kakitangan yang cukup bilangannya dan berkebolehan untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang yang telah dikenalkan pasti. Satu daripada sebab yang menghalang wujudnya satu kumpulan Pegawai Penyelidik yang berpengalaman di FRI ialah ketiadaan "continuity", dengan izin, dalam kerja-kerja penyelidikan kerana sebahagian dari pegawai-pegawai adalah tertakluk kepada pertukaran ke jawatan-jawatan di luar FRI seperti di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan atau di Jabatan Perhutanan Negeri. Di samping itu, peluang untuk kemajuan kerjaya adalah terbatas kerana jawatan-jawatan lebih tinggi terhad. Ini telah mengakibatkan "turn over" yang tinggi di kalangan Pegawai Penyelidik.

Dengan pertukaran taraf FRI menjadi badan berkanun, kesulitan-kesulitan yang timbul seperti sekarang akan dapat diatasi. Saya juga suka menegaskan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang sekarang berkhidmat di Institut tidak mengalami kerugian dari segi apa-apa faedah yang telah dinikmati oleh mereka selama ini apabila menjadi badan berkanun. Dalam Rang Undang-undang ini ada memperuntukkan supaya pilihan diberi kepada mereka sama ada untuk terus berkhidmat dengan FRI atau kembali ke Jabatan Perhutanan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibahagikan

kepada 5 bahagian yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (a) Bahagian I menyatakan tajuk Akta dan difinasi bagi perkataan-perkataan penting dalam Akta ini.
- (b) Bahagian II memperuntukkan supaya diwujudkan satu Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang mempunyai beberapa orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Menteri, termasuk ahli-ahli yang mewakili pihak industri kayu-kayan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Peruntukan juga diadakan bagi membolehkan Menteri melantik tidak lebih dari 3 orang perseorangan yang difikirkan boleh memberi sumbangan kepada usaha penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan. Dalam bahagian ini juga dikenalpasti fungsi-fungsi Lembaga yang meluas yang boleh memenuhi segala aspek yang berkaitan dengan penyelidikan perhutanan dan keluaran hutan yang boleh meningkat dan memajukan lagi sektor perhutanan dan industri kayu-kayan negara.
- (c) Bahagian III memperuntukkan supaya Lembaga menubuhkan sebuah institut penyelidikan yang dinamakan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia bagi menjalankan semua kegiatan penyelidikan yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan oleh Lembaga. Bagi mentadbir Institut ini seorang Ketua Pengarah dilantik oleh Menteri dan seorang Timbalan Ketua Pengarah serta lain-lain pegawai dan kakitangan yang dilantik oleh Lembaga. Tugas Ketua Pengarah meliputi tugas

pentadbiran dan teknikal termasuk mengadakan dan menyelenggarakan perkhidmatan kesetiausahaan yang perlu bagi Lembaga.

- (d) Bahagian IV memperuntukkan penubuhan satu tabung penyelidikan yang dikenal sebagai Kumpulan Wang Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan dan sumber-sumber kewangan baginya serta perbelanjaan-perbelanjaan yang akan dibayar melaluinya Seksyen 16 dan 17 pula masing-masing memberi mandat kepada Lembaga untuk meminjam dan melabur wang yang tertakluk kepada kelulusan Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan. Diperuntukkan juga dalam Bahagian ini kuasa Menteri membuat perintah untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan Ses Penyelidikan ke atas apa-apa hasil hutan setelah berunding dengan Lembaga dan dengan persetujuan Menteri Kewangan. Bagi menjamin amalan kewangan Lembaga ini mematuhi dan selaras dengan amalan kewangan yang dikehendaki oleh Kerajaan, Lembaga dikehendaki mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.
- (e) Bagi menjamin pertukaran taraf tidak mengganggu aktiviti penyelidikan yang sedang dijalankan oleh FRI, peruntukkan diadakan dalam Bahagian V supaya semua hak dan liabiliti sebelum ini terus dikekalkan kepada Lembaga. Bagi menjamin pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang sedang berkhidmat dengan FRI dapat

meneruskan bidang kerjaya yang mereka pilih, peruntukan juga diadakan bagi membolehkan mereka membuat pilihan sama ada untuk berkhidmat dengan Lembaga baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya FRI sebagai badan berkanun akan terdapat tiga agensi penting Kerajaan dalam sektor perhutanan, iaitu Jabatan Perhutanan yang pada asasnya adalah bertanggungjawab dalam pengurusan dan pembangunan sumber hutan, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia yang pada asasnya bertanggungjawab mengenai pemasaran hasil kayu-kayan, dan FRI yang memberi sokongan penyelidikan kepada kedua-dua agensi dan kepada industri kayu. Sokongan bersepadu ini adalah selaras dengan matlamat yang diperuntukkan dalam Akta Perhutanan Negara dan Akta Industri Berasas Kayu yang telah diwartakan pada 31hb Disember, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, untuk pentadbiran suatu kumpulan wang bagi maksud membiayai penyelidikan dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan kalau ada Ahli Yang Berhormat hendak bercakap.

6.41 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985 yang dibawa ke Dewan ini untuk diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita telah lama mengadakan suatu Undang-undang Lembaga Penyelidikan Perhutanan ini untuk menjaga kestabilan kayu kayan dan kayu balak kita sebelum negara kita menghadapi krisis kehabisan kayu balak. Kerana selama ini apa yang kita tahu bahawa penebangan kayu-kayu balak ini dibuat mengikut banyak mana permohonan yang dipohon oleh pembalok-pembalok sehingga kita terpaksa mengadakan satu peraturan untuk menyekat penebangan itu tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya dan diwajibkan kepada pembalok-pembalok supaya menanam semula benih-benih kayu balak supaya keadaan kayu kayan kita berterusan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya ikuti Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia tadi, kita merasakan bahawa langkah yang dibuat oleh Kerajaan kita untuk memelihara dan untuk mewujudkan hutan balak negara kita ini adalah sesuai dengan kehendak perkembangan negara kita selain daripada kayu balak ini adalah untuk bahan eksport kita keluar negeri yang mana menjadi satu sumber kewangan

negara yang agak banyak juga, namun keperluan negara kita terhadap kayu kayan ini masih memerlukan kepada peringkat yang lebih banyak memandangkan kepada pembangunan-pembangunan yang memerlukan bidang kayu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini kita akan dapat mewujudkan kawasan-kawasan hutan terpelihara ataupun ladang-ladang hutan yang terkawal. Dengan ini akan menjamin kewujudan ladang-ladang kayu balak, hutan kayu batak ini supaya kayu-kayu yang baik, kayu-kayu yang bermutu tinggi dapat dikawal dan dapat diteruskan penjagaannya serta penanamannya supaya kita tidak kehabisan kayu di satu hari yang akan datang. Apa yang perlu difikirkan sekarang ini ialah mengenai dengan cara-cara penebangan yang kurang pengawasan yang boleh menyebabkan benih-benih kayu yang baik turut menjadi mangsa kepada penebangan-penebangan dan urusan-urusan pengeluaran kayu balak daripada hutan-hutan kita. Jadi, Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan sepatutnya mencari satu jalan supaya sewaktu kerja-kerja penebangan dijalankan anak-anak kayu yang bermutu dapat dihindarkan daripada menjadi korban musnah kerana anak-anak kayu yang bermutu ini susah untuk kita menjaganya, untuk kita mengekalkannya dan untuk kita mendapatkan hasil kayu balak daripada kayu yang baik.

Yang keduanya, sewaktu dijalankan operasi penebangan oleh pembalak-pembalak itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nampak ialah kayu-kayu yang berukuran kecil turut ditebang sama, terutama di kawasan-kawasan hutan dara di mana kayu-kayu yang berukuran kecil juga turut ditebang. Dan apabila sampai di tempat kawasan-kawasan kilang hendak memproses kayu-kayu balak ini kita akan nampak kayu-kayu balak ini

terbiar begitu sahaja musnah dimakan oleh cuaca kerana hujan, matahari dan sebagainya. Sepatutnya penebangan kepada kayu-kayu yang berukuran kecil, ukuran repang yang kecil itu dielakkan supaya kayu-kayu ini dapat terus tumbuh hidup mencapai kepada tingkat umur yang sesuai. Kerana kita tahu sekarang ini pembalak-pembalak kita ataupun kilang-kilang kayu kita dia tidak akan menggunakan kayu-kayu kecil kerana rugi menggunakan kayu-kayu kecil ini untuk proses dijadikan bahan-bahan binaan kecuali untuk diekspor keluar negeri di dalam suatu bentuk yang lain; ini saya tahu. Tetapi kayu-kayu kecil ini juga diproses di dalam kilang-kilang di dalam negara kita ini yang kebanyakannya akan nampak terbuang begitu sahaja menjadi raja-raja kayu yang hanya dapat digunakan oleh pengguna-pengguna yang tidak dapat menggunakan sepenuhnya kepentingan daripada kayu-kayu balak ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia ini apa yang kita perlukan ialah kerana ini adalah satu Lembaga, satu agensi Kerajaan yang saya percaya akan melibatkan kakitangan yang akan melibatkan kewangan, yang akan melibatkan operasi dalam satu bentuk bahru. Jadi, apa yang kita harapkan ialah supaya apabila Lembaga ini nanti bergerak Lembaga ini menjalankan operasinya kita tidak mahu adanya berlaku kesilapan-kesilapan yang akan merugikan negara, yang akan merugikan rakyat, yang akan menimbulkan satu tohmahan dan satu kecaman di belakang hari yang akan datang. Apa yang kita harap semoga Lembaga ini, agensi ini apabila bergerak menjalankan operasinya kita berharap akan dapat berjalan dengan sebaik-baiknya untuk menjaga kepentingan negara daripada segi kayu kayan, dari segi kayu balak.

Kita di Semenanjung barangkali kita, melihat beberapa banyak kawasan-kawasan yang telah dibuka menjadikan kawasan-kawasan pembukaan tanah baru seperti FELDA tetapi apa yang kita nampak di Sabah dan Sarawak hutan masih melaut-laut luasnya. Namun demikian pembalakan di Sabah dan di Sarawak adalah merupakan hasil negara yang besar tetapi hasil negara yang besar ini kalau dibiarkan berterusan juga tidak dikawal akan musnah dan negara akan rugi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pembentangan Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya dan saya pun tidak mempunyai perkara-perkara lain yang saya hendak sebutkan di sini. Dengan ini saya ucapkan berbanyak terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen; Kalau tidak ada lain Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, saya persilakan Menteri untuk menjawab.

6.50 *ptg.*

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengucapkan terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom dengan turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Suka saya memberitahu Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bahawa Majlis Perhutanan Negara telah mempersetujui 3 strategi penting dilaksanakan untuk menjamin negara akan terus mendapat bekalan kayu tempatan yang mencukupi. Salah satu strategi ini ialah dengan melaksanakan projek-projek Ladang Hutan Kompensatori. Kerajaan Pusat bercadang untuk menubuhkan 188,000

hektar Ladang Hutan Kompensatori di Semenanjung Malaysia dalam tempoh dari tahun 1980 hingga tahun 1995.

Kerajaan bercadang untuk menanam pokok-pokok yang mencepat-besar supaya kita boleh mendapat bekalan kayu-kayan pada tahun 1990an. Pokok-pokok mencepat-besar ini boleh menghasilkan sebanyak 60 cubic ton seekor dalam tempoh 15 tahun manakala pokok-pokok yang tradisional boleh menghasilkan lebih kurang 15 cubic ton seekor dalam tempoh selama 50 hingga 60 tahun.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memilih pokok-pokok yang sangat baik untuk melaksanakan Ladang Hutan Kompensatori di Semenanjung Malaysia. Sabah dan juga Sarawak.

Strategi yang kedua ialah mengurangkan kadar tebanan tahunan kawasan-kawasan hutan di Semenanjung Malaysia dari 365,000 hektar dalam tahun 1978, kepada 149,000 hektar pada tahun 1986 dan pada tahun-tahun berikutnya. Tindakan ini boleh menjamin bekalan kayu-kayan di negara kita.

Oleh sebab Kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan pembukaan hutan di negara kita, pembalakan-pembalakan dan kilang-kilang di negara kita terpaksa menggunakan balak-balak yang kecil dan balak-balak yang tidak popular ataupun tidak terkenal. Tindakan ini membolehkan kita untuk meningkatkan kadar recovery di hutan negara kita dan di kilang-kilang di negara kita.

Strategi yang ketiga ialah mempergiatkan usaha pemulihan hutan melalui Rawatan Silvikultur ke atas kayu-kayu hutan yang telah dibalakan ataupun rosak.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh juga berkata bahawa semua Kerajaan Negeri sedar pentingnya hutan kepada negara dan mereka telah mengambil tindakan-tindakan untuk mempertahankan hutan-hutan di negara kita.

Inilah sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara wajar yang telah disentuh itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 22hb April, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.